



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## TAHUN 2017

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN  
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERajaan NEGERI  
**SABAH**

## SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017**

**PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN  
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

**NEGERI SABAH  
SIRI 1**

Jabatan Audit Negara Malaysia





## **KANDUNGAN**

---



# KANDUNGAN

|  |  |
|--|--|
| vii  | KATA PENDAHULUAN   |
| xi   | INTISARI LAPORAN   |
| <b><u>BAHAGIAN I</u></b>   |  |
| <b>AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b> |  |
| 3  | <b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT</b><br>Pengurusan Program Latihan dan Kursus ICT       |
| 24   | <b>JABATAN KERJA RAYA NEGERI SABAH</b><br>Pembinaan Bangunan Mahkamah Anak Negeri  |
| 46   | <b>KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN MAJLIS DAERAH RANAU DAN MAJLIS DAERAH PUTATAN</b><br>Pengurusan Perolehan |
| 70   | <b>PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SABAH</b><br>Syarikat Sedco Communications Sdn. Bhd.                                   |
| <b><u>BAHAGIAN II</u></b>  |  |
| <b>PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI NEGERI</b>                      |  |
| 99   | <b>PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)</b>  |
| 134  | <b>PENGAUDITAN MENGEJUT</b>  |
| 145  | <b>PENUTUP</b>   |





# KATA PENDAHULUAN



# KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI).

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Kementerian Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun 2017 Siri 1 ini mengandungi dua (2) bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri

3. Laporan ini mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di dua (2) Kementerian, satu (1) Jabatan, dua (2) Agensi Negeri dan satu (1) Syarikat Kerajaan Negeri Sabah. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) yang dijalankan di 29 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri serta Pengauditan Mengejut di 28 Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 28 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan terhadap Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan

maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

12 Jun 2018



# **INTISARI LAPORAN**

---



# INTISARI LAPORAN

## BAHAGIAN I - AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

#### 1. Pengurusan Program Latihan dan Kursus ICT

- a. Program Latihan dan Kursus ICT di bawah Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat (KPSKTM) merupakan kursus bahasa dan ICT yang ditawarkan secara percuma kepada semua penduduk di Negeri Sabah. Program ini telah dibuat secara *outsourcing* dengan melantik penyedia latihan swasta iaitu syarikat Advanced Business Systems Consultants Sdn. Bhd. (ABSC) dengan kos kontrak berjumlah RM28 juta setahun. Kumpulan sasar peserta bagi program ini adalah terbuka kepada mereka yang tinggal di Negeri Sabah, berstatus warganegara Malaysia, berusia 10 tahun dan ke atas bagi kursus ICT dan berumur 18 tahun dan ke atas bagi kursus bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Korea, bahasa Jepun, *Cisco Certified Network Associate* (CCNA) dan *Microsoft Certified Solutions Associate* (MCSA). Program ini dilaksanakan di pelbagai tempat seperti di kolej swasta, pusat e-Desa, kafe siber, sekolah, balai raya, dewan dan Pusat Internet 1Malaysia.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2017 hingga bulan Januari 2018 merumuskan perkara berikut:

##### i. Prestasi Program Latihan dan Kursus ICT

Prestasi pencapaian Program Latihan dan Kursus ICT adalah baik kerana sasaran melatih peserta telah tercapai dan 100% peruntukan berjumlah RM84.31 juta telah dibelanjakan bagi tempoh yang sama. Selain itu, objektif Program Latihan dan Kursus ICT turut tercapai dalam merapatkan jurang di antara mereka yang mempunyai dan tidak mempunyai pengetahuan bahasa dan ICT, meningkatkan literasi bahasa dan ICT di kalangan masyarakat serta membantu meningkatkan kesedaran ICT dalam menjana pendapatan di kalangan masyarakat.

## **ii. Pengurusan Program**

Bagi pengurusan pelaksanaan program dari segi rancangan kursus, pengambilan peserta, silibus kursus, tenaga pengajar dan kemudahan latihan adalah baik.

- c. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:
  - i. *Supplementary Agreement* lewat ditandatangani;
  - iii. syarat kontrak yang tidak memelihara kepentingan Kerajaan;
  - iii. tempoh masa yang dianggarkan untuk melatih peserta dalam Senarai Menunggu antara satu (1) hingga enam (6) tahun;
  - iv. jadual pemantauan tidak disediakan; dan
  - v. laporan pemantauan tidak dipanjangkan kepada pihak pengurusan dan tidak pernah dibincangkan dalam mana-mana mesyuarat KPSKTM.
- d. Bagi menambah baik pengurusan Program Latihan dan Kursus ICT, pihak Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat disarankan agar mengambil tindakan seperti berikut:
  - i. mengkaji semula syarat-syarat dalam kontrak pada masa hadapan agar ia dibuat dengan adil dan jelas supaya kepentingan Kerajaan terpelihara;
  - ii. mengkaji semula sasaran tahunan bilangan peserta mengikut jenis kursus supaya kesemua orang yang tersenarai dalam senarai menunggu dapat dilatih dalam tempoh satu (1) tahun berikutnya;
  - iii. menyediakan garis panduan yang komprehensif agar mekanisme pemantauan dapat dilaksanakan dengan berkesan; dan
  - iv. memastikan klausa-klausa dalam kontrak yang ditandatangani antara syarikat dengan KPSKTM disemak semula bagi memastikan kepentingan Kerajaan diberi keutamaan.

## **JABATAN KERJA RAYA NEGERI SABAH**

### **2. *Pembinaan Bangunan Mahkamah Anak Negeri***

- a. Mahkamah Anak Negeri (MAN) merupakan institusi kehakiman di Negeri Sabah yang ditubuhkan pada tahun 1992 melalui Enakmen Mahkamah Anak Negeri Tahun 1992. MAN berfungsi untuk mentadbir dan melaksanakan undang-undang berkaitan

adat resam Negeri Sabah yang tidak termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Bidang kuasa MAN meliputi kes yang timbul daripada pelanggaran undang-undang atau adat anak negeri seperti tuntutan waris, pertunangan, perkahwinan, perceraian, pengambilan anak angkat dan kes lain yang berkaitan dengan adat resam di daerah masing-masing. Projek pembinaan bangunan MAN di Negeri Sabah direalisasikan melalui projek Aku Janji Kerajaan Persekutuan (AKP) kepada rakyat Negeri Sabah di bawah inisiatif ke 12 - Merancang Jaringan Keselamatan Sosial. Projek dilaksanakan di bawah Program Khas Golongan Bumiputra Minoriti (PKGBM) iaitu satu (1) program khusus untuk pembangunan dan kemajuan masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak. Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) merupakan penyelaras kepada pelaksanaan PKGBM Sabah. Sebanyak enam (6) projek pembinaan MAN telah diluluskan meliputi daerah Penampang, Keningau, Kudat, Sandakan, Tuaran dan Lahad Datu.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2017 hingga Januari 2018 merumuskan perkara berikut:

i. **Prestasi Pembinaan Bangunan MAN**

Secara keseluruhannya, objektif utama pembinaan bangunan MAN telah dapat dicapai kerana tiga (3) bangunan MAN (sampel Audit) telah disiapkan dan memulakan operasinya. Bagaimanapun, pencapaian *outcome* masih belum dapat dinilai kerana ketiga-tiga MAN baru mula beroperasi di bangunan tersebut antara bulan Ogos hingga November 2017.

ii. **Pengurusan Projek**

Pengurusan projek pembinaan MAN dari aspek prestasi kewangan dan pelantikan kontraktor adalah baik dari segi pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek prestasi fizikal, pentadbiran kontrak, pelaksanaan projek dan pemantauan yang boleh menjaskan kecekapan pengurusan projek.

- c. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:
- i. semua tiga (3) projek yang diaudit telah diberikan antara (3) hingga lima (5) Lanjutan Masa (*Extension of Time* - EOT) melibatkan tempoh antara 669 hingga 1,371 hari; dan
  - ii. terdapat kerja yang kurang berkualiti/tidak sempurna.
- d. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek di masa hadapan, adalah disyorkan

supaya pihak JKR mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:

- i. membuat perancangan awal yang teliti dan komprehensif termasuk membuat *engagement* dengan pihak utiliti yang terlibat (Telekom, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Jabatan Air) supaya peningkatan kos dan tempoh penyiapan projek dapat dikawal;
- ii. menyusul dan memantau secara berterusan pembaikan yang dilaksanakan oleh kontraktor terhadap kerja-kerja yang kurang berkualiti/tidak sempurna sebelum tamatnya tempoh tanggungan kecacatan; dan
- iii. mempercepatkan permohonan OC untuk membolehkan bangunan dimanfaatkan oleh golongan sasar dengan segera.

## KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN MAJLIS DAERAH RANAU DAN MAJLIS DAERAH PUTATAN

### ***3. Pengurusan Perolehan***

- a. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Sabah ditubuhkan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961 (No.11) dan terletak di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) Negeri Sabah. Antara objektif perolehan Kerajaan adalah menguruskan perolehan secara cekap dan berkesan dan mendapatkan harga yang paling menguntungkan Kerajaan. Perolehan oleh PBT dilaksanakan mengikut kaedah pembelian terus, sebut harga, tender dan lantikan terus. Arahan Perpendaharaan (AP), Pekeliling Perpendaharaan Malaysia (1PP) - PK 2.1, Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Sabah (Financial Instructions For Local Authorities Sabah – FILAS) dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 18 Tahun 2009 menetapkan semua perolehan yang dilaksanakan oleh pihak Majlis Daerah hendaklah dibuat melalui kaedah pembelian terus, sebut harga dan tender berdasarkan had nilai perolehan yang telah ditetapkan. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, Majlis Daerah Ranau (MDR) telah melaksanakan sebanyak 571 perolehan melibatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana Majlis berjumlah RM10.73 juta manakala Majlis Daerah Putatan (MDPTN) telah melaksanakan sebanyak 813 perolehan melibatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan dana Majlis berjumlah RM13.53 juta.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai 2017 hingga Januari 2018 merumuskan perkara berikut:

### **i. Prestasi Kewangan**

Secara keseluruhannya, semakan Audit mendapati prestasi perbelanjaan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan/Negeri tahun 2015 hingga 2017 oleh MDR adalah baik kecuali prestasi perbelanjaan menggunakan dana Majlis sendiri perlu dipertingkatkan. Selain itu, prestasi perbelanjaan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan (tiada peruntukan Kerajaan Negeri diterima) tahun 2015 hingga 2017 oleh MDPTN adalah baik. Bagaimanapun, bagi perbelanjaan menggunakan dana Majlis sendiri, terdapat bukti berlakunya penyimpangan peraturan kewangan di mana RM2.77 juta telah terlebih dibelanjakan tanpa kelulusan YB Menteri KKTP.

### **ii. Pengurusan Perolehan**

Pengauditan yang dijalankan mendapati MDR telah menguruskan perolehan dengan baik kecuali kelemahan yang menjelaskan kecekapan pelaksanaan projek/kerja. Bagi MDPTN pula, pengurusan perolehan tidak dilaksanakan dengan cekap dan berhemat di mana terdapat bukti berlakunya penyimpangan/pelanggaran peraturan yang signifikan.

- c. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:
- i. Pihak MDR hanya membelanjakan peruntukan perolehan menggunakan dana Majlis sendiri sebanyak 55.9% hingga 70.4% daripada bajet yang diluluskan untuk tempoh dari tahun 2015 hingga 2017. Bagi MDPTN pula, sebanyak sembilan (9) hingga 16 Pecahan Kepala Perbelanjaan (PKP) telah terlebih dibelanjakan dengan sejumlah RM2.77 juta untuk tempoh yang sama tanpa kelulusan YB Menteri KKTP.
  - ii. Penyimpangan/pelanggaran peraturan yang signifikan oleh MDPTN adalah seperti:
    - sebanyak 18 perolehan berjumlah RM278,270 dipecah kecil bagi mengelakkan pelawaan sebut harga/tender yang mengakibatkan kerugian berjumlah RM89,505 kepada Kerajaan;
    - sebanyak 23 perolehan secara pembelian terus bernilai RM246,610 dibuat tanpa Pesanan Kerajaan;
    - sebanyak 10 Pesanan Kerajaan berjumlah RM166,409 lewat dikeluarkan antara 43 hingga 131 hari selepas bekalan/kerja diterima/dilaksanakan; dan
    - sebanyak 18 baucar bayaran berjumlah RM165,490 adalah perolehan perkhidmatan ejen bagi tempahan penginapan, tiket kapal terbang dan sewa

- kenderaan untuk pegawai-pegawai di mana bayaran kepada ejen melebihi kadar kelayakan bayaran sewa hotel pegawai berjumlah RM12,665 serta satu (1) kes bayaran berulang bagi kos penginapan pegawai yang telah dibayar dua (2) kali iaitu berjumlah RM1,820 dan RM1,420.
- iii. kelemahan MDPTN dalam pengurusan projek yang menjelaskan kepentingan Kerajaan di mana empat (4) perolehan kerja daripada 18 sampel yang dilaksanakan dengan kos perolehan berjumlah RM357,700 adalah kurang berkualiti.
- d. Bagi menambah baik pengurusan perolehan, pihak Audit mengesyorkan pihak Majlis dan KKTP mengambil tindakan seperti berikut:
- i. merancang perolehan dengan teliti bagi memastikan perbelanjaan tidak melebihi anggaran tahunan, had nilai perolehan secara pembelian terus sentiasa dipatuhi dan Kerajaan memperoleh *value for money* daripada perbelanjaan yang dilakukan;
  - ii. menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman untuk mengenal pasti punca *improper payment* daripada penggunaan khidmat ejen dalam tempahan tempat penginapan oleh MDPTN serta tindakan penyelesaiannya; dan
  - iii. meningkatkan pemantauan terhadap pelaksanaan kerja dan pembekalan bagi memastikan setiap perolehan dilaksanakan adalah mematuhi peraturan, spesifikasi dan kuantiti yang ditetapkan.

## **PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SABAH**

### **4. Syarikat Sedco Communications Sdn. Bhd.**

- a. Sedco Communications Sdn. Bhd. sebelum 5 Jun 2009, dikenali sebagai Bestyle Sdn. Bhd yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 8 Oktober 1990. Pada 15 Julai 1991, Bestyle Sdn. Bhd. telah menukar namanya kepada Sandakan Beach Resort Sdn. Bhd. dan pada 5 Jun 2009 telah menukar namanya kepada Sedco Communications Sdn. Bhd. (S.Comm) dengan saham dibenarkan berjumlah RM5 juta dan berbayar RM1 juta. Pemilikan saham S.Comm adalah RM510,000 atau 51% milik Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) yang merupakan Badan Berkanun Negeri dan RM490,000 atau 49% milik Vast Meridian Sdn. Bhd. (VMSB). Objektif utama penubuhan S.Comm adalah syarikat berdaya saing untuk membangunkan dan menyediakan infrastruktur telekomunikasi di Sabah. Aktiviti utama yang dijalankan oleh S.Comm adalah perniagaan kabel gentian optik, penyewaan gentian jalur lebar, pemasangan dan pengurusan menara telekomunikasi. S.Comm memperoleh lesen sebagai Pembekal Kemudahan Rangkaian dan Penyedia Perkhidmatan Rangkaian daripada Suruhanjaya

Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mulai 25 Mei 2010 hingga 24 Mei 2020.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2017 hingga Januari 2018 merumuskan perkara berikut:

**i. Kedudukan Kewangan**

Kedudukan kewangan S.Comm adalah stabil kerana menjana pendapatan daripada aktiviti operasi dan Geran Kerajaan dengan mencatatkan lebihan dana sebelum cukai bagi dua (2) tahun berturut-turut masing-masing berjumlah RM235,318 pada tahun 2015 dan RM23,721 pada tahun 2016. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada 0.18:1 menunjukkan syarikat tidak berupaya memenuhi obligasi jangka pendek menggunakan sumber dalaman. Selain itu, S.Comm juga mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM40,060 pada akhir tahun 2016.

**ii. Pengurusan Aktiviti**

**• Projek infrastruktur gentian optik Sabah**

Secara keseluruhannya projek infrastruktur gentian optik Sabah yang sepatutnya siap pada tahun 2015 telah diuruskan dengan tidak cekap kerana ia tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang telah dirancang. Sehingga akhir tahun 2017, hanya 47.9% atau 961 km daripada 2,007 km yang dirancang telah disiapkan.

**• Projek Jalur Lebar Untuk Orang Ramai**

Projek Jalur Lebar Untuk Orang Ramai telah diuruskan dengan tidak cekap kerana sebanyak 18 daripada 19 link Projek tersebut tidak disewakan.

**• Projek Pembinaan Menara Telekomunikasi/*Universal Service Provision* (USP)**

Secara keseluruhan, Projek Pembinaan Menara Telekomunikasi/*Universal Service Provision* (USP) telah diuruskan dengan kurang cekap kerana tidak ada kontrak perjanjian antara SKMM dan S.Comm mengenai pembinaan menara telekomunikasi dan penyewaan USP tidak menguntungkan.

**iii. Amalan Tadbir Urus**

Secara keseluruhannya amalan tadbir urus S.Comm adalah memuaskan. Namun masih terdapat keperluan untuk penambahbaikan dalam aspek keperluan untuk menyediakan terma tugas dan tanggungjawab Pengerusi

S.Comm secara bertulis dan mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat dan piagam/terma rujukan Lembaga Pengarah.

- c. Bagi memastikan objektif penubuhan S.Comm dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan Lembaga Pengarah serta pengurusan S.Comm mengambil langkah proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan seperti berikut:
- i. meningkatkan promosi untuk penyewaan *link* BBGP dan membuat usaha sama/kolaborasi dengan syarikat komunikasi yang lebih besar untuk menjimatkan kos dan juga untuk bersaing;
  - ii. mengkaji semula sasaran pendapatan supaya lebih realistik dan boleh dicapai;
  - iii. memastikan setiap pelaksanaan projek dimeterai dengan perjanjian/kontrak yang mengandungi klausa kontrak yang seimbang dari aspek kepentingan antara S.Comm dengan Kerajaan atau agensi-agensi lain; dan
  - iv. meningkatkan amalan tadbir urus korporat dengan mematuhi amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan pekeliling Kerajaan terutamanya dalam aspek Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan bagi menjaga kepentingan pemegang saham.

## **BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI**

### **5. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)**

Pada tahun 2017, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 29 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri untuk menilai sama ada pengurusan kewangan telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 mengenai Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) menggunakan pendekatan baru iaitu berasaskan risiko, dengan itu pelaporan hanya dibuat berdasarkan prestasi pengurusan kewangan tahun 2017 sahaja tanpa perbandingan dengan prestasi tahun sebelum. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan 20 Kementerian/Jabatan/Agensi mencapai tahap Cemerlang, (6) Kementerian/Jabatan/Agensi tahap Baik, dua (2) Jabatan/Agensi tahap Memuaskan dan satu (1) Jabatan/Agensi tahap tidak memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Jabatan/Agensi yang perlu meningkat dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti yang berikut:

- i. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
- ii. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;
- iii. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan.
- iv. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjelaskan imej Kerajaan;
- v. berusaha mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;
- vi. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan
- vii. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

## **6. Pengauditan Mengejut**

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di Jabatan/Pejabat/Agenzi yang diaudit adalah baik berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi tiga (3) kawalan yang diaudit. Ketua Jabatan/Pejabat/Agenzi yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuatkuasa dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di Jabatan/Pejabat/Agenzi dan pejabat agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan di masa akan

datang. Sehubungan itu, semua Jabatan/Pejabat/Agenzi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- i. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- ii. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
- iii. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
- iv. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
- v. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;
- vi. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
- vii. pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.

# BAHAGIAN I

AKTIVITI KEMENTERIAN/  
JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI



# KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

## 1. PENGURUSAN PROGRAM LATIHAN DAN KURSUS ICT

### 1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat (KPSKTM) mempunyai visi dan misi untuk memperkasa rakyat dalam pembangunan modal insan yang berdaya saing dan berteraskan teknologi maklumat. Sehubungan itu, KPSKTM adalah bertanggungjawab untuk membangun sumber manusia yang kompeten, berketrampilan dan memiliki pelbagai kemahiran, merancang pembangunan modal insan yang mampan dan berdaya saing serta mewujudkan masyarakat yang berteraskan teknologi maklumat.

1.1.2. Antara program yang dapat merealisasikan visi, misi dan fungsi KPSKTM adalah Program Latihan dan Kursus ICT yang dibiayai melalui peruntukan mengurus KPSKTM. Program ini merupakan program yang ditawarkan secara percuma kepada semua penduduk di Negeri Sabah melalui penganjuran kursus bahasa dan kursus ICT. Objektif program ini adalah:


- i. untuk merapatkan jurang di antara mereka yang mempunyai dan tidak mempunyai pengetahuan bahasa dan ICT;
- ii. meningkatkan literasi bahasa dan ICT di kalangan masyarakat; dan
- iii. membantu meningkatkan kesedaran dalam menjana pendapatan di kalangan masyarakat.

1.1.3. Pada awalnya, program ini dilaksanakan oleh agensi di bawah KPSKTM iaitu Unit Kemajuan IT Negeri (UKIT) dan Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM). Pada tahun 2005, UKIT telah menjalankan kursus ICT dan telah diperluaskan kepada pelaksanaan kursus bahasa Inggeris oleh JPSM pada tahun 2006. Penganjuran kursus pada tahun 2005 dan 2006 telah dibuat secara *outsourcing* oleh penyedia latihan swasta iaitu syarikat 162056-U (ABSC). Bermula pada tahun 2007 hingga kini, program ini telah diteruskan oleh KPSKTM dengan mengekalkan ABSC sebagai penyedia latihan. Satu *Training Agreement (For English, ICT, Japanese, Korean And Microsoft)* telah dimeterai pada tahun 2008 dengan nilai kontrak berjumlah RM7 juta setahun untuk tempoh tahun 2008 hingga 2012. Pada tahun 2010, perjanjian tersebut telah diperbaharui dengan nilai kontrak berjumlah RM28 juta setahun dan menambah jenis kursus serta melanjutkan tempoh sehingga akhir tahun 2025.

1.1.4. Kumpulan sasar peserta bagi program ini adalah terbuka kepada mereka yang tinggal di Negeri Sabah, berstatus warganegara Malaysia, berusia 10 tahun dan ke atas bagi kursus ICT dan berumur 18 tahun dan ke atas bagi kursus bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Korea, bahasa Jepun, *Cisco Certified Network Associate* (CCNA) dan *Microsoft Certified Solutions Associate* (MCSA). Program ini dilaksanakan di pelbagai tempat seperti di kolej swasta, pusat e-Desa, kafe siber, sekolah, balai raya, dewan dan Pusat Internet 1Malaysia.

1.1.5. KPSKTM telah memberi tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak ABSC untuk mengendalikan program berkenaan dari segi pengurusan peserta, silibus kursus, tenaga pengajar, penyediaan pusat kursus dan kemudahan kursus. Proses kerja pelaksanaan program seperti dalam carta berikut:

**CARTA ALIRAN 1.1  
PROSES KERJA PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN DAN KURSUS ICT**



Sumber: Rekod KPSKTM Dan ABSC

1.1.6. Orang awam boleh memohon kursus secara bertulis, dalam talian melalui [www.amc.edu.my](http://www.amc.edu.my), telefon, SMS atau *Whatsapps* kepada pihak ABSC. Pihak ABSC akan memproses permohonan yang diterima dan pemohon yang terpilih akan dihubungi untuk mengesahkan kehadiran. Sekiranya pemohon tidak dapat hadir ke kursus berkenaan, penggantian peserta akan dibuat oleh pihak ABSC. KPSKTM akan dimaklumkan melalui e-mel mengenai kursus yang dijalankan berserta dengan tarikh, tempat kursus, silibus kursus dan senarai nama tenaga pengajar. Sijil

kehadiran akan diberikan kepada peserta yang telah menamatkan latihan. Pihak ABSC akan membuat tuntutan bayaran kepada KPSKTM setelah kursus selesai dan akan dibayar oleh KPSKTM dalam tempoh 30 hari selepas penerimaan invois daripada ABSC.

1.1.7. Ringkasan senarai kursus, tempoh masa, bilangan peserta, yuran kursus dan jenis sijil yang dianugerahkan kepada peserta seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 1.1**  
**SENARAI KURSUS, TEMPOH MASA, BILANGAN PESERTA,**  
**KADAR YURAN DAN JENIS SIJIL YANG DIANUGERAHKAN KEPADA PESERTA**

| BIL.          | SENARAI KURSUS  | TEMPOH MASA JAM | BILANGAN PESERTA (Orang) |               |               | YURAN KURSUS BAGI SEORANG PESERTA (RM) |        |        | JENIS SIJIL YANG DIANUGERAHKAN                          |
|---------------|-----------------|-----------------|--------------------------|---------------|---------------|--|--------|--------|---|
|               |                 |                 | 2015                     | 2016          | 2017          | 2015                                   | 2016   | 2017   |   |
| 1.            | CCNA            | 112             | 52                       | 52            | 52            | 13,200                                 | 13,200 | 15,840 | Sijil Kehadiran dan Sijil CISCO Certification Tests     |
| 2.            | MCSA            | 126             | 50                       | 50            | 50            | 13,200                                 | 13,200 | 15,840 | Sijil Kehadiran dan Sijil Microsoft Certification Tests |
| 3.            | Bahasa Inggeris | 100             | 2,105                    | 2,105         | 2,105         | 4,800                                  | 4,800  | 5,760  | Sijil Kehadiran   |
| 4.            | Bahasa Korea    | 84              | 102                      | 102           | 102           | 4,800                                  | 4,800  | 5,760  | Sijil Kehadiran   |
| 5.            | Bahasa Jepun    | 84              | 100                      | 100           | 100           | 4,800                                  | 4,800  | 5,760  | Sijil Kehadiran   |
| 6.            | Bahasa Mandarin | 84              | 100                      | 100           | 100           | 4,800                                  | 4,800  | 5,760  | Sijil Kehadiran   |
| 7.            | Kursus ICT      | 7               | 41,944                   | 41,944        | 28,981        | 360                                    | 360    | 432    | Sijil Kehadiran   |
| <b>JUMLAH</b> |                 |                 | <b>44,453</b>            | <b>44,453</b> | <b>31,490</b> |  |        |        |   |

Sumber: Rekod ABSC

## 1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan program latihan dan kursus ICT telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif program.

## 1.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi lima (5) bidang Audit utama iaitu prestasi Program Latihan dan Kursus ICT; pengurusan perolehan; pelaksanaan Program Latihan dan Kursus ICT; pengurusan pembayaran; dan pemantauan oleh KPSKTM. Semakan Audit telah dijalankan di pejabat KPSKTM dan ABSC dan meliputi tiga (3) tahun iaitu dari tahun 2015 hingga 2017. Sebanyak tiga (3) daripada tujuh (7) kursus telah dipilih untuk diaudit iaitu kursus *Cisco Certified Network Associate* (CCNA), bahasa Inggeris dan kursus *Adobe Photoshop* di daerah Kota Kinabalu, Kota Marudu dan Papar. Lawatan Audit telah dibuat pada bulan November 2017 hingga bulan Januari 2018 di tiga (3) daerah berkenaan. Selain itu, sebanyak 1,715 (30%) daripada 5,716 orang peserta mengikut

sampel pengauditan telah dipilih untuk tujuan pengesahan bekas peserta kursus dengan 20 responden (1.2%) telah memberikan maklum balas.

#### **1.4. METODOLOGI PENG AUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan dengan mendapatkan maklumat awal melalui taklimat oleh pegawai KPSKTM semasa *Entrance Conference*, membuat semakan serta menganalisis maklumat serta data daripada fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan. Pemeriksaan dokumen dan rekod berkaitan juga dijalankan. Temubual Audit dengan pihak KPSKTM, ABSC, pihak pusat kursus dan peserta kursus telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat mengenai program latihan dan kursus ICT berkenaan. Sebanyak 1,715 borang soal selidik telah diedarkan melalui e-mel kepada peserta pada bulan November 2017 untuk menilai peningkatan literasi peserta dalam bahasa Inggeris dan kemahiran ICT selepas mengikuti kursus berkenaan. Selain itu, bagi memastikan kewajaran bayaran, nama dan nombor MyKad bagi seramai 885 peserta kursus CCNA, kursus bahasa Inggeris dan kursus *Adobe Photoshop* tahun 2017 telah dikemukakan kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk tujuan pengesahan status peserta.

#### **1.5. RUMUSAN AUDIT**

1.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2017 hingga bulan Januari 2018 merumuskan perkara berikut:

##### **i. Prestasi Program Latihan dan Kursus ICT**

Berdasarkan kontrak, ABSC dikehendaki melatih seramai 44,453 orang bagi tahun 2015 dan 2016 serta 31,490 orang bagi tahun 2017. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2017 hingga bulan Januari 2018 mendapati prestasi pencapaian Program Latihan dan Kursus ICT adalah baik kerana sasaran yang ditetapkan telah tercapai dan 100% peruntukan berjumlah RM84.31 juta telah dibelanjakan bagi tempoh yang sama. Selain itu, objektif Program Latihan dan Kursus ICT dalam merapatkan jurang di antara mereka yang mempunyai dan tidak mempunyai pengetahuan bahasa dan ICT, meningkatkan literasi bahasa dan ICT di kalangan masyarakat serta membantu meningkatkan kesedaran ICT dalam menjana pendapatan di kalangan masyarakat telah tercapai. Berdasarkan laporan yang disediakan oleh perunding yang dilantik oleh KPSKTM pada tahun 2016 untuk menjalankan kajian keberkesanan Program Latihan dan Kursus ICT mendapati objektif yang ditetapkan telah dapat dicapai.

## **ii. Pengurusan Program**

Pelaksanaan program dari segi rancangan kursus, pengambilan peserta, silibus kursus, tenaga pengajar dan kemudahan latihan adalah baik dari segi pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek pentadbiran kontrak dan pemantauan oleh pihak KPSKTM yang boleh menjelaskan kecekapan pengurusan KPSKTM. Secara keseluruhannya, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh KPSKTM dalam menguruskan program ini.

1.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. *Supplementary Agreement* lewat ditandatangani;
- ii. syarat kontrak yang tidak memelihara kepentingan Kerajaan;
- iii. tempoh masa yang dianggarkan untuk melatih peserta dalam Senarai Menunggu antara satu (1) hingga enam (6) tahun;
- iv. jadual pemantauan tidak disediakan; dan
- v. laporan pemantauan tidak dipanjangkan kepada pihak pengurusan dan tidak pernah dibincangkan dalam mana-mana mesyuarat KPSKTM.

## **1.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI**

Perkara yang ditemui dan maklum balas KPSKTM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 8 Mac 2018. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

### **1.6.1. Prestasi Program Latihan dan Kursus ICT**

Prestasi program diukur melalui prestasi sasaran melatih peserta, prestasi kewangan dan penilaian keberkesanannya kursus. Penjelasan lanjut mengenai prestasi program seperti di perenggan berikut:

#### **1.6.1.1. Prestasi Sasaran Melatih Peserta**

- a. Klausula 3 dan 4 dalam perjanjian yang dimeterai menetapkan sasaran melatih peserta adalah seramai 44,453 orang bagi tahun 2014 hingga 2016. Manakala bagi tahun 2017 hingga 2019 adalah seramai 31,490 orang.
- b. Secara keseluruhannya, analisis Audit terhadap statistik peserta yang dilatih mendapati sasaran melatih peserta bagi tempoh tiga (3) tahun telah tercapai iaitu seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 1.2**  
**PRESTASI SASARAN MELATIH PESERTA BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017**

| BIL.          | KURSUS          | TAHUN 2015         |                    | TAHUN 2016         |                    | TAHUN 2017         |                    |
|---------------|-----------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
|               |                 | SASARAN<br>(Orang) | SEBENAR<br>(Orang) | SASARAN<br>(Orang) | SEBENAR<br>(Orang) | SASARAN<br>(Orang) | SEBENAR<br>(Orang) |
| 1.            | Bahasa Inggeris | 2,105              | 2,105              | 2,105              | 2,105              | 2,105              | 2,105              |
| 2.            | Bahasa Mandarin | 100                | 100                | 100                | 100                | 100                | 100                |
| 3.            | Bahasa Jepun    | 102                | 102                | 102                | 102                | 102                | 102                |
| 4.            | Bahasa Korea    | 100                | 100                | 100                | 100                | 100                | 100                |
| 5.            | ICT             | 41,944             | 41,944             | 41,944             | 41,944             | 28,981             | 28,981             |
| 6.            | CCNA            | 52                 | 52                 | 52                 | 52                 | 52                 | 52                 |
| 7.            | MCSA            | 50                 | 50                 | 50                 | 50                 | 50                 | 50                 |
| <b>JUMLAH</b> |                 | <b>44,453</b>      | <b>44,453</b>      | <b>44,453</b>      | <b>44,453</b>      | <b>31,490</b>      | <b>31,490</b>      |

Sumber: Rekod KPSKTM

**1.6.1.2. Prestasi Kewangan**

- Kementerian Kewangan Negeri Sabah mengeluarkan pekeliling berkaitan Cadangan dan Pemeriksaan Anggaran dan Perbekalan Negeri Sabah setiap tahun bagi memastikan anggaran yang diluluskan dibelanjakan dengan cekap dan teratur serta memastikan tiada perbelanjaan berlebihan berlaku pada tahun semasa.
- Semakan Audit terhadap buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Kementerian mendapati Program Latihan dan Kursus ICT dibiayai di bawah peruntukan mengurus. Pada tahun 2015 hingga 2017, peruntukan mengurus berjumlah RM84.31 juta telah diluluskan bagi membiayai program tersebut dan telah dibelanjakan 100% bagi tempoh yang sama seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 1.3**  
**PRESTASI PERBELANJAAN PROGRAM LATIHAN  
DAN KURSUS ICT BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017**

| BUTIRAN                         | 2015<br>(RM Juta) | 2016<br>(RM Juta) | 2017<br>(RM Juta) | JUMLAH<br>(RM Juta) |
|---------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|---------------------|
| Peruntukan Mengurus Diluluskan  | 28.00             | 28.00             | 28.31             | 84.31               |
| Perbelanjaan Sebenar            | 28.00             | 28.00             | 28.31             | 84.31               |
| Peratus Pencapaian Perbelanjaan | 100%              | 100%              | 100%              | 100%                |

Sumber: KPSKTM

**1.6.1.3. Penilaian Keberkesanan Kursus**

- Penilaian kursus perlu dilaksanakan bagi menilai keberkesanan kursus yang dianjurkan daripada aspek pencapaian objektif program. Penemuan Audit terhadap penilaian keberkesanan kursus adalah seperti di perenggan berikut:

- i. KPSKTM telah melantik syarikat UMS Investment Holdings Sdn. Bhd. (UMSIH) secara lantikan terus untuk menjalankan kajian keberkesanan kursus anjuran KPSKTM selepas mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Perjanjian antara pihak KPSKTM dengan UMSIH bernilai RM150,000 telah dimeterai pada 1 September 2016 dengan tempoh kajian selama lima (5) bulan bermula pada bulan September 2016 hingga bulan Januari 2017. Berdasarkan syarat perjanjian, pihak UMSIH dikehendaki menjalankan kajian terhadap keberkesanan kursus ICT dan bahasa Inggeris oleh KPSKTM untuk tahun 2013 hingga 2015.
  - ii. Semakan Audit mendapati UMSIH telah menyiapkan kajian berkenaan dan telah mengemukakan laporan bertajuk *Training Effectiveness Analysis For ICT And English Modules* kepada KPSKTM dalam tempoh masa yang ditetapkan.
  - iii. Secara umumnya, kaedah yang digunakan oleh pihak UMSIH untuk menjalankan kajian berkenaan adalah melalui soal selidik dan temu bual dengan bekas peserta kursus. Kesimpulannya, laporan tersebut menyatakan peserta yang telah mengikuti kursus ICT dan bahasa Inggeris telah berjaya meningkatkan tahap kemahiran ICT dan penguasaan bahasa Inggeris masing-masing seperti berikut:
    - Bagi kursus ICT, seramai 1,562 (100%) orang peserta menyatakan mereka dapat meningkatkan kemahiran ICT masing-masing. Antara contoh yang dilaporkan adalah golongan petani di kawasan pedalaman telah mewujudkan laman web untuk mempelbagaikan aktiviti pertanian sedia ada dan peserta lain mewujudkan perniagaan dalam talian.
    - Kajian yang dikemukakan oleh pihak UMSIH melaporkan seramai 559 (92.8%) daripada 602 orang peserta yang mengikuti kursus bahasa Inggeris dapat membantu meningkatkan literasi bahasa Inggeris di sekolah dan di tempat kerja.
- b. Jabatan Audit Negara turut menjalankan penilaian keberkesanan bagi kursus CCNA, bahasa Inggeris dan *Adobe Photoshop* (mengikut sampel Audit) untuk tahun 2015 hingga 2017. Ia adalah bertujuan untuk menilai keberkesanan kursus yang telah dianjurkan oleh pihak KPSKTM. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 20 orang peserta kursus, didapati kesemua peserta telah menyatakan program bahasa Inggeris dan kursus ICT yang diikuti telah berjaya meningkatkan literasi bahasa Inggeris dan kemahiran ICT mereka.

**Pada pendapat Audit, Program Latihan dan Kursus ICT telah dilaksanakan dengan cekap kerana prestasi sasaran melatih peserta telah tercapai dan peruntukan kewangan telah dibelanjakan sepenuhnya. Manakala objektif keberkesaan kursus juga tercapai berdasarkan kajian keberkesaan oleh pihak UMSIH dan penilaian keberkesaan oleh Jabatan Audit Negara.**

### **1.6.2. Pengurusan Perolehan**

Semua agensi Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk memastikan perolehan Kerajaan dilaksanakan dengan mematuhi peraturan kewangan dan pekeliling yang berkuat kuasa.

#### **1.6.2.1. Pelantikan Syarikat Secara *Outsourcing***

- a. Arahan Perbendaharaan 169.1 menetapkan kewajipan setiap pegawai yang menguruskan perolehan membuat kajian pasaran yang berpatutan supaya perolehan itu adalah yang paling sesuai dan menguntungkan. Kajian pasaran hendaklah mengambil kira aspek kualiti, harga, kegunaan, kos penyenggaraan dan faktor-faktor lain yang berkaitan.
- b. Pihak KPSKTM memaklumkan Program Latihan dan Kursus ICT dilaksanakan secara *outsourcing* dengan melantik syarikat ABSC kerana KPSKTM tidak mempunyai kemahiran, sumber manusia dan kemudahan yang mencukupi bagi mengendalikan program ini di seluruh Negeri Sabah. Sehubungan itu, pihak KPSKTM telah memilih syarikat ABSC sebagai penyedia latihan untuk menjalankan program berkenaan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pihak KPSKTM telah menjalankan kajian pasaran atau tidak sebelum memilih syarikat ABSC kerana tiada dokumen difailkan.

#### **1.6.2.2. Pentadbiran Kontrak**

- a. Program Latihan dan Kursus ICT telah dijalankan secara *outsourcing* oleh pihak KPSKTM dengan melantik syarikat ABSC sebagai penyedia latihan. Sehubungan itu, kontrak telah ditandatangani antara pihak KPSKTM dengan pihak ABSC bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin. Didapati setakat 31 Disember 2017, pihak KPSKTM telah menandatangani tiga (3) perjanjian dengan pihak ABSC yang berkaitan dengan program berkenaan, seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 1.4**  
**SENARAI KONTRAK ANTARA PIHAK KPSKTM DENGAN PIHAK ABSC**

| BIL. | TAHUN | KONTRAK  | TARIKH DITANDATANGANI | NILAI KONTRAK SETAHUN (RM Juta)                        | TEMPOH KONTRAK                           |
|------|-------|--|-----------------------|--|--|
| 1.   | 2008  | <i>Training Agreement (For English, ICT, Japanese, Korean And Microsoft)</i> | 11.08.2008            | 7  | Tahun 2008 hingga tahun 2012 (5 tahun)*  |
| 2.   | 2010  | KPSKTM(KON): 01/2011   | 15.12.2010            | 28   | Tahun 2011 hingga tahun 2025 (15 tahun). |
| 3.   | 2017  | <i>Supplementary Agreement</i>   | 18.01.2017            | Perjanjian tambahan bagi kontrak KPSKTM(KON): 01/2011. |  |

Sumber: Dokumen Kontrak KPSKTM

Nota: (\*) – Kontrak Dibatalkan Pada 15 Disember 2010

b. Penjelasan lanjut mengenai ketiga-tiga kontrak berkenaan seperti perenggan berikut:

i. ***Training Agreement (For English, ICT, Japanese, Korean and Microsoft)***

- Setelah mendapat kelulusan Jemaah Kabinet Negeri pada 16 Julai 2008, KPSKTM telah menandatangani perjanjian dengan pihak ABSC pada 11 Ogos 2008 untuk menganjurkan kursus ICT, *Microsoft Certified Solutions Associate* (MCSA), kursus bahasa Inggeris, bahasa Korea dan bahasa Jepun bagi tempoh lima (5) tahun iaitu berakhir pada 31 Disember 2012. Nilai kontrak adalah berjumlah RM7 juta setahun untuk melatih seramai 12,162 orang setahun. Bagaimanapun kontrak ini telah dibatalkan pada 15 Disember 2010 dan digantikan dengan kontrak baharu iaitu kontrak KPSKTM(KON): 01/2011.

ii. **Kontrak KPSKTM(KON): 01/2011**

- Pada tahun 2010, pihak KPSKTM telah mengemukakan permohonan untuk pertimbangan kelulusan Jemaah Kabinet Negeri bagi memperbaharui perjanjian antara KPSKTM dengan syarikat ABSC bagi tempoh 15 tahun lagi dengan kos berjumlah RM28 juta setahun. Selain itu, sebanyak dua (2) kursus baharu diperkenalkan iaitu kursus *Cisco Certified Network Associate* (CCNA) dan kursus bahasa Mandarin serta sasaran melatih peserta telah ditambah kepada seramai 60,009 orang setahun. Pemeriksaan Audit terhadap ringkasan Kertas Kabinet yang dikemukakan oleh pihak KPSKTM melalui Bahagian Kabinet dan Dasar bertarikh 22 November 2010 mendapati justifikasi pembaharuan perjanjian adalah disebabkan permintaan tinggi iaitu seramai 75,000 orang (pada ketika itu) masih

menunggu peluang untuk berkursus dan peruntukan sedia ada tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan berkenaan. Sehubungan itu, mesyuarat Jemaah Menteri Negeri pada 29 November 2010 telah meluluskan permohonan untuk memperbaharui perjanjian bagi tempoh 15 tahun antara pihak KPSKTM dengan syarikat ABSC.

- Perjanjian baharu telah ditandatangani pada 15 Disember 2010 yang dikenali sebagai kontrak KPSKTM(KON): 01/2011 dengan nilai kontrak berjumlah RM28 juta setahun bagi tempoh 15 tahun bermula pada 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2025.

### iii. *Supplementary Agreement*

- Klausa 5(1)(a) dalam kontrak KPSKTM(KON): 01/2011 menetapkan nilai kontrak berjumlah RM28 juta setahun akan dinaikkan sebanyak 20% pada tahun keempat, tahun ketujuh, tahun kesepuluh dan tahun ketiga belas. Pihak KPSKTM telah memohon peruntukan tambahan sebanyak 20% atas kos RM28 juta kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah semasa penyediaan bajet tahunan KPSKTM. Bagaimanapun pertambahan kos berkenaan tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah.
  - Bagi memastikan kos program latihan dan kursus ICT berjumlah RM28 juta setahun dikekalkan, satu *Supplementary Agreement* telah ditandatangani antara pihak KPSKTM dengan pihak ABSC pada 18 Januari 2017. *Supplementary Agreement* ini menetapkan bilangan peserta dikurangkan daripada 60,009 (tahun 2011 hingga 2013) kepada 44,453 orang setahun (2014 hingga 2016). Manakala untuk tahun 2017 hingga 2019, bilangan peserta telah dikurangkan daripada 44,453 orang kepada 31,490 orang setahun.
- c. Bagi memastikan pengurusan kontrak adalah teratur, kontrak yang ditandatangani antara pihak Kerajaan dan penyedia latihan perlu disemak oleh Jabatan Peguam Besar Negeri atau Penasihat Undang-undang, surat perwakilan kuasa daripada Menteri telah diperolehi sebelum menandatangani kontrak, kontrak ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan dan syarat dalam kontrak adalah menjamin kepentingan Kerajaan. Semakan Audit terhadap pentadbiran kontrak oleh pihak KPSKTM mendapati perkara berikut:

#### i. *Supplementary Agreement* Lewat Ditandatangani

Semakan Audit mendapati *Supplementary Agreement* lewat disediakan dan hanya ditandatangani pada 18 Januari 2017 sedangkan bilangan

melatih peserta telah dikurangkan sejak tahun 2015 hingga 2017 (mengikut sampel Audit) iaitu kelewatan selama dua (2) tahun. Selain itu, surat menyurat mengenai faktor kelewatan memeterai *Supplementary Agreement* tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit sehingga tarikh *exit conference* diadakan. Kesannya, risiko kepentingan Kerajaan terjejas sekiranya berlaku pelanggaran syarat oleh pihak ABSC.

### **Maklum Balas KPSKTM yang Diterima pada 8 Mac 2018**

*Pihak KPSKTM mengakui berlaku kelewatan menyediakan dokumen kontrak berkenaan dan terdapat surat menyurat berkaitan di antara pihak KPSKTM dengan pihak ABSC mengenai persetujuan perubahan syarat berkenaan.*

#### **ii. Syarat Kontrak yang Tidak Memelihara Kepentingan Kerajaan**

Syarat atau terma kontrak hendaklah adil, jelas dan terperinci bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Semakan Audit terhadap penetapan syarat kontrak adalah seperti di perenggan berikut:

- Terdapat klausa dalam kontrak KPSKTM(KON): 01/2011 yang tidak memelihara kepentingan Kerajaan iaitu klausa 5(1)(d), 5(1)(g) dan 11 seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.5  
BUTIRAN KLAUSA KONTRAK KPSKTM(KON): 01/2011**

| BIL. | KLAUSA              | BUTIRAN KLAUSA   |
|------|---------------------|--|
| 1.   | 5(1)(d)             | <i>upon ABSC observing and performing the covenants and stipulations herein on its part, there shall be no interruption or interference by the State Government in discharging ABSC's duties under this Agreement;</i>                     |
| 2.   | 5(1)(g)             | <i>all the outsourcing training courses from the State Government are to be offered to ABSC on a first priority basis who shall have the first right of refusal before the said courses may be offered to other training institutions.</i> |
| 3.   | 11. Option To Renew | <i>the State Government shall reappoint ABSC as the sole management agent and exclusive training provider to provide the training for a further term of fifteen (15) years on the same terms and conditions.</i>                           |

Sumber: Dokumen Kontrak KPSKTM

- Mengikut klausa-klausa tersebut, Kerajaan tidak boleh campur tangan semasa pihak ABSC melaksanakan tanggungjawabnya; keutamaan diberikan kepada pihak ABSC bagi menganjurkan latihan secara *outsourcing* sebelum ditawarkan kepada institusi latihan yang lain; dan melantik semula pihak ABSC bagi tempoh 15 tahun lagi (selepas kontrak tamat pada tahun 2025). Pihak Audit berpendapat klausa kontrak berkenaan tidak adil dan perlu dikaji semula kerana

Kerajaan sepatutnya mempunyai hak untuk campur tangan semasa pihak ABSC menjalankan obligasinya serta berhak melantik penyedia latihan yang lain untuk melaksanakan program berkenaan pada masa hadapan.

- Selain itu, semakan Audit mendapati *Supplementary Agreement* adalah tidak jelas dan terperinci dari segi bilangan melatih peserta dan kadar kursus. Berdasarkan kepada klausula 3 dan 4 dalam *Supplementary Agreement*, bilangan peserta yang akan dilatih hanya dinyatakan secara *lump sum* dan tidak spesifik mengikut kursus. Manakala kos kursus seorang peserta bagi setiap kursus tidak dinyatakan dalam kontrak.

#### **Maklum Balas KPSKTM yang Diterima pada 8 Mac 2018**

*Semua syarat yang terkandung dalam kontrak KPSKTM (KON): 01/2011 telah diambil kira oleh pihak Jabatan Peguam Besar Negeri semasa menyemak dokumen kontrak berkenaan. Manakala bagi syarat dalam Supplementary Agreement, pihak KPSKTM turut mengakui bilangan peserta dan kos kursus tidak dinyatakan dengan terperinci dalam kontrak. Bagaimanapun, bilangan peserta dan kos kursus berkenaan ada dinyatakan dalam Training Implementation Proposal yang dikemukakan setiap tahun oleh pihak ABSC yang antaranya mengandungi bilangan peserta yang dilatih, kos kursus, silibus kursus dan lain-lain lagi.*

Pada pendapat Audit, terdapat syarat dalam kontrak KPSKTM(KON): 01/2011 yang tidak memelihara kepentingan Kerajaan dan syarat *Supplementary Agreement* yang longgar boleh dimanipulasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

#### **1.6.3. Pelaksanaan Program Latihan dan Kursus ICT**

1.6.3.1. Klausula 4(1)(a) dalam kontrak KPSKTM(KON):01/2011 menyatakan “*during the term, ABSC as the sole management agent and exclusive training provider shall run and conduct the training sessions in the name of and on the State Government’s behalf in a proper and business like manner and to the best interests of the State Government*”. Manakala klausula 5(1)(d) dalam kontrak yang sama menyatakan “*upon ABSC observing and performing the the covenants and stipulations herein on its part, there shall be no interruption or interference by the State Government in discharging ABSC’s duties*”.

1.6.3.2. Sehubungan itu, pihak ABSC telah diberikan tanggungjawab sepenuhnya oleh pihak KPSKTM untuk mengendalikan program latihan dan kursus ICT termasuklah pengurusan peserta, sibus kursus, tenaga pengajar dan kemudahan kursus seperti tempat, peralatan, nota kursus dan lain-lain. Penemuan Audit terhadap pengurusan program latihan dan kursus ICT adalah seperti di perenggan berikut:

**a. Program Latihan dan Kursus yang Ditawarkan**

- i. Klausula 4(2)(a) dalam kontrak KPSKTM (KON): 01/2011 menyatakan pihak ABSC adalah bertanggungjawab menyediakan sebanyak tujuh (7) jenis kursus setiap tahun iaitu *Cisco Certified Network Associate* (CCNA), *Microsoft Certified Solutions Associate* (MCSA), kursus bahasa iaitu bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Korea dan bahasa Jepun serta pelbagai jenis kursus ICT kepada masyarakat di seluruh Negeri Sabah. Semakan Audit mendapati pihak ABSC telah mematuhi syarat yang telah ditetapkan dalam kontrak iaitu sebanyak tujuh (7) jenis kursus telah dianjurkan pada setiap tahun di seluruh Negeri Sabah.
- ii. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati program latihan dan kursus ICT yang dianjurkan tidak tertakluk kepada pendaftaran MQA kerana *core business* syarikat ABSC antaranya adalah sebagai penyedia latihan dan bukannya institusi pendidikan tinggi. Sijil lulus peperiksaan yang diberikan kepada peserta kursus CCNA dan MCSA merupakan sijil profesional yang diiktiraf oleh industri dalam bidang *computer networking*.

**b. Takwim Latihan**

Tertakluk kepada klausula 4(1)(a) dalam kontrak KPSKTM(KON):01/2011, takwim atau rancangan pelaksanaan kursus hendaklah disediakan bagi memastikan program berjalan lancar dan teratur. Semakan Audit mendapati pihak ABCS telah menyediakan takwim latihan secara berkala bagi memudahkan pemohon membuat permohonan kursus mengikut takwim berkenaan. Takwim latihan dihebahkan kepada masyarakat melalui brosur, risalah dan rangkaian media sosial seperti *Facebook* atau *Whatsapps* dan laman web ABSC iaitu [www.amc.edu.my](http://www.amc.edu.my). Selain itu, didapati rancangan latihan telah dikemukakan kepada pihak KPSKTM melalui e-mel untuk tujuan makluman dan rujukan.

**c. Pengurusan Latihan**

Pihak ABSC mempunyai garis panduan sendiri iaitu *Procedure No. ABSC-GBT-P001-Government Training Process Control* sebagai rujukan dalam memproses permohonan, pemilihan dan pendaftaran peserta. Publisiti mengenai program ini

dibuat melalui brosur, risalah, media sosial dan hebahan kepada sekolah atau agensi Kerajaan. Semakan Audit terhadap pengurusan peserta mendapat perkara berikut:

### i. Senarai Menunggu

- Peserta yang berminat mengikuti kursus anjuran KPSKTM boleh membuat permohonan secara bertulis kepada pihak ABSC, memohon dalam talian melalui [www.amc.edu.my](http://www.amc.edu.my), telefon, SMS atau *Whatsapps*. Pihak ABSC tidak ada menetapkan kuota permohonan bagi setiap kursus dan peserta yang layak akan dipilih atas “*first come first serve basis*”. Sehubungan itu, peserta yang belum terpilih untuk mengikuti kursus akan dimasukkan dalam senarai menunggu sebelum ditawarkan untuk mengikuti kursus pada masa hadapan.
- Semakan Audit mendapat bilangan peserta yang dilatih setiap tahun adalah terhad kepada bilangan yang ditetapkan secara *lump sum* dalam *Supplementary Agreement*. Sehubungan itu, *Training Implementation Proposal* yang dikemukakan setiap tahun oleh pihak ABSC akan menetapkan bilangan peserta bagi setiap kursus. Memandangkan bilangan permohonan adalah melebihi had bilangan peserta yang ditetapkan, seramai 11,774 orang pemohon telah dimasukkan dalam senarai menunggu setakat 31 Disember 2017.
- Analisis Audit mendapat tempoh bagi semua peserta dalam senarai menunggu untuk dilatih mengikut bilangan peserta yang dinyatakan dalam *Training Implementation Proposal* tahun 2017 adalah dianggarkan antara setahun hingga enam (6) tahun. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.6

BILANGAN PESERTA DALAM SENARAI MENUNGGU SETAKAT 31 DISEMBER 2017

| BIL.          | SENARAI KURSUS  | BILANGAN PESERTA DALAM SENARAI MENUNGGU (Orang) | BILANGAN PESERTA YANG DILATIH TAHUN 2017 (Orang) | TEMPOH UNTUK MELATIH SEMUA DALAM SENARAI MENUNGGU (Tahun) |
|---------------|-----------------|---|--|---|
| 1.            | CCNA            | 138   | 52   | 3   |
| 2.            | MCSA            | 168   | 50   | 4   |
| 3.            | Bahasa Inggeris | 166   | 2,105  | 1   |
| 4.            | Bahasa Korea    | 304   | 100  | 4   |
| 5.            | Bahasa Jepun    | 204   | 102  | 3   |
| 6.            | Bahasa Mandarin | 579   | 100  | 6   |
| 7.            | Kursus ICT      | 10,215  | 28,981   | 1   |
| <b>JUMLAH</b> |                 | <b>11,774</b>                                   | <b>31,490*</b>                                   |   |

Sumber: Rekod ABSC

Nota: (\*) – Bilangan Peserta Mengikut *Supplementary Agreement* Bertarikh 18 Januari 2017

- Analisis Audit selanjutnya mendapati kesemua peserta dalam senarai menunggu tahun 2017 bagi kursus bahasa Inggeris dan kursus ICT boleh dipanggil untuk mengikuti kursus berkenaan pada tahun 2018. Bagaimanapun, bagi kursus CCNA, MCSA, bahasa Korea, Jepun dan Mandarin, pihak ABSC akan mengambil masa antara tiga (3) hingga enam (6) tahun untuk melatih kesemua orang yang tersenarai dalam senarai menunggu. Pihak Audit berpendapat pihak KPSKTM perlu mengkaji semula bilangan peserta bagi setiap kursus dalam *Training Implementation Proposal* supaya peserta dalam senarai menunggu dapat dilatih sekurang-kurangnya dalam tempoh masa satu (1) tahun.

## **ii. Pengambilan Peserta**

- Syarat bagi peserta yang hendak mengikuti kursus adalah warganegara Malaysia, berumur 10 tahun ke atas bagi kursus ICT dan berusia 18 tahun ke atas bagi program bahasa Inggeris, Mandarin, Jepun, Korea, CCNA dan MCSA. Peserta yang memenuhi syarat kelayakan akan dihubungi oleh pihak ABSC untuk tujuan pengesahan kehadiran dan direkodkan dalam borang kehadiran. Manakala bagi peserta yang tidak dapat hadir, pihak ABSC akan membuat pengantian peserta. Pihak KPSKTM akan dimaklumkan oleh pihak ABSC mengenai maklumat kursus yang akan dijalankan.
- Pemeriksaan Audit telah dijalankan terhadap borang permohonan dan kad pengenalan bagi 15 orang peserta yang telah mengikuti kursus CCNA, bahasa Inggeris dan *Adobe Photoshop* pada tahun 2017. Hasil semakan Audit mendapati syarat kelayakan peserta telah dipatuhi. Kesemua 15 orang peserta berkenaan telah dihubungi oleh pihak ABSC bagi mendapatkan pengesahan kehadiran dan nama peserta telah direkodkan borang kehadiran bagi kursus-kursus yang berkaitan. Selain itu, pihak ABSC telah memaklumkan kepada pihak KPSKTM melalui e-mel mengenai maklumat kursus yang dijalankan.

## **d. Silibus Kursus**

- i. Klaus 4(1)(b) dalam kontrak KPSKTM (KON): 01/2011 menyatakan ABSC “*shall submit to the State Government the syllabi, course contents and course structures for the courses before the commencement of the classes for such courses and shall submit any updated version of such the syllabi, course contents and course structures whenever they become available*”.

- ii. Semakan Audit mendapati pihak ABSC mempunyai *Research and Development Department* (R&D) yang bertanggungjawab untuk menyediakan silibus kursus bagi program berkenaan. Selain itu, pihak ABSC telah menyediakan silibus kursus dengan mengemukakan sesalinan *Training Implementation Proposal* yang antaranya mengandungi jadual pelaksanaan, senarai latihan, bilangan peserta, silibus kursus dan lain-lain pada setiap tahun kepada pihak KPSKTM. Silibus bagi kursus ICT turut dikemas kini pada setiap tahun oleh R&D.
- iii. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, sebanyak 21 subjek baharu diperkenalkan dalam kursus ICT mengikut perkembangan teknologi masa kini seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 1.7**  
**SENARAI SUBJEK BAHARU BAGI KURSUS ICT BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017**

| SENARAI SUBJEK BAHARU MENGIKUT TAHUN  |   |   |
|---|---|---|
| 2015  | 2016  | 2017  |
| 1. e-Office & e-Filing Systems<br>2. Job Interview Preparation Skill<br>3. Webpage Design (MS Expression Web) | 1. e-Office & e-Filing Systems Level 2<br>2. PC Maintenance Level 2<br>3. Mobile Platform With Google Apps<br>4. Mobile Platform With Multimedia Apps<br>5. Mobile Platform With Productivity Apps<br>6. Mobile Platform With Social Network Apps | 1. Animation (3Ds Max)<br>2. Animation (Adobe Flash) Level 1<br>3. Animation (Adobe Flash) Level 2<br>4. Animation (Blender 3D)<br>5. Audio & Video Editing (Cyberlink Power Director 10)<br>6. Autocad Level 3<br>7. Blog & Website Development (Blogger)<br>8. Blog & Website Development (Wordpress)<br>9. Computerised Accounting SQL Accounting With GST Level 1<br>10. Computerised Accounting SQL Accounting With GST Level 2<br>11. Google Drive Level 1<br>12. Graphic design (GIMP) |

Sumber: Rekod ABSC

#### e. Tenaga Pengajar

- i. Tertakluk kepada klausa 4(1)(a) dalam kontrak KPSKTM(KON):01/2011, pihak ABSC akan menyediakan keperluan bagi tenaga pengajar atau *trainer* agar program berjalan lancar. Sehubungan itu, pihak ABSC telah melantik *trainer* yang berkelayakan dan berpengalaman mengikut kursus yang diajar. Pemeriksaan Audit terhadap fail tenaga pengajar mendapati *trainer* mengemukakan surat permohonan kepada pihak ABSC dan surat tawaran diberikan kepada mereka yang layak.
- ii. Pihak Audit telah memilih sampel tenaga pengajar bagi kursus CCNA, kursus bahasa Inggeris dan kursus ICT iaitu *Adobe Photoshop* di daerah Kota Kinabalu, Papar dan Kota Marudu bagi tahun 2015 hingga 2017. Semakan Audit terhadap rekod tenaga pengajar ABSC mendapati seramai 43 orang *trainer* telah dilantik untuk menjalankan sesi latihan

bagi tempoh tiga (3) tahun. Seramai lima (5) daripada 43 orang *trainer* atau 11.7% merupakan *trainer* tetap iaitu kakitangan syarikat ABSC manakala seramai 38 daripada 43 orang *trainer* atau 88.3% merupakan tenaga pengajar sambilan.

- iii. Bagi memastikan tenaga pengajar yang dilantik adalah berkelayakan atau berpengalaman, pihak Audit telah membuat semakan terhadap 43 orang *trainer* berkenaan dari segi kelayakan akademik dan pengalaman kerja mengikut kursus yang diajar berdasarkan perkara berikut:
  - *Trainer* CCNA dikehendaki memiliki kelayakan akademik atau pengalaman kerja dalam bidang *computer networking*;
  - Bagi kursus bahasa Inggeris, tenaga pengajar yang dilantik mempunyai kelayakan akademik seperti diploma atau ijazah pengkhususan bahasa Inggeris atau pengalaman kerja sebagai guru, tutor dan pensyarah bahasa Inggeris; dan
  - *Trainer* bagi kursus *Adobe Photoshop* hendaklah memiliki kelayakan akademik atau pengalaman kerja dalam bidang ICT.

- iv. Hasil semakan Audit mendapati semua tenaga pengajar yang dilantik mematuhi syarat kelayakan akademik dan pengalaman kerja mengikut kursus yang diajar adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.8**  
**BILANGAN TRAINER YANG MEMILIKI SYARAT KELAYAKAN**  
**AKADEMIK DAN PENGALAMAN KERJA MENGIKUT KURSUS YANG DIAJAR**

| KURSUS                 | BILANGAN TRAINER | MEMILIKI KELAYAKAN AKADEMIK YANG SESUAI DENGAN KURSUS DIAJAR | MEMILIKI PENGALAMAN KERJA YANG SESUAI DENGAN KURSUS DIAJAR |
|------------------------|------------------|--|--|
| CCNA                   | 1                | Ya   | Ya   |
| Bahasa Inggeris        | 20               | Ya   | Ya   |
| <i>Adobe Photoshop</i> | 22               | Ya   | Ya   |
| <b>JUMLAH</b>          | <b>43</b>        |  |  |

Sumber: Rekod ABSC

#### f. Kemudahan yang Disediakan

Lawatan Audit telah dijalankan pada bulan November 2017 di Kota Kinabalu manakala pemeriksaan fizikal ke daerah Kota Marudu dan Papar telah dibuat pada bulan Januari 2018. Ia adalah bertujuan untuk memastikan kemudahan pembelajaran seperti bilik kuliah, dewan dan komputer adalah berkeadaan baik, mencukupi dan kondusif. Penemuan Audit mengenai kemudahan latihan seperti di perenggan berikut:

- i. Lawatan Audit ke daerah Kota Kinabalu, Kota Marudu dan Papar mendapati dewan yang digunakan untuk kursus bahasa Inggeris adalah berkeadaan baik. Manakala bilik makmal serta kafe siber bagi kursus ICT adalah kondusif dan dilengkapi dengan meja, kerusi, alat penghawa dingin serta komputer yang berkeadaan baik dan mencukupi. Butiran lanjut adalah seperti gambar-gambar berikut:

**GAMBAR 1.1**



AMC College, Kota Kinabalu  
- Bilik Makmal dan Komputer Berkeadaan Baik dan Mencukupi  
(02.11.2017)

**GAMBAR 1.2**



AMC College, Kota Kinabalu  
- Sesi Pembelajaran Kursus SketchUp Make  
(02.11.2017)

**GAMBAR 1.3**



Kota Marudu  
- Sesi Pembelajaran Kursus ICT  
(22.01.2018)

**GAMBAR 1.4**



Papar  
- Dewan yang Digunakan Untuk Kursus Bahasa Inggeris  
(31.01.2018)

Pada pendapat Audit, pengurusan pelaksanaan program latihan dan kursus ICT adalah baik dan telah dijalankan dengan teratur kerana rancangan kursus tahunan telah disediakan, pengambilan peserta mengikut syarat yang ditetapkan, silibus kursus sentiasa dikemas kini mengikut perkembangan teknologi semasa, *trainer* yang dilantik memiliki kelayakan dan pengalaman kerja yang sesuai dengan bidang yang diajar serta kemudahan latihan adalah kondusif, lengkap dan mencukupi.

#### 1.6.4. Pengurusan Pembayaran

1.6.4.1. Semua agensi Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk memastikan tuntutan pembayaran kerja dan perkhidmatan diurus berdasarkan kepada peraturan kewangan dan pekeliling yang berkuat kuasa. Sehubungan itu, Surat

Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 11 Tahun 2008 menyatakan pegawai yang diberi kuasa hendaklah memastikan maklumat yang terkandung di dalam baucar bayaran dan dokumen sokongan adalah betul dan tepat.

1.6.4.2. Semakan Audit terhadap pengurusan bayaran mendapati perkara berikut:

- a. Secara umumnya, prosedur pembayaran telah dipatuhi, antaranya tuntutan telah dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan, baucar bayaran disokong dengan dokumen sokongan asal dan pembayaran telah diperakukan oleh pegawai bertanggungjawab.
- b. Untuk mengesahkan kewajaran pembayaran, status pemegang MyKad yang melibatkan seramai 885 orang peserta daripada kursus CCNA, kursus bahasa Inggeris dan kursus *Adobe Photoshop* pada tahun 2017 telah disemak kepada rekod Jabatan Pendaftaran Negara. Didapati tuntutan pembayaran oleh ABSC terhadap seramai 885 orang peserta berkenaan adalah sahih kerana nama dan nombor MyKad peserta berkenaan wujud dalam sistem Jabatan Pendaftaran Negara.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran adalah teratur kerana tuntutan telah dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan, baucar bayaran disokong dengan dokumen sokongan asal serta pembayaran telah diperakukan oleh pegawai bertanggungjawab.**

#### **1.6.5. Pemantauan**

1.6.5.1. Bagi memastikan Program Latihan dan Kursus ICT dilaksanakan dengan lancar dan pihak ABSC mematuhi syarat-syarat kontrak yang ditetapkan, KPSKTM perlu mewujudkan satu sistem pemantauan yang efektif dan sistematik. Amalan terbaik dalam mewujudkan struktur pemantauan yang berkesan adalah dengan menubuhkan jawatankuasa atau melantik Pegawai Pemantau, menyediakan jadual lawatan dan menyediakan garis panduan pemantauan sebagai rujukan.

1.6.5.2. Pemeriksaan Audit terhadap aktiviti pemantauan oleh pihak KPSKTM mendapati perkara berikut:

- a. Pihak KPSKTM telah melantik seorang pegawai Gred N41 bagi memantau Program Latihan dan Kursus ICT yang dijalankan oleh pihak ABSC. Mekanisme pemantauan yang digunakan oleh Pegawai Pemantau adalah membuat lawatan ke lokasi kursus dan menyediakan laporan hasil daripada lawatan yang dijalankan.

b. Semakan Audit mendapati Pegawai Pemantau yang dilantik tidak menyediakan jadual pemantauan secara berkala. Lawatan yang dijalankan adalah secara *ad hoc* bergantung kepada masa dan kenderaan yang tersedia. Didapati kekerapan lawatan pemantauan yang dijalankan oleh pegawai berkenaan adalah rendah iaitu hanya sekali pemantauan dijalankan pada tahun 2015 berbanding dengan 68 kali bilangan kursus yang dijalankan. Pada tahun 2016, lawatan pemantauan yang dijalankan adalah sebanyak 14 kali berbanding 193 bilangan kursus dijalankan atau 7.3% manakala pada tahun 2017 sebanyak 15 kali berbanding 62 bilangan kursus dijalankan atau 24.2%. Semakan lanjut mendapati pemantauan tidak pernah dijalankan bagi kursus CCNA sepanjang tempoh tiga (3) tahun. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.9  
BILANGAN PEMANTAUAN YANG DIJALANKAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017**

| BIL.   | NAMA KURSUS         | TAHUN 2015                   |                                    | TAHUN 2016                   |                                    | TAHUN 2017                   |                                    |
|--|---------------------|------------------------------|------------------------------------|------------------------------|------------------------------------|------------------------------|------------------------------------|
|  |                     | KURSUS SEBENAR DIJALANKAN A1 | KEKERAPAN PEMANTAUAN DIJALANKAN A2 | KURSUS SEBENAR DIJALANKAN B1 | KEKERAPAN PEMANTAUAN DIJALANKAN B2 | KURSUS SEBENAR DIJALANKAN C1 | KEKERAPAN PEMANTAUAN DIJALANKAN C2 |
| 1.   | Bahasa Inggeris     | 23                           | 1                                  | 22                           | 13                                 | 19                           | 9                                  |
| 2.   | CCNA                | 2                            | 0                                  | 2                            | 0                                  | 2                            | 0                                  |
| 3.   | ICT-Adobe Photoshop | 43                           | 0                                  | 169                          | 1                                  | 41                           | 6                                  |
| JUMLAH   |                     | 68                           | 1                                  | 193                          | 14                                 | 62                           | 15                                 |
| JUMLAH KURSUS SEBENAR DIJALANKAN (A1+B1+C1)                    |                     |                              |                                    |                              |                                    | 323                          |                                    |
| JUMLAH PEMANTAUAN YANG DIJALANKAN OLEH PIHAK KPSKTM (A2+B2+C2) |                     |                              |                                    |                              |                                    | 30                           |                                    |

Sumber: Rekod KPSKTM

Nota: Bilangan Kursus Sebenar dan Kekerapan Pemantauan Dijalankan Hanya Melibatkan Daerah Papar, Kota Marudu dan Kota Kinabalu (Sampel Audit)

c. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati Pegawai Pemantau ada menyediakan laporan yang merekodkan maklumat mengenai kursus yang dijalankan seperti dirancang, bilangan peserta, nama tenaga pengajar dan gambar semasa kursus dijalankan sebagai bukti pemantauan. Bagaimanapun, didapati laporan pemantauan berkenaan tidak dipanjangkan kepada pihak pengurusan dan tidak pernah dibincangkan dalam mana-mana mesyuarat KPSKTM. Temu bual Audit dengan pegawai berkenaan mendapati tiada garis panduan disediakan sebagai rujukan untuk menjalankan pemantauan terhadap program berkenaan.

### Maklum Balas KPSKTM yang Diterima pada 8 Mac 2018

*Pihak KPSKTM mengakui akan kelemahan pelaksanaan pemantauan oleh pihak kementerian. Seramai dua (2) orang pegawai pemantau baharu telah dilantik berkuat kuasa 1 April 2018 bagi memastikan lawatan dapat dijalankan dengan lebih kerap. Selain itu, laporan pemantauan program akan*

*dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Akaun manakala garis panduan pemantauan akan disediakan dengan merujuk kepada agensi yang berkaitan.*

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan oleh pihak KPSKTM terhadap pelaksanaan kursus oleh pihak ABSC adalah kurang berkesan kerana ia boleh membuka ruang pelanggaran syarat kontrak oleh pihak penyedia latihan.

### **1.7. SYOR AUDIT**

Bagi menambah baik pengurusan Program Latihan dan Kursus ICT, pihak Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat disarankan agar mengambil tindakan seperti berikut:

- 1.7.1. mengkaji semula syarat-syarat dalam kontrak pada masa hadapan agar ia dibuat dengan adil dan jelas supaya kepentingan Kerajaan terpelihara;
- 1.7.2. mengkaji semula sasaran tahunan bilangan peserta mengikut jenis kursus supaya kesemua orang yang tersenarai dalam senarai menunggu dapat dilatih dalam tempoh satu (1) tahun berikutnya;
- 1.7.3. menyediakan garis panduan yang komprehensif agar mekanisme pemantauan dapat dilaksanakan dengan berkesan; dan
- 1.7.4. memastikan klausa-klausa dalam kontrak yang ditandatangani antara syarikat dengan KPSKTM disemak semula bagi memastikan kepentingan Kerajaan diberi keutamaan.

## JABATAN KERJA RAYA NEGERI SABAH

### 2. PEMBINAAN BANGUNAN MAHKAMAH ANAK NEGERI

#### 2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Mahkamah Anak Negeri (MAN) merupakan institusi kehakiman di Negeri Sabah yang ditubuhkan pada tahun 1992 melalui Enakmen Mahkamah Anak Negeri Tahun 1992. MAN berfungsi untuk mentadbir dan melaksanakan undang-undang berkaitan adat resam Negeri Sabah yang tidak termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Bidang kuasa MAN meliputi kes yang timbul daripada pelanggaran undang-undang atau adat anak negeri seperti tuntutan waris, pertunangan, perkahwinan, perceraian, pengambilan anak angkat dan kes lain yang berkaitan dengan adat resam di daerah masing-masing.

2.1.2. Institusi MAN terletak di bawah pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (JHEANS). MAN diketuai oleh Pegawai Daerah dan keahliannya terdiri daripada Ketua Daerah, Ketua Anak Negeri, Wakil Ketua Anak Negeri dan ketua-ketua kampung. Pelantikan ahli MAN dilaksanakan oleh Pengarah JHEANS berdasarkan kelayakan tertentu dan kebiasaannya merupakan ketua masyarakat sesuatu kampung. Setakat bulan Disember 2017, seramai 43 Ketua Daerah, 203 Ketua Anak Negeri, 591 Wakil Ketua Anak Negeri dan 2,724 Ketua Kampung telah dilantik oleh JHEANS untuk menganggotai 24 MAN di seluruh Negeri Sabah. Ahli MAN diberi kuasa oleh Setiausaha Kerajaan Negeri untuk memutuskan kes yang tertakluk kepada bidang kuasa masing-masing. Sesuatu kes yang tidak dapat diselesaikan di peringkat Ketua Kampung akan dibicarakan di peringkat lebih tinggi yang mana kes akan diputuskan oleh Ketua Anak Negeri, Ketua Daerah atau Pegawai Daerah.

2.1.3. Projek pembinaan bangunan MAN di Negeri Sabah direalisasikan melalui projek Aku Janji Kerajaan Persekutuan (AKP) kepada rakyat Negeri Sabah di bawah inisiatif ke 12 - Merancang Jaringan Keselamatan Sosial. Projek dilaksanakan di bawah Program Khas Golongan Bumiputera Minoriti (PKGBM) iaitu satu program khusus untuk pembangunan dan kemajuan masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak. Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) merupakan penyelaras kepada pelaksanaan PKGBM Sabah. Sebanyak enam (6) projek pembinaan MAN telah diluluskan meliputi daerah Penampang, Keningau, Kudat, Sandakan, Tuaran dan Lahad Datu.

2.1.4. Objektif pembinaan bangunan MAN antaranya adalah seperti berikut:

- i. untuk mengangkat dan memartabatkan MAN supaya setaraf dengan Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah;
- ii. menyediakan bangunan mahkamah yang khusus dan selesa untuk memberi khidmat guaman kepada masyarakat; dan
- iii. memberi keselesaan kepada ahli-ahli MAN yang bertugas.

2.1.5. Projek pembinaan bangunan MAN dilaksanakan secara konvensional di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sabah selaku Agensi Pelaksana yang mana Pengarah Kerja Raya Sabah dilantik sebagai *Superintending Officer* (S.O.) yang perlu memantau kontrak/projek. ICU JPM pula merupakan pemilik MAN dan projek yang siap akan diserahkan kepada JHEANS selaku klien/end user. Pelan reka bentuk dan lukisan projek bangunan MAN disediakan oleh Cawangan Arkitek, JKR Negeri Sabah di mana reka bentuk yang sama digunakan untuk keenam-enam bangunan MAN.

2.1.6. Pada awal pelaksanaan, peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan telah diberi dalam bentuk geran berjumlah RM15 juta dan diakaunkan ke Akaun Amanah Program Khas Golongan Bumiputera Minoriti Sabah di bawah kawalan Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah (UPEN) sebelum disalurkan kepada JKR. Peruntukan tersebut adalah untuk membiayai projek pembinaan MAN Penampang, Keningau dan Kudat. Manakala peruntukan bagi projek pembinaan MAN Lahad Datu, Tuaran dan Sandakan disalurkan secara langsung daripada ICU kepada JKR.

2.1.7. Siling asal yang diperuntukkan untuk enam (6) projek pembinaan MAN berjumlah RM35.24 juta dan telah meningkat sejumlah RM9.40 juta kepada RM44.64 juta setakat bulan Disember 2017. Jumlah peruntukan sebenar yang diterima untuk enam (6) projek pembinaan MAN berjumlah RM43.39 juta dan jumlah perbelanjaan adalah RM40.95 juta. Sebanyak lima (5) projek MAN telah siap sepenuhnya dan satu (1) projek masih dalam pembinaan.

## **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada projek pembinaan MAN di Negeri Sabah telah dilaksanakan secara cekap, berhemat dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

## **2.3. SKOP PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang Audit utama iaitu prestasi projek dan pengurusan projek bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Prestasi projek dinilai berdasarkan tiga (3) perkara iaitu prestasi fizikal, pencapaian output dan *outcome*

projek serta prestasi kewangan. Pengurusan projek pula meliputi empat (4) perkara iaitu pelantikan kontraktor, pentadbiran kontrak, pelaksanaan projek dan pemantauan. Penyemakan dokumen telah dijalankan di Ibu Pejabat JKR, *Head of Project Team* (HOPT) Pantai Barat Kepayan, JKR cawangan Penampang, Keningau dan Kudat. Pengauditan terperinci telah dijalankan terhadap tiga (3) projek MAN iaitu Penampang, Keningau dan Kudat bernilai RM13.29 juta (42%) daripada keseluruhan enam (6) projek bernilai RM31.68 juta.

## **2.4. METODOLOGI PENG AUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen seperti kontrak, minit mesyuarat, laporan kemajuan kerja, tuntutan bayaran dan fail yang berkaitan. Lawatan fizikal Audit ke tapak projek bersama dengan pihak JKR dan kontraktor telah dijalankan untuk menilai prestasi kemajuan projek dan mengukur kepatuhan terhadap spesifikasi yang ditetapkan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai JKR juga diadakan bagi mendapatkan penjelasan terhadap isu yang dibangkitkan.

## **2.5. RUMUSAN AUDIT**

2.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2017 hingga Januari 2018 merumuskan perkara berikut:

### **i. Prestasi Pembinaan Bangunan MAN**

Secara keseluruhannya, objektif utama pembinaan bangunan MAN telah dapat dicapai kerana tiga (3) bangunan MAN (sampel Audit) telah disiapkan dan memulakan operasinya. Bagaimanapun, pencapaian *outcome* masih belum dapat dinilai kerana ketiga-tiga MAN baru mula beroperasi di bangunan tersebut antara bulan Ogos hingga November 2017.

### **ii. Pengurusan Projek**

Pengurusan projek pembinaan MAN dari aspek prestasi kewangan dan pelantikan kontraktor adalah baik dari segi pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek prestasi fizikal, pentadbiran kontrak, pelaksanaan projek dan pemantauan yang boleh menjaskan kecekapan pengurusan projek.

2.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. semua tiga (3) projek yang diaudit telah diberikan antara tiga (3) hingga lima (5) Lanjutan Masa (*Extension of Time - EOT*) melibatkan tempoh antara 669 hingga 1,371 hari; dan

- ii. terdapat kerja yang kurang berkualiti/tidak sempurna.

## 2.6. PENEMUAN AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas JKR telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 20 Mac 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

### 2.6.1. Prestasi Projek

#### 2.6.1.1. Prestasi Fizikal Projek

Berdasarkan kontrak, pembinaan di MAN Penampang, Keningau dan Kudat hendaklah disiapkan dalam tempoh 10 bulan daripada tarikh milik tapak. Semakan Audit terhadap prestasi fizikal mendapatkan perkara berikut:

- a. Mengikut perenggan 2, PK4.5 1PP, kemajuan kerja yang mengalami kelewatan melebihi dua (2) bulan atau 20% berbanding jadual yang ditetapkan dalam kontrak dan kontraktor tidak berupaya untuk memperbaiki prestasinya adalah dikategorikan sebagai projek sakit. Projek pembinaan MAN Penampang dan Keningau telah dikategorikan sebagai projek sakit kerana kemajuan kerja fizikal mengalami kelewatan melebihi dua (2) bulan dan peratusan kelewatan masing-masing sebanyak 29.1% dan 40% berbanding jadual yang ditetapkan dalam kontrak. Selain itu, kontraktor juga gagal memperbaiki prestasinya menyebabkan perkhidmatannya ditamatkan dan projek telah disiapkan oleh kontraktor penyelamat yang dilantik melalui tender terhad. Manakala perkhidmatan kontraktor bagi projek pembinaan MAN Kudat diteruskan sehingga projek siap. Sehubungan itu, bangunan MAN Penampang, Keningau dan Kudat telah masing-masing diserah kepada pihak JHEANS pada 23 Oktober 2017, 19 Julai 2017 dan 10 Ogos 2017. Kemajuan fizikal projek setakat 31 Disember 2017 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.1  
KEMAJUAN FIZIKAL PELAKSANAAN PROJEK MAN SETAKAT 31 DISEMBER 2017**

| PROJEK MAN/<br>KONTRAKTOR | NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta) | TARIKH MULA | TARIKH SIAP |                            | EOT         |              |               | KEMAJUAN KERJA JADUAL/ FIZIKAL (%) |
|---------------------------|------------------------------|-------------|-------------|----------------------------|-------------|--------------|---------------|------------------------------------|
|                           |                              |             | ASAL        | SEBENAR                    | TARIKH MULA | TARIKH TAMAT | TEMPOH (Hari) |                                    |
| <b>Penampang</b>          |                              |             |             |                            |             |              |               |                                    |
| Syarikat 83566 -K*        | 4.47                         | 01.03.2012  | 31.12.2012  | Ditamatkan pada 24.02.2015 | 31.12.2012  | 13.11.2013   | 669           | 70.9                               |
|                           |                              |             |             |                            | 13.11.2013  | 30.04.2014   |               |                                    |
|                           |                              |             |             |                            | 30.04.2014  | 31.10.2014   |               |                                    |
| Syarikat 552908-T**       | 4.51                         | 15.07.2016  | 14.05.2017  | 08.05.2017                 | -           | -            | -             | 100                                |
| <b>Keningau</b>           |                              |             |             |                            |             |              |               |                                    |
| Syarikat 877523-P*        | 4.42                         | 01.03.2012  | 31.12.2012  | Ditamatkan pada 11.03.2015 | 31.12.2012  | 03.08.2013   | 903           | 60.0                               |
|                           |                              |             |             |                            | 03.08.2013  | 27.02.2014   |               |                                    |
|                           |                              |             |             |                            | 27.02.2014  | 31.12.2014   |               |                                    |

| PROJEK MAN/ KONTRAKTOR | NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta) | TARIKH MULA | TARIKH SIAP |            | EOT         |              |               | KEMAJUAN KERJA JADUAL/ FIZIKAL (%) |
|------------------------|------------------------------|-------------|-------------|------------|-------------|--------------|---------------|------------------------------------|
|                        |                              |             | ASAL        | SEBENAR    | TARIKH MULA | TARIKH TAMAT | TEMPOH (Hari) |                                    |
| Syarikat 32999-K**     | 4.58                         | 15.07.2016  | 14.05.2017  | 14.05.2017 | 31.12.2014  | 22.06.2015   | -             | 100                                |
| <b>Kudat</b>           |                              |             |             |            |             |              |               |                                    |
| Syarikat 813004-X*     | 4.40                         | 14.03.2012  | 13.01.2013  | 16.10.2016 | 13.01.2013  | 11.04.2013   | 1,371         | 100                                |
|                        |                              |             |             |            | 11.04.2013  | 17.12.2013   |               |                                    |
|                        |                              |             |             |            | 17.12.2013  | 10.12.2014   |               |                                    |
|                        |                              |             |             |            | 10.12.2014  | 21.09.2015   |               |                                    |
|                        |                              |             |             |            | 22.09.2015  | 16.10.2016   |               |                                    |
| <b>JUMLAH</b>          | <b>22.38</b>                 |             |             |            |             |              | <b>2,943</b>  |                                    |

Sumber: JKR

Nota: (\*) – Kontraktor Asal

(\*\*) – Kontraktor Penyelamat

- b. Mengikut klausa 43 syarat kontrak, tempoh lanjutan masa (EOT) boleh diberi sekiranya berlaku kelewatan dalam penyiapan projek yang bukan berpuncak daripada kelemahan kontraktor. Kontrak asal bagi projek pembinaan MAN Penampang dan MAN Keningau telah diluluskan masing-masing tiga (3) dan empat (4) EOT sebelum kontrak ditamatkan. Manakala projek pembinaan di MAN Kudat telah diluluskan lima (5) EOT. Secara keseluruhannya, bilangan hari EOT yang diluluskan untuk ketiga-tiga projek pembinaan MAN adalah di antara 669 hari hingga 1,371 hari. Ini menyebabkan ketiga-tiga projek lewat dimanfaatkan oleh golongan sasar antara tiga (3) hingga empat (4) tahun.
- c. Analisis Audit mendapati faktor utama yang menyebabkan EOT diluluskan adalah berlakunya perubahan reka bentuk yang diluluskan melalui Arahan Perubahan Kerja (APK) di MAN Penampang dan Kudat di mana JHEANS telah memohon kerja tambahan sebanyak dua (2) kali semasa pembinaan projek; kelewatan JKR melulus/mengemuka/mengesah pelan/lukisan pembangunan berkaitan dan pemindahan utiliti awam. Ketiga-tiga faktor tersebut menyumbang kepada 82.7% atau 2,434 hari daripada keseluruhan EOT yang diluluskan. Secara keseluruhannya, EOT yang diberikan adalah wajar mengikut klausa 43 syarat kontrak seperti justifikasi dalam jadual berikut:

#### JADUAL 2.2 JUSTIFIKASI KELULUSAN LANJUTAN MASA

| BIL. | JUSTIFIKASI PEMBERIAN EOT                      | TEMPOH KELULUSAN EOT / BILANGAN HARI |                                     |  | JUMLAH EOT |      |
|------|--|--------------------------------------|-------------------------------------|--|------------|------|
|      |  | MAN PENAMPANG                        | MAN KENINGAU                        | MAN KUDAT                                      | (Hari)     | (%)  |
| 1.   | Arahan Perubahan Kerja/Perubahan Reka Bentuk   | Mei – Oktober 2014 (184 hari)        | -                                   | Januari 2013 – Oktober 2016 (2 EOT) (622 hari) | 806        | 27.4 |
| 2.   | Kelewatan Melulus/Mengemukakan/Mengesah Pelan/ | April – Ogos 2013 (123 hari)         | Mac 2013 – Februari 2014 (411 hari) | Mei 2012 – September 2014 (3 EOT)              | 980        | 33.3 |

| BIL.   | JUSTIFIKASI PEMBERIAN EOT                   | TEMPOH KELULUSAN EOT / BILANGAN HARI |   |   | JUMLAH EOT |      |
|--------|---|--------------------------------------|---|---|------------|------|
|        |   | MAN PENAMPANG                        | MAN KENINGAU                                | MAN KUDAT                                 | (Hari)     | (%)  |
|        | Lukisan Pembangunan Berkaitan               |                                      |   | (446 hari)                                |            |      |
| 3.     | Pengalihan Utiliti Awam                     | Mac 2012-April 2013<br>(362 hari)    | Mac 2012-Ogos 2013<br>(2 EOT)<br>(286 hari) | -   | 648        | 22.0 |
| 4.     | Kelewatan Bayaran Interim Kepada Kontraktor | -                                    | Februari – Disember 2014<br>(173 hari)      | -   | 173        | 5.9  |
| 5.     | Kekurangan Bahan Mentah Di Pasaran          | -                                    | -   | Oktober 2014 – Mei 2015<br>(285 hari)     | 285        | 9.7  |
| 6.     | Faktor Cuaca                                | -                                    | Januari – Ogos 2013<br>(33 hari)            | November 2012 – Januari 2013<br>(18 hari) | 51         | 1.7  |
| JUMLAH |   | 669                                  | 903   | 1,371                                     | 2,943      | 100  |

Sumber: Rekod JKR

### Maklum Balas JKR yang Diterima pada 23 Mac 2018

*Faktor-faktor yang menyumbang kepada kelewatan penyiapan tiga (3) bangunan MAN adalah Arahan Perubahan Kerja berdasarkan kepada kehendak klien, kelewatan pengalihan utiliti, faktor cuaca dan proses pemanggilan tender serta pelantikan kontraktor baharu bagi MAN Penampang dan Keningau mengambil masa yang lama. Pada keseluruhannya, kegagalan kontraktor melaksanakan kerja telah menyumbang kepada kelewatan penyiapan ketiga-tiga bangunan MAN tersebut. Kelewatan bayaran interim yang menyebabkan EOT diluluskan pula adalah disebabkan oleh proses permohonan dan penurunan waran, penyediaan baucar bayaran di daerah dan mengemukakan baucar bayaran berserta dokumen sokongan ke Bahagian Akaun di Ibu Pejabat akan mengambil masa. Selain itu, baucar bayaran yang ditegur oleh Jabatan Bendahari Negeri turut menyumbang kepada kelewatan pembayaran tuntutan interim tersebut.*

Pada pendapat Audit, kelewatan penyiapan tiga (3) projek MAN berbanding tarikh siap asal telah menyebabkan projek lewat dimanfaatkan oleh golongan sasar antara tiga (3) hingga empat (4) tahun.

#### 2.6.1.2. Pencapaian Output dan Outcome Projek

- Surat Pekeling Am Bil. 1 Tahun 2012 (Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome*) mentakrifkan output dan *outcome* projek iaitu kesan/keberhasilan jangka pendek atau sederhana yang diperoleh daripada output pembangunan. Ia merupakan perubahan positif yang seharusnya dicapai melalui

program/projek pembangunan terhadap golongan sasar dalam tempoh masa tertentu yang ditetapkan. Lazimnya *outcome* akan berlaku dalam tempoh satu (1) hingga lima (5) tahun selepas program/projek pembangunan dilaksanakan bergantung kepada sifat program/projek pembangunan itu sendiri.

- b. Pembinaan bangunan MAN bertujuan untuk mengangkat dan memartabatkan MAN supaya setaraf dengan Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah dan menyediakan bangunan mahkamah yang khusus serta memberi keselesaan kepada masyarakat dan ahli-ahli MAN yang bertugas.
- c. Semakan dan analisis Audit terhadap pencapaian output dan *outcome* projek pembinaan tiga (3) MAN di negeri Sabah mendapati perkara berikut:
  - i. Sebelum ini, di MAN Penampang, Keningau dan Kudat tidak mempunyai bangunan sendiri dan hanya ditempatkan di pejabat urus setia/majlis daerah yang berkenaan. Bagaimanapun, mengikut peredaran masa dan pertambahan kes yang dikendalikan serta pertambahan kakitangan maka wujud keperluan bagi MAN untuk menduduki bangunan sendiri yang mempunyai ruangan, kelengkapan dan kemudahan seperti mahkamah yang lain. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh JHEANS, menunjukkan peningkatan kes yang dilaporkan dan diselesaikan dalam tempoh tahun 2015 hingga 2017. Jumlah kes yang dikendalikan dan diselesaikan oleh ketiga-tiga MAN dalam tempoh tersebut adalah masing-masing sebanyak 3,353 kes dan 3,135 kes seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 2.3  
MAKLUMAT KES YANG DIKENDALIKAN OLEH  
MAN PENAMPANG, KENINGAU DAN KUDAT BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017**

| MAN           | TAHUN 2015        |                   | TAHUN 2016        |                   | TAHUN 2017        |                   | JUMLAH            |                   |      |
|---------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|------|
|               | [A]<br>(Bil. Kes) | [B]<br>(Bil. Kes) | (%)  |
| Penampang     | 272               | 271               | 324               | 311               | 366               | 297               | 962               | 879               | 91.4 |
| Keningau      | 451               | 448               | 502               | 409               | 626               | 623               | 1,597             | 1,480             | 92.7 |
| Kudat         | 234               | 226               | 306               | 299               | 254               | 251               | 794               | 776               | 97.7 |
| <b>JUMLAH</b> | <b>957</b>        | <b>945</b>        | <b>1,132</b>      | <b>1,019</b>      | <b>1,246</b>      | <b>1,171</b>      | <b>3,353</b>      | <b>3,135</b>      |      |

Sumber: Rekod JHEANS dan Analisis Audit

Nota: [A] - Bilangan Kes yang Dilaporkan  
[B] - Bilangan Kes yang Diselesaikan

- ii. MAN Kudat telah siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2016 dan diserahkan kepada JHEANS pada bulan Ogos 2017. Manakala MAN Keningau dan Penampang telah siap pada bulan Mei 2017 dan

diserahkan kepada JHEANS masing-masing pada bulan Julai dan Oktober 2017. Bangunan baharu ketiga-tiga MAN dilengkapi dengan ruangan khas seperti pentadbiran, bilik perbicaraan, bilik mesyuarat dan perbincangan, bilik kaunseling, perpustakaan, surau dan ruangan menunggu yang selesa dan mencukupi untuk operasinya. Secara umumnya, objektif pembinaan MAN untuk memartabatkan MAN dan memberi keselesaan kepada masyarakat serta ahli MAN telah tercapai. Bagaimanapun, pencapaian *outcome* tidak dapat dinilai kerana ketiga-tiga MAN baru mula beroperasi di bangunan tersebut antara bulan Ogos hingga November 2017.

#### **2.6.1.3. Prestasi Kewangan Projek**

- a. Surat Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, bertarikh 25 Julai 2012 menyatakan bahawa perbelanjaan hendaklah tidak melebihi siling peruntukan yang ditetapkan. Pelaksanaan projek pembinaan bangunan MAN dan tuntutan bayaran kemajuan projek dibiayai melalui peruntukan Persekutuan daripada Jabatan Perdana Menteri yang disalurkan kepada UPEN melalui PKGBM atau disalurkan terus kepada JKR.
- b. Klausula 24 syarat kontrak menetapkan Arahan Perubahan Kerja (APK) boleh diluluskan oleh S.O. sekiranya terdapat kerja yang tidak termasuk/tertinggal dalam kontrak asal.
- c. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan bagi projek pembinaan di MAN Penampang, Keningau dan Kudat mendapati:
  - i. Siling asal peruntukan yang diluluskan untuk projek pembinaan ketiga-tiga MAN adalah berjumlah RM15 juta (RM5 juta setiap satu) dan telah meningkat sejumlah RM6.81 juta kepada RM21.81 juta atau 45.4%. Jumlah keseluruhan perbelanjaan sebenar bagi ketiga-tiga projek pembinaan MAN setakat akhir tahun 2017 berjumlah RM19.62 juta atau 85%. Sejumlah RM18.53 juta atau 94.4% daripadanya, merupakan perbelanjaan bagi kontrak pembinaan tiga (3) MAN. Manakala, RM1.09 juta atau 5.6% adalah untuk lain-lain perbelanjaan yang tidak termasuk dalam nilai kontrak seperti kos pengalihan utiliti awam, siasatan tapak dan kos penyeliaan projek oleh JKR. Jumlah perbelanjaan keseluruhan setakat 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM19.62 juta, iaitu masih kurang daripada siling peruntukan disemak berjumlah RM21.81 juta. Maklumat lanjut adalah seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 2.4**  
**SILING PERUNTUKAN DAN JUMLAH**  
**PERBELANJAAN BAGI PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN MAN**

| PROJEK MAN                | SILING PERUNTUKAN DISEMAK (RM Juta) | NILAI KONTRAK (RM Juta) | PERBELANJAAN KONTRAK (RM Juta) | LAIN-LAIN PERBELANJAAN (RM Juta) | JUMLAH (RM Juta) |
|---------------------------|-------------------------------------|-------------------------|--------------------------------|----------------------------------|------------------|
| Penampang                 | 7.87                                | 2.69*                   | 2.69                           | 0.51                             | 3.20             |
|                           |                                     | 4.63                    | 4.49                           | -                                | 4.49             |
| <b>JUMLAH</b>             | <b>7.87</b>                         | <b>7.32</b>             | <b>7.18</b>                    | <b>0.51</b>                      | <b>7.69</b>      |
| Keningau                  | 7.89                                | 2.64*                   | 2.64                           | 0.17                             | 2.81             |
|                           |                                     | 4.70                    | 4.08                           | -                                | 4.08             |
| <b>JUMLAH</b>             | <b>7.89</b>                         | <b>7.34</b>             | <b>6.72</b>                    | <b>0.17</b>                      | <b>6.89</b>      |
| Kudat                     | 6.05                                | 5.04                    | 4.63                           | 0.41                             | 5.04             |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>21.81</b>                        | <b>19.70</b>            | <b>18.53</b>                   | <b>1.09</b>                      | <b>19.62</b>     |

Sumber: Rekod JKR

Nota: (\*) - Jumlah Perbelanjaan Semasa Kontrak Ditamatkan

- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak tujuh (7) APK telah diluluskan untuk projek pembinaan di MAN Penampang, Keningau dan Kudat yang melibatkan kerja yang tidak termasuk/tertinggal dalam kontrak asal. Nilai keseluruhan APK yang diluluskan adalah berjumlah RM1.01 juta seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 2.5**  
**PERUBAHAN KERJA BAGI PROJEK**  
**PEMBINAAN MAN PENAMPANG, KENINGAU DAN KUDAT**

| PROJEK MAN    | KONTRAKTOR        | NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta) | PERUBAHAN KERJA |             |          | NILAI KONTRAK DIPINDA (RM Juta) |
|---------------|-------------------|------------------------------|-----------------|-------------|----------|---------------------------------|
|               |                   |                              | BIL.            | (RM Juta)   | (%)      |                                 |
| Penampang     | Syarikat 835667-K | 4.47                         | 1               | 0.14        | 3.0      | 4.61                            |
|               | Syarikat 552908-T | 4.50                         | 2               | 0.12        | 2.6      | 4.63                            |
| Keningau      | Syarikat 877523-P | 4.42                         | -               | -           | -        | 4.42                            |
|               | Syarikat 32999-K  | 4.58                         | 1               | 0.11        | 2.5      | 4.70                            |
| Kudat         | Syarikat 813004-X | 4.40                         | 2               | 0.64        | 14.5     | 5.04                            |
| <b>JUMLAH</b> |                   | <b>22.37</b>                 | <b>7</b>        | <b>1.01</b> | <b>-</b> | <b>23.40</b>                    |

Sumber: Rekod JKR

- iii. Berdasarkan analisis Audit, APK yang diluluskan adalah antara 2.5% hingga 14.5% daripada nilai kontrak asal. Sehubungan itu, sejumlah RM658,443 atau 65.3% daripada keseluruhan APK adalah untuk pelaksanaan kontrak bagi kerja berkaitan bangunan, manakala RM348,801 atau 34.6% lagi merupakan APK yang diluluskan untuk pelbagai kerja mekanikal dan elektrik di MAN Penampang, Keningau dan Kudat.
- iv. Projek pembinaan MAN Kudat mempunyai APK paling tinggi, iaitu berjumlah RM637,174 atau 14.5% daripada nilai kontrak asal. Sejumlah

RM523,094 atau 82.1% daripadanya adalah APK untuk pelaksanaan kerja bangunan dan RM114,081 lagi adalah untuk kerja mekanikal dan elektrik. APK terutamanya bagi pembinaan MAN Kudat melibatkan pelarasan/penyesuaian bagi kerja-kerja cerucuk, *additional reinforced concrete roadside drain and culvert installation*, pemasangan *firefighting system*, pembinaan rumah pam serta pemasangan pam air dan tangki. Pertambahan kerja yang melibatkan APK menjadi salah satu sebab projek pembinaan MAN Kudat tidak dapat disiapkan dalam tempoh asal kontrak dan kontraktor terpaksa diberi lanjutan masa.

- v. Perbelanjaan bagi kontrak asal di MAN Penampang dan Keningau sebelum kontrak ditamatkan adalah berjumlah RM5.32 juta (58.9%) berbanding harga kontrak berjumlah RM9.03 juta. Secara umumnya, jumlah perbelanjaan adalah munasabah berbanding status kemajuan kerja antara 60% dan 70.9% semasa kedua-dua kontrak tersebut ditamatkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 2.6**  
**PERBELANJAAN BAGI KONTRAK ASAL PROJEK PEMBINAAN**  
**MAN PENAMPANG DAN KENINGAU SEMASA KONTRAK DITAMATKAN**

| PROJEK<br>MAN | KONTRAKTOR<br>ASAL | KONTRAK DITAMATKAN |                          | NILAI<br>KONTRAK<br>(RM Juta) | PERBELANJAAN |      |
|---------------|--------------------|--------------------|--------------------------|-------------------------------|--------------|------|
|               |                    | TARIKH             | KEMAJUAN<br>KERJA<br>(%) |                               | (RM Juta)    | (%)  |
| Penampang     | Syarikat 835667-K  | 24.02.2015         | 70.9                     | 4.61*                         | 2.69         | 58.4 |
| Keningau      | Syarikat 877523-P  | 11.03.2015         | 60.0                     | 4.42                          | 2.63         | 59.5 |
| JUMLAH        |                    |                    |                          | 9.03                          | 5.32         | 58.9 |

Sumber: Rekod JKR

Nota: (\*) - Termasuk APK bernilai RM135,349

- vi. Setakat 31 Disember 2017, perbelanjaan keseluruhan bagi dua (2) kontrak penyelamat (MAN Penampang dan Keningau) dan satu (1) kontrak bagi pembinaan MAN Kudat adalah berjumlah RM13.21 juta (91.9%) berbanding nilai kontrak berjumlah RM14.37 juta. Maklumat prestasi perbelanjaan bagi tiga (3) kontrak tersebut setakat akhir tahun 2017 adalah seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 2.7**  
**PERBELANJAAN BAGI KONTRAK ASAL PROJEK PEMBINAAN**  
**MAN PENAMPANG DAN KENINGAU SEMASA KONTRAK DITAMATKAN**

| PROJEK<br>MAN | KONTRAKTOR          | NILAI KONTRAK<br>DIPINDA<br>(RM Juta) | PERBELANJAAN |      |
|---------------|---------------------|---------------------------------------|--------------|------|
|               |                     |                                       | (RM Juta)    | (%)  |
| Penampang     | Syarikat 552908-T** | 4.63                                  | 4.50         | 97.2 |
| Keningau      | Syarikat 329997-K** | 4.70                                  | 4.08         | 86.8 |
| Kudat         | Syarikat 813004-X*  | 5.04                                  | 4.63         | 91.9 |
| JUMLAH        |                     | 14.37                                 | 13.21        | 91.9 |

Sumber: Rekod JKR

Nota: (\*) - Kontraktor Asal

(\*\*) - Kontraktor Penyelamat

vii. Secara keseluruhannya, prestasi pembayaran bagi tiga (3) kontrak (tidak mengambil kira dua (2) kontrak yang ditamatkan) adalah baik kerana sejumlah RM13.21 juta atau 91.9% telah dibelanjakan daripada nilai kontrak yang dipinda berjumlah RM14.37 juta.

### **Maklum Balas JKR yang Diterima pada 23 Mac 2018**

*Perubahan kerja adalah disebabkan JHEANS telah memohon kerja tambahan sebanyak dua (2) kali semasa pembinaan projek.*

Pada pendapat Audit, projek telah menepati objektif pembinaannya walaupun penyiapan projek mengalami kelewatan berbanding tarikh siap asal yang menyebabkan projek lewat dimanfaatkan oleh golongan sasar antara tiga (3) hingga empat (4) tahun.

#### **2.6.2. Pengurusan Projek**

##### **2.6.2.1. Perolehan Kerja**

- a. Pelantikan kontraktor bagi melaksanakan projek Kerajaan hendaklah dibuat dengan telus berdasarkan peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa untuk memastikan kepentingan Kerajaan terjamin.
- b. Peruntukan asal bagi projek MAN telah disalurkan kepada pihak UPEN dan diambil kira dalam akaun Kerajaan Negeri. Oleh itu, perolehan tender bagi projek MAN hendaklah dilaksanakan mengikut Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 2/1995 dan Arahan Perbendaharaan. Perkara yang perlu dipatuhi antaranya adalah:
  - i. Tender hendaklah dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Tender dan direkod dalam Jadual Pembukaan Tender;
  - ii. Jawatankuasa Penilai ditubuhkan untuk menilai kemampuan kewangan penender dan menganalisa harga tender dengan mengambil kira tempoh penyiapan yang ditawarkan; dan
  - iii. Tender diluluskan oleh Lembaga Tawaran Negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan.
- c. Semakan Audit mendapati kaedah perolehan negeri tersebut telah dipatuhi di mana tender telah disenaraikan dalam jadual tender, dianalisis oleh jawatankuasa tender JKR dan diluluskan oleh Lembaga Tawaran Negeri.

Selain itu, keputusan tender oleh Lembaga Tawaran Negeri didapati selaras dengan cadangan dalam laporan penilaian tender yang disediakan oleh JKR.

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati projek pembinaan di MAN Penampang dan Keningau ditender semula melalui tender terhad selepas perkhidmatan kontraktor asal ditamatkan. Perolehan melalui tender terhad bagi kontrak MAN Penampang dan Keningau yang ditender semula dibuat melalui kaedah perolehan Persekutuan kerana peruntukan disalurkan secara langsung dari ICU JPM kepada JKR.
- e. Perolehan ini hendaklah mematuhi Arahan Perbendaharaan dan 1Pekeliling Perbendaharaan - Perolehan Kerajaan. Perkara yang perlu dipatuhi antaranya adalah:
  - i. Perolehan hendaklah mendapat pertimbangan dan diluluskan oleh Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah; dan
  - ii. Syarikat yang dipilih untuk menyertai tender terhad hendaklah terlebih dahulu melalui proses penilaian dari segi kemampuan kewangan dan teknikal, pengalaman, prestasi kerja dan lain-lain asas penilaian yang berkaitan.
- f. Semakan Audit mendapati perolehan yang dilaksanakan telah mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Pelantikan kontraktor telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah berdasarkan kepada Laporan Penilaian Tender yang disediakan oleh JKR.

**Pada pendapat Audit, proses pelantikan kontraktor adalah teratur kerana telah mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa.**

#### **2.6.2.2. Pentadbiran Kontrak**

JKR selaku Agensi Pelaksana hendaklah memastikan pengurusan dan pentadbiran kontrak pembinaan MAN diberi perhatian yang serius. Ini adalah bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan. Sehubungan itu, kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan projek MAN hendaklah mematuhi syarat kontrak yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, semakan Audit mendapati syarat kontrak telah dipatuhi berkaitan Surat Setuju Terima, dokumen kontrak telah ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa, Bon Pelaksanaan disediakan melalui Wang Jaminan Pelaksanaan, polisi insurans kerja disediakan dan Sijil Perakuan Siap (*Certificate of Practical Completion - CPC*) dikeluarkan setelah

kerja disiapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

#### a. Penamatan Kontrak

- i. Mengikut klausa 51 syarat kontrak, penamatan kontrak secara biasa boleh dilakukan sekiranya kontraktor gagal melaksanakan tugasnya sepertimana yang ditetapkan dalam kontrak dengan memberi notis secara bertulis. Manakala klausa 51.1(c)(ii) menyatakan Kerajaan hendaklah merampas Bon Pelaksanaan/Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) dan boleh menuntut sebarang kerugian, kos perbelanjaan dan kerosakan yang dialami akibat daripada penamatan kontrak.
- ii. Semakan Audit terhadap pengurusan penamatan kontrak mendapati perkara seperti berikut:
  - JKR telah mengeluarkan tiga (3) notis bertulis kepada kontraktor di MAN Penampang dan Keningau antara bulan Oktober hingga Disember 2014 seperti mana ditetapkan dalam syarat kontrak sebagai tindakan kepada penamatan kontrak.
  - Mengikut rekod JKR, kemajuan kerja fizikal semasa projek ditamatkan adalah 70.9% bagi projek MAN Penampang dan 60% bagi projek MAN Keningau. Manakala jumlah bayaran yang dibuat masing-masing berjumlah RM2.69 juta bagi projek MAN Penampang dan RM2.64 juta bagi projek MAN Keningau. Maklumat lanjut adalah seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 2.8  
KONTRAK KERJA YANG DITAMATKAN**

| BIL. | PROJEK MAN | MAKLUMAT KONTRAK ASAL |                         |             |                     | PENAMATAN KONTRAK |                      | JUMLAH BAYARAN (RM Juta) |
|------|------------|-----------------------|-------------------------|-------------|---------------------|-------------------|----------------------|--------------------------|
|      |            | KONTRAKTOR            | NILAI KONTRAK (RM Juta) | TARIKH MULA | TARIKH SEPATUT SIAP | TARIKH            | KEMAJUAN FIZIKAL (%) |                          |
| 1.   | Penampang  | Syarikat 835667-K     | 4.47                    | 01.03.2012  | 31.12.2012          | 24.02.2015        | 70.9                 | 2.69                     |
| 2.   | Keningau   | Syarikat 877523-P     | 4.42                    | 01.03.2012  | 31.12.2012          | 11.03.2015        | 60.0                 | 2.64                     |

Sumber: Rekod JKR

- Kedua-dua kontraktor telah memilih kaedah WJP sebagai Bon Pelaksanaan dan WJP berjumlah RM193,962 bagi projek MAN Penampang dan RM221,006 bagi projek MAN Keningau telah diakaunkan dalam akaun amanah/deposit/WJP.
- Setakat bulan Disember 2017, pihak JKR masih belum merampas WJP walaupun kedua-dua kontrak telah ditamatkan pada awal tahun

2015 kerana terlepas pandang mengenai perkara ini. Selepas teguran Audit, pihak JKR sedang mengambil tindakan pelarasan daripada akaun amanah/deposit/WJP ke hasil negeri.

- Selain itu, pihak JKR telah menyediakan Perakuan Kos Penamatan untuk menuntut jumlah ganti rugi yang daripada syarikat 835667-K dan syarikat 877523-P masing-masing berjumlah RM2.65 juta dan RM2.18 juta melalui surat berdaftar bertarikh 27 Februari 2017. Semakan Audit mendapati jumlah yang dituntut adalah munasabah selaras dengan ketetapan dalam klausa 55 syarat kontrak. Setakat bulan Disember 2017, jumlah tersebut masih belum dibayar oleh pihak kontraktor. Pihak JKR telah merujuk perkara ini kepada Jabatan Peguam Besar Negeri untuk tindakan undang-undang terhadap syarikat 835667-K dan syarikat 877523-P melalui surat masing-masing bertarikh 14 Februari 2018 dan 19 Februari 2018.
- Secara keseluruhannya, amaun ganti rugi yang boleh dituntut dan WJP yang boleh dirampas adalah berjumlah RM5.24 juta seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

**JADUAL 2.9  
NILAI GANTI RUGI YANG DITUNTUT DAN WJP YANG DIRAMPAS**

| BIL.          | PROJEK MAN | KONTRAKTOR        | TUNTUTAN GANTI RUGI (RM Juta) | WJP (RM Juta) | JUMLAH (RM Juta) |
|---------------|------------|-------------------|-------------------------------|---------------|------------------|
| 1.            | Penampang  | Syarikat 835667-K | 2.65                          | 0.19          | 2.84             |
| 2.            | Keningau   | Syarikat 877523-P | 2.18                          | 0.22          | 2.40             |
| <b>JUMLAH</b> |            |                   | <b>4.83</b>                   | <b>0.41</b>   | <b>5.24</b>      |

Sumber: Rekod JKR

- JKR seterusnya telah melantik kontraktor penyelamat untuk menyiapkan projek pembinaan MAN Penampang dan MAN Keningau melalui tender terhad. Proses pelantikan kontraktor baru mengambil masa antara 14 hingga 15 bulan daripada tarikh penamatan kontrak asal. Semakan Audit mendapati tempoh pelantikan tersebut adalah munasabah dengan mengambil kira proses perolehan antaranya penilaian tender, perakuan tender, pertimbangan dan keputusan lembaga perolehan di peringkat Persekutuan.
- iii. Kontraktor yang dilantik untuk kontrak pembinaan MAN Penampang ialah syarikat 552908-T dengan nilai kontrak ditawarkan berjumlah RM4.50 juta. Manakala bagi MAN Keningau, kontraktor yang dilantik ialah syarikat 329997-K dengan nilai kontrak berjumlah RM4.58 juta. Analisis Audit terhadap nilai kontrak baru mendapati perkara berikut:

- Nilai kontrak yang ditawarkan tersebut didapati lebih tinggi daripada nilai kontrak asal walaupun kemajuan fizikal kedua-dua projek telah mencapai 70.9% bagi MAN Penampang dan 60% bagi MAN Keningau semasa kontrak ditamatkan.
- Nilai kontrak tersebut adalah munasabah dengan mengambil kira pembaikan bangunan lama, penambahan lima (5) kerja yang tidak termasuk dalam kontrak asal, peningkatan harga barang pada tahun 2012 berbanding 2016 dan pengenaan cukai barang dan perkhidmatan.
- Baki kontrak projek di MAN Penampang dan Keningau adalah masing-masing berjumlah RM1.78 juta. Oleh itu, terdapat peningkatan nilai kontrak baharu berbanding baki kontrak asal sebanyak 152.6% untuk MAN Penampang dan 156.8% untuk MAN Keningau seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 2.10  
BAKI KONTRAK KERJA YANG DITAMATKAN BERBANDING NILAI KONTRAK BAHARU**

| BIL. | PROJEK MAN | KONTRAK ASAL      |                          | KONTRAK BAHARU    |                     | PERBEZAAN                |       |
|------|------------|-------------------|--------------------------|-------------------|---------------------|--------------------------|-------|
|      |            | KONTRAKTOR        | BAKI NILAI (RM Juta) (a) | KONTRAKTOR        | NILAI (RM Juta) (b) | NILAI (RM Juta) c= (b-a) | (%)   |
| 1.   | Penampang  | Syarikat 835667-K | 1.78                     | Syarikat 552908-T | 4.50                | 2.72                     | 152.6 |
| 2.   | Keningau   | Syarikat 877523-P | 1.78                     | Syarikat 329997-K | 4.58                | 2.80                     | 156.8 |

Sumber: Rekod JKR

- iv. Analisis Audit mendapati Kerajaan terpaksa menanggung pertambahan kos bagi projek MAN Penampang dan Keningau untuk menyiapkan projek yang terbengkalai dianggarkan berjumlah RM5.30 juta. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.11  
ANGGARAN PERTAMBAHAN KOS PROJEK**

| PERIHAL                              | PENAMPANG (RM Juta) | KENINGAU (RM Juta) | JUMLAH (RM Juta) |
|--------------------------------------|---------------------|--------------------|------------------|
| Kos Projek (Baharu)                  | 4.50                | 4.58               | 9.08             |
| Campur bayaran kepada:               |                     |                    |                  |
| Kontraktor Utama (Asal)              | 2.31                | 2.64               | 4.95             |
| <i>Nominated Sub Contractor</i>      | 0.16                | -                  | 0.16             |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN KOS PROJEK</b> | <b>6.97</b>         | <b>7.22</b>        | <b>14.19</b>     |
| Tolak : Kos Asal Projek              | (4.47)              | (4.42)             | (8.89)           |
| <b>JUMLAH PERTAMBAHAN KOS</b>        | <b>2.50</b>         | <b>2.80</b>        | <b>5.30</b>      |

Sumber: Rekod JKR

Pada pendapat Audit, penamatan kontrak dan tuntutan ganti rugi adalah teratur mengikut peraturan yang ditetapkan kecuali rampasan Wang Jaminan Pelaksanaan yang belum diselaraskan. Selain itu, penamatan kontrak telah menyebabkan Kerajaan menanggung pertambahan kos berjumlah RM5.30 juta.

**b. Tuntutan Bayaran Interim**

- i. Klausa 28.6 syarat kontrak menetapkan tuntutan bayaran interim daripada kontraktor hendaklah dibayar dalam tempoh 30 hari daripada tarikh pengeluaran/pengesahan bayaran interim. Bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan tersebut, pihak Audit telah membuat analisis berdasarkan tarikh baucar bayaran disediakan berbanding tarikh pengesahan bayaran interim. Oleh itu, tempoh kelewatian sebenar sepatutnya adalah lebih lama daripada yang dinyatakan.
- ii. Berdasarkan semakan Audit terhadap 93 baucar bayaran, pihak Audit mendapati sebanyak 43 baucar bayaran (46.2%) bagi menjelaskan tuntutan interim bernilai RM8.96 juta telah lewat dibayar (melebihi 30 hari) kepada kontraktor di MAN Penampang, Keningau dan Kudat antara lima (5) hingga 300 hari.
- iii. Semakan Audit mendapati pihak JKR telah mengeluarkan waran peruntukan kecil secara berperingkat iaitu berdasarkan nilai interim yang akan dibayar. Berdasarkan analisis Audit terhadap permohonan waran MAN Penampang, tempoh pengeluaran waran peruntukan kecil daripada Ibu Pejabat JKR kepada Pejabat JKR cawangan Penampang adalah antara 20 hingga 81 hari. Selain itu, satu (1) baucar bayaran tidak dibayar selama 300 hari (setakat 11 Januari 2018) kerana dikuiri oleh Jabatan Bendahari Negeri disebabkan tidak mematuhi arahan kewangan antaranya tempoh kontrak dan maklumat Bon Pelaksanaan tidak dicatat dalam baucar bayaran serta insurans tidak diambil daripada syarikat insurans yang ditetapkan. Kelewatian pembayaran kepada kontraktor akan memberi perspektif negatif terhadap sistem penyampaian Kerajaan.

**Maklum Balas JKR yang Diterima pada 23 Mac 2018**

*Kontraktor yang ditamatkan perkhidmatan telah disenaraihitamkan dan tuntutan ganti rugi yang belum dibayar oleh kontraktor telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Besar Negeri untuk tindakan undang-undang. Bagi mempercepatkan bayaran tuntutan interim, JKR telah mengubah suai sistem penyaluran peruntukan yang mana peruntukan disalurkan terus kepada Head of Project Team atau Superintending Officer Representative.*

Pada pendapat Audit, pihak JKR telah mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap penamatan kontrak dengan menyerahhitam kontraktor dan menuntut ganti rugi serta merampas WJP. Bagaimanapun, proses bayaran tuntutan interim adalah kurang cekap di mana 46.2% tuntutan interim kontraktor telah lewat dijelaskan antara lima (5) hingga 300 hari.

#### 2.6.2.3. Pelaksanaan Projek

##### a. Spesifikasi dan Kualiti Kerja


- i. Klausula 6.1 syarat kontrak menyatakan kontraktor perlu membina dan menyiapkan kerja menggunakan bahan serta menghasilkan mutu kerja yang berkualiti mengikut standard yang ditetapkan. Selain tu, setiap reka bentuk atau spesifikasi yang ditetapkan mestilah sesuai, praktikal dan memenuhi keperluan pengguna. Kerja pembinaan pula perlu dilaksanakan dengan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak, kemas, sempurna, mengikut amalan kejuruteraan yang baik dan pada tahap piawaian yang boleh diterima. Kontraktor bertanggungjawab untuk mengambil tindakan membaiki mana-mana kerja yang tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam tempoh tanggungan kecacatan (*Defects Liability Period – DLP*).
- ii. Lawatan Audit ke tapak bangunan MAN Kudat, Penampang dan Keningau masing-masing pada 15 November 2017, 5 dan 11 Januari 2018 mendapati kerja kurang berkualiti/sempurna seperti **Jadual 2.12**. Selepas teguran Audit, kerja kurang berkualiti/sempurna yang masih dalam tempoh tanggungan kecacatan telah dibaiki oleh pihak kontraktor seperti gambar berikut:

**JADUAL 2.12**  
**KERJA KURANG BERKUALITI/SEMPURNA**

| BIL. | PERIHAL KERJA   | LOKASI   | MAN       |
|------|---|--|-----------|
| 1.   | Resapan air pada siling dan dinding   | Ruang Wakil Ketua Anak Negeri (WKAN) ( <b>Gambar 2.1 dan 2.2</b> ) | Penampang |
|      |   | Ruang Lobi Utama ( <b>Gambar 2.3 dan 2.4</b> )                     | Kudat     |
|      |   | Tandas Wanita Aras Bawah ( <b>Gambar 2.5 dan 2.6</b> )             | Keningau  |
| 2.   | Lantai tidak dibina dengan kecerunan yang sesuai menyebabkan air bertakung dan tidak dapat mengalir | Lantai Konkrit Roof Gutter ( <b>Gambar 2.7 hingga 2.10</b> )       | Penampang |
|      |   |  | Keningau  |
| 3.   | <i>Levelling slab</i> tidak selari  | Dinding dan siling court yard ( <b>Gambar 2.11 dan 2.12</b> )      | Keningau  |
| 4.   | <i>Exhaust fan shutter</i> patah  | Tandas wanita aras satu ( <b>Gambar 2.13 dan 2.14</b> )            | Keningau  |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

**GAMBAR 2.1**



Ruang WKAN, MAN Penampang  
- Siling Diresapi Air  
(05.01.2018)

**GAMBAR 2.2**



Ruang WKAN, MAN Penampang  
Siling Diresapi Air Telah Dibaiki  
(Sumber: JKR)

**GAMBAR 2.3**



Pintu Utama, MAN Kudat  
- Bahagian Bawah Dinding Telah Berlumut  
Kerana Dimasuki Air  
(15.11.2017)

**GAMBAR 2.4**



Pintu Utama, MAN Kudat  
- Dinding Berlumut Telah Dibaiki  
(Sumber: JKR)

**GAMBAR 2.5**



Tandas Wanita Aras Bawah, MAN Keningau  
- Dinding Diresapi Air  
(11.01.2018)

**GAMBAR 2.6**




Tandas Wanita Aras Bawah, MAN Keningau  
- Dinding Diresapi Air Telah Dibaiki  
(Sumber: JKR)

**GAMBAR 2.7**



Ruang Atap, MAN Keningau  
- Lantai Tidak Dibina Dengan Kecerunan yang Sesuai  
Menyebabkan Air Bertakung  
(11.01.2018)

**GAMBAR 2.8**



Ruang Atap, MAN Penampang  
- Lantai Telah Dibaiki  
(Sumber: JKR)

**GAMBAR 2.9**



Ruang Atap, MAN Keningau  
- Lantai Tidak Dibina Dengan Kecerunan yang Sesuai  
Menyebabkan Air Bertakung  
(11.01.2018)

**GAMBAR 2.10**




Ruang Atap, MAN Keningau  
- Lantai Telah Dibaiki  
(Sumber: JKR)

**GAMBAR 2.11**



Courtyard, MAN Keningau  
- Leveling Slab Tidak Selari  
(11.01.2018)

**GAMBAR 2.12**



Courtyard, MAN Keningau  
- Levelling Slab Tidak Selari Telah Dibaiki  
(Sumber: JKR)

**GAMBAR 2.13**



Tandas Aras Bawah, MAN Keningau  
- Exhaust Fan Shutter Patah  
(11.01.2018)

**GAMBAR 2.14**



Tandas Aras Bawah, MAN Keningau  
- Exhaust Fan Shutter Telah Dibaiki  
(Sumber: JKR)

## b. Sijil Layak Menduduki

- Selaras dengan Seksyen 38C, Sabah *Building By-Laws 1951*, bangunan hendaklah mendapat *Occupation Certificate* (OC) sebelum boleh diduduki. Tujuan OC dikeluarkan adalah untuk memastikan bangunan mempunyai ciri-ciri keselamatan, kesihatan, keselesaan, keindahan dan kedudukan yang teratur. Oleh itu, agensi yang bertanggungjawab mengeluarkan OC iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mendapatkan surat sokongan/kelulusan daripada agensi lain yang terlibat antaranya pihak bomba; Sabah Electricity Sdn. Bhd.; Telekom; JKR Daerah/Negeri; Jabatan Kesihatan; Jabatan Pengairan dan Saliran;

Jabatan Air dan Pejabat Tanah sebelum OC dapat dikeluarkan bagi memastikan ciri-ciri yang ditetapkan dipatuhi.

- ii. Semakan Audit mendapati bangunan MAN Keningau dan Kudat telah dikeluarkan OC masing-masing pada 23 Jun 2017 dan 28 Julai 2017. Bagaimanapun, setakat bulan Februari 2018, bangunan MAN Penampang masih belum memperolehi OC daripada Majlis Daerah Penampang walaupun MAN Penampang telah mula beroperasi pada bulan Oktober 2017.
- iii. Pihak Audit dimaklumkan, OC masih belum diperolehi kerana terdapat peraturan yang tidak dipatuhi antaranya penyediaan Laporan Reka Bentuk Sistem Perparitan berpandukan Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) dan lot letak kereta yang tidak mencukupi. Ketiadaan OC boleh menimbulkan risiko keselamatan kepada anggota MAN yang bertugas dan orang awam yang berurusan di bangunan tersebut.

#### **Maklum Balas JKR yang Diterima pada 23 Mac 2018**

*Kerja kurang berkualiti/sempurna telah dibaiki/akan dibaiki dalam tempoh kecacatan. Bagi isu berkenaan OC, pihak JKR telah membuat surat jemputan kepada agensi berkaitan untuk membuat lawatan ke bangunan tersebut. Pihak Bomba, Pejabat Kesihatan, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan Air telah melawat bangunan tersebut dan surat sokongan yang sudah diterima setakat ini adalah daripada Bomba dan Pejabat Kesihatan. Selain itu, pihak Majlis Daerah Penampang sedang dalam proses mengesahkan pelan pembangunan dan bangunan MAN.*

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek secara keseluruhannya adalah memuaskan di mana kontraktor telah/sedang membaiki kecacatan yang dibangkitkan dan OC bagi MAN Penampang sedang diproses oleh Majlis Daerah Penampang untuk kelulusan.

#### **2.6.2.4. Pemantauan Projek**

- a. Sistem pemantauan yang mantap dan komprehensif dapat memastikan sebarang masalah boleh diatasi bagi melancarkan perjalanan semua aktiviti berkaitan projek untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Manakala kawal selia projek bertujuan untuk memastikan obligasi yang terkandung di dalam kontrak disempurnakan dan projek diurus serta dilaksanakan mengikut syarat-syarat dan spesifikasi yang digariskan dalam dokumen kontrak khususnya melibatkan skop, kos, kualiti dan masa yang telah dipersetujui.

- b. Berdasarkan Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi Ketiga, Bab 9, para 9.5.3 hingga 9.5.5, Mesyuarat Tapak hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua (2) bulan atau lebih kerap jika keadaan memerlukan bagi kontrak bernilai RM500,000 ke atas.
- c. Semakan Audit terhadap pemantauan projek mendapati perkara berikut:
  - i. Projek pembinaan bangunan MAN di Negeri Sabah dipantau oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya melalui Ketua Jurutera Penguin Projek (*Head Of Project Team* (HOPT)/Jurutera Daerah.
  - ii. Pengarah JKR Negeri Sabah selaku S.O. telah melantik masing-masing seorang penolong jurutera/juruteknik untuk memantau projek pembinaan bangunan MAN di tapak projek MAN Penampang, Keningau dan Kudat. Selain itu, berdasarkan *summary of tender, preliminaries item* no. 9, pihak kontraktor dikehendaki untuk menyediakan laporan kemajuan bulanan mengikut arahan JKR.
  - iii. Kekerapan Mesyuarat Tapak dilaksanakan adalah sekali dalam tempoh satu (1) hingga dua (2) bulan.
  - iv. Laporan Kemajuan Kerja telah disediakan dan dikemukakan setiap bulan kepada JKR.
  - v. Pemantauan terhadap pelaksanaan projek pembinaan MAN juga dibuat melalui Mesyuarat Pemantauan Prestasi Pelaksanaan Projek RP4 RMK10 bulanan yang dipengerusikan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - vi. Status kemajuan kerja projek pembinaan MAN telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri (JKTNg) Sabah yang dihadiri oleh antara lainnya Setiausaha Kerajaan Negeri, Setiausaha Persekutuan Sabah, Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah, Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Pengarah UPEN, Pengarah JKR Negeri Sabah dan Pengarah JHEAINS.
- d. Secara keseluruhannya pemantauan terhadap projek pembinaan MAN telah melibatkan semua agensi yang berkenaan iaitu pihak JKR, KKTP dan JKTNg. Bagaimanapun, pemantauan adalah kurang berkesan kerana masih terdapat kelemahan seperti projek lewat disiapkan, tuntutan interim lewat dibayar dan kerja kurang berkualiti/sempurna.

**Pada pendapat Audit, pemantauan belum mencapai tahap efisien walaupun telah melibatkan semua pihak/agensi yang berkenaan.**

## **2.7. SYOR AUDIT**

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek di masa hadapan, adalah disyorkan supaya pihak JKR mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:

- 2.7.1. membuat perancangan awal yang teliti dan komprehensif termasuk membuat *engagement* dengan pihak utiliti yang terlibat (Telekom, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Jabatan Air) supaya peningkatan kos dan tempoh penyiapan projek dapat dikawal;
- 2.7.2. menyusul dan memantau secara berterusan pembaikan yang dilaksanakan oleh kontraktor terhadap kerja-kerja yang kurang berkualiti/tidak sempurna sebelum tamatnya tempoh tanggungan kecacatan; dan
- 2.7.3. mempercepatkan permohonan OC untuk membolehkan bangunan dimanfaatkan oleh golongan sasar dengan segera.

## KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

### MAJLIS DAERAH RANAU DAN MAJLIS DAERAH PUTATAN

#### 3. PENGURUSAN PEROLEHAN

##### 3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Sabah ditubuhkan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961 (No.11) yang berkuat kuasa pada 1 Januari 1962 di bawah GN No.134 bertarikh 15 November 1961. Terdapat 24 PBT di Sabah yang terdiri daripada satu (1) Dewan Bandaraya, dua (2) Majlis Perbandaran, satu (1) Lembaga Bandaran dan 20 Majlis Daerah yang terletak di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) Negeri Sabah. Objektif utama penubuhan PBT adalah untuk menyelia dan menyenggara kemudahan awam dan infrastruktur serta mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan awam untuk masyarakat setempat.

3.1.2. Bagi memastikan mutu perkhidmatan dan kemudahan awam untuk masyarakat setempat terpelihara, semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan hendaklah dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) dan diurus dengan akauntabiliti, telus, terbuka, adil dan saksama serta memberi nilai pulangan yang terbaik. Sehubungan itu, antara objektif perolehan Kerajaan adalah menguruskan perolehan secara cekap dan berkesan, dan mendapatkan harga yang paling menguntungkan Kerajaan.

3.1.3. Perolehan oleh PBT dilaksanakan mengikut kaedah pembelian terus, sebut harga, tender dan lantikan terus. Arahan Perbendaharaan (AP), Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP) - PK 2.1, Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Sabah (Financial Instructions For Local Authorities Sabah – FILAS) dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 18 Tahun 2009 menetapkan semua perolehan yang dilaksanakan oleh pihak Majlis Daerah hendaklah dibuat melalui kaedah pembelian terus, sebut harga dan tender berdasarkan had nilai perolehan yang telah ditetapkan seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.1  
HAD NILAI PEROLEHAN MAJLIS DAERAH**

| BIL. | KAEDAH PEROLEHAN | SUMBER KEWANGAN      | HAD NILAI PEROLEHAN   |
|------|------------------|----------------------|---|
| 1.   | Pembelian Terus  | Dana Majlis          | Sehingga RM2,000*<br>Sehingga RM5,000**                                 |
|      |                  | Kerajaan Negeri      | Sehingga RM20,000   |
|      |                  | Kerajaan Persekutuan | Sehingga RM20,000   |
| 2.   | Sebut Harga      | Dana Majlis          | Melebihi RM2,000 hingga RM25,000*<br>Melebihi RM5,000 hingga RM30,000** |

| BIL. | KAEDAH PEROLEHAN | SUMBER KEWANGAN      | HAD NILAI PEROLEHAN                       |
|------|------------------|----------------------|---|
| 3.   | Tender           | Kerajaan Negeri      | Melebihi RM20,000 hingga RM250,000        |
|      |                  | Kerajaan Persekutuan | Melebihi RM20,000 hingga RM500,000        |
|      |                  | Dana Majlis          | Melebihi RM25,000*<br>Melebihi RM30,000** |
|      |                  | Kerajaan Negeri      | Melebihi RM250,000                        |
|      |                  | Kerajaan Persekutuan | Melebihi RM500,000                        |

Sumber: AP, 1PP, Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 18 Tahun 2009 dan FILAS

Nota: (\*) – Sehingga Akhir Tahun 2016

(\*\*) – Mulai Tahun 2017

3.1.4. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan Jawatankuasa Sebut Harga/Tender dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap KKTP. Manakala perolehan secara lantikan terus perlu kelulusan bertulis daripada Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan.

3.1.5. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, Majlis Daerah Ranau (MDR) telah melaksanakan sebanyak 571 perolehan melibatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana Majlis berjumlah RM10.73 juta manakala Majlis Daerah Putatan (MDPTN) telah melaksanakan sebanyak 813 perolehan melibatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan dana Majlis berjumlah RM13.53 juta. Perolehan bagi kedua-dua Majlis Daerah dilaksanakan secara pembelian terus, sebut harga atau lantikan terus yang terdiri daripada perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.2  
PEROLEHAN MAJLIS DAERAH RANAU DAN  
MAJLIS DAERAH PUTATAN BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017**

| TAHUN                        | KERJA      |             | PERKHIDMATAN |             | BEKALAN    |             | JUMLAH PEROLEHAN |              |
|------------------------------|------------|-------------|--------------|-------------|------------|-------------|------------------|--------------|
|                              | BIL.       | (RM Juta)   | BIL.         | (RM Juta)   | BIL.       | (RM Juta)   | BIL.             | (RM Juta)    |
| <b>MAJLIS DAERAH RANAU</b>   |            |             |              |             |            |             |                  |              |
| 2015                         | 90         | 3.78        | 34           | 0.16        | 110        | 0.28        | 234              | 4.22         |
| 2016                         | 60         | 4.33        | 36           | 0.16        | 94         | 0.26        | 190              | 4.75         |
| 2017                         | 45         | 1.40        | 27           | 0.16        | 75         | 0.20        | 147              | 1.76         |
| <b>JUMLAH</b>                | <b>195</b> | <b>9.51</b> | <b>97</b>    | <b>0.48</b> | <b>279</b> | <b>0.74</b> | <b>571</b>       | <b>10.73</b> |
| <b>MAJLIS DAERAH PUTATAN</b> |            |             |              |             |            |             |                  |              |
| 2015                         | 79         | 1.17        | 46           | 0.65        | 96         | 0.87        | 221              | 2.69         |
| 2016                         | 84         | 3.19        | 72           | 1.19        | 119        | 1.04        | 275              | 5.42         |
| 2017                         | 101        | 2.86        | 74           | 1.41        | 142        | 1.15        | 317              | 5.42         |
| <b>JUMLAH</b>                | <b>264</b> | <b>7.22</b> | <b>192</b>   | <b>3.25</b> | <b>357</b> | <b>3.06</b> | <b>813</b>       | <b>13.53</b> |

Sumber: Penyata Kewangan MDPTN, Senarai Peruntukan dan Perbelanjaan Perolehan MDR dan MDPTN

### **3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada MDR dan MDPTN telah menguruskan perolehan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

### **3.3. SKOP PENGAUDITAN**

3.3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang Audit utama iaitu prestasi kewangan dan pengurusan perolehan. Pengurusan perolehan meliputi empat (4) perkara iaitu kaedah perolehan, pentadbiran kontrak, pelaksanaan kerja/pembekalan dan pemantauan. Pengauditan dijalankan di pejabat MDR dan MDPTN dan meliputi perolehan pembelian terus dan sebut harga yang dilaksanakan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017.

3.3.2. Semakan dilaksanakan melalui pemilihan sampel secara rawak ke atas dokumen perolehan. Sebanyak 92 (16.1%) sampel perolehan bernilai RM5.42 juta (50.5%) dipilih di MDR. Manakala bagi MDPTN sebanyak 92 (11.3%) sampel perolehan dengan nilai RM3.92 juta (29%) telah dipilih.

3.3.3. Pemeriksaan fizikal juga dijalankan terhadap 12 perolehan bernilai RM2.49 juta di MDR dan 26 perolehan bernilai RM1.75 juta di MDPTN.

### **3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menjalankan analisis terhadap kemajuan kerja. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat telah diadakan untuk mendapatkan penjelasan lisan dan memastikan ketepatan maklumat yang dilaporkan. Pemeriksaan fizikal terhadap perolehan bekalan dan lawatan fizikal ke tapak pembinaan juga dijalankan pada bulan Julai 2017 hingga Januari 2018.

### **3.5. RUMUSAN AUDIT**

3.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai 2017 hingga Januari 2018 merumuskan perkara berikut:

#### **a. Prestasi Kewangan**

Secara keseluruhannya, semakan Audit mendapati prestasi perbelanjaan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan/Negeri tahun 2015 hingga 2017 oleh MDR adalah baik kecuali prestasi perbelanjaan menggunakan dana Majlis sendiri perlu dipertingkatkan. Sehubungan itu, prestasi perbelanjaan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan (tiada

peruntukan Kerajaan Negeri diterima) tahun 2015 hingga 2017 oleh MDPTN adalah baik. Bagaimanapun, bagi perbelanjaan menggunakan dana Majlis sendiri, terdapat bukti berlakunya penyimpangan peraturan kewangan di mana RM2.77 juta telah terlebih dibelanjakan tanpa kelulusan YB Menteri KKTP.

**b. Pengurusan Perolehan**

Pengauditan yang dijalankan mendapati MDR telah menguruskan perolehan dengan baik kecuali kelemahan yang menjelaskan kecekapan pelaksanaan projek/kerja. Bagi MDPTN pula, pengurusan perolehan tidak dilaksanakan dengan cekap dan berhemat di mana terdapat bukti berlakunya penyimpangan/pelanggaran peraturan yang signifikan.

3.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Pihak MDR hanya membelanjakan peruntukan perolehan menggunakan dana Majlis sendiri sebanyak 55.9% hingga 70.4% daripada bajet yang diluluskan untuk tempoh dari tahun 2015 hingga 2017. Bagi MDPTN pula, sebanyak sembilan (9) hingga 16 Pecahan Kepala Perbelanjaan (PKP) telah terlebih dibelanjakan dengan sejumlah RM2.77 juta untuk tempoh yang sama tanpa kelulusan YB Menteri KKTP.
- b. Penyimpangan/pelanggaran peraturan yang signifikan oleh MDPTN adalah seperti :
  - i. sebanyak 18 perolehan berjumlah RM278,270 dipecah kecil bagi mengelakkan pelawaan sebut harga/tender yang mengakibatkan kerugian berjumlah RM89,505 kepada Kerajaan;
  - ii. sebanyak 23 perolehan secara pembelian terus bernilai RM246,610 dibuat tanpa Pesanan Kerajaan;
  - iii. sebanyak 10 Pesanan Kerajaan berjumlah RM166,409 lewat dikeluarkan antara 43 hingga 131 hari selepas bekalan/kerja diterima/dilaksanakan; dan
  - iv. sebanyak 18 baucar bayaran berjumlah RM165,490 adalah perolehan perkhidmatan ejen bagi tempahan penginapan, tiket kapal terbang dan sewa kenderaan untuk pegawai-pegawai di mana bayaran kepada ejen melebihi kadar kelayakan bayaran sewa hotel pegawai berjumlah RM12,665 serta satu (1) kes bayaran berulang bagi kos penginapan pegawai yang telah dibayar dua (2) kali iaitu berjumlah RM1,820 dan RM1,420.

- c. Kelemahan MDPTN dalam pengurusan projek yang menjelaskan kepentingan Kerajaan di mana empat (4) perolehan kerja daripada 18 sampel yang dilaksanakan dengan kos perolehan berjumlah RM357,700 adalah kurang berkualiti.

### **3.6. PENEMUAN AUDIT**

Perkara yang ditemui dan maklum balas MDR dan MDPTN telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 8 dan 14 Mac 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

#### **3.6.1. Prestasi Kewangan**

3.6.1.1. Berdasarkan Surat Kelulusan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan daripada KKTP bertarikh 20 Januari 2015 (Anggaran 2015), 22 Februari 2016 (Anggaran 2016) dan 10 Mac 2017 (Anggaran 2017), Majlis Daerah tidak dibenarkan membelanjakan dana Majlis lebih daripada yang dianggarkan/diluluskan kecuali setelah Permohonan Peruntukan Tambahan (ASP) atau Permohonan Pindahan Peruntukan (ARA) diluluskan oleh YB Menteri KKTP. Manakala peruntukan bagi perolehan kerja yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, dana tersebut hendaklah dibelanjakan bagi mencapai matlamat perolehan yang ditetapkan dengan melaksanakan perolehan kerja dengan kadar segera.

3.6.1.2. Semakan Audit terhadap prestasi perbelanjaan MDR dan MDPTN mendapati perkara berikut:

##### **a. Majlis Daerah Ranau (MDR)**

- i. Pada tahun 2015 hingga 2017, MDR telah menerima peruntukan berjumlah RM11.42 juta untuk melaksanakan pelbagai perolehan kerja/perkhidmatan/bekalan. Sejumlah RM5.72 juta daripadanya merupakan peruntukan Kerajaan Persekutuan, RM3.83 juta peruntukan Kerajaan Negeri dan RM1.87 juta ialah dana Majlis.
- ii. Analisis Audit terhadap prestasi perbelanjaan perolehan MDR mendapati sejumlah RM5.38 juta atau 94.1% daripada RM5.72 juta peruntukan Kerajaan Persekutuan telah dibelanjakan. Baki berjumlah RM342,975 belum dibelanjakan setakat bulan Disember 2017 kerana tiga (3) projek masih dalam pelaksanaan pada tahun 2017.
- iii. Sejumlah RM2.97 juta atau 77.5% daripada peruntukan Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 telah dibelanjakan. Baki berjumlah

RM0.86 juta belum dibelanjakan kerana dua (2) projek pada tahun 2015 dan lima (5) projek pada tahun 2017 masih belum dapat disiapkan.

- iv. Bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan yang menggunakan dana Majlis sendiri, MDR telah membelanjakan sejumlah RM1.18 juta atau 63.1% daripada peruntukan yang diluluskan dalam bajet tahunannya bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017.
- v. Ringkasan peruntukan yang diluluskan dan perbelanjaan sebenar MDR mengikut peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana Majlis adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.3**  
**PRESTASI PERBELANJAAN PEROLEHAN MDR BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017**

| TAHUN         | SUMBER KEWANGAN         |                           |             |                         |                           |             |                         |                           |             |
|---------------|-------------------------|---------------------------|-------------|-------------------------|---------------------------|-------------|-------------------------|---------------------------|-------------|
|               | PERSEKUTUAN             |                           |             | NEGERI                  |                           |             | MAJLIS                  |                           |             |
|               | PERUNTUKAN<br>(RM Juta) | PERBELANJAAN<br>(RM Juta) | (%)         | PERUNTUKAN<br>(RM Juta) | PERBELANJAAN<br>(RM Juta) | (%)         | PERUNTUKAN<br>(RM Juta) | PERBELANJAAN<br>(RM Juta) | (%)         |
| 2015          | 2.06                    | 2.06                      | 100         | 1.79                    | 1.43                      | 79.9        | 0.54                    | 0.38                      | 70.4        |
| 2016          | 2.82                    | 2.82                      | 100         | 1.54                    | 1.54                      | 100         | 0.68                    | 0.38                      | 55.9        |
| 2017          | 0.84                    | 0.50                      | 59.5        | 0.50                    | -                         | 0           | 0.65                    | 0.42                      | 64.6        |
| <b>JUMLAH</b> | <b>5.72</b>             | <b>5.38</b>               | <b>94.1</b> | <b>3.83</b>             | <b>2.97</b>               | <b>77.5</b> | <b>1.87</b>             | <b>1.18</b>               | <b>63.1</b> |

Sumber: Penyata Kewangan MDR, Senarai Peruntukan dan Perbelanjaan Perolehan MDR

- vi. Secara keseluruhannya, analisis Audit terhadap **Jadual 3.3** menunjukkan peruntukan Kerajaan Persekutuan tahun 2017 serta peruntukan Kerajaan Negeri pada tahun 2015 dan 2017 tidak dibelanjakan dengan sepenuhnya pada tahun berkenaan. Selain itu, prestasi perbelanjaan bagi perolehan menggunakan dana MDR sendiri adalah antara 55.9% hingga 70.4% sahaja untuk tempoh dari tahun 2015 hingga 2017.

#### **b. Majlis Daerah Putatan (MDPTN)**

- i. Pada tahun 2015 hingga 2017, MDPTN telah menerima peruntukan sejumlah RM13.40 juta untuk melaksanakan pelbagai perolehan kerja/perkhidmatan/bekalan. Sejumlah RM4.38 juta daripadanya merupakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan RM9.02 juta adalah daripada dana Majlis. Manakala MDPTN tidak menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri bagi tempoh tersebut.
- ii. Analisis Audit terhadap prestasi perbelanjaan perolehan MDPTN mendapati peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM2.75 juta pada tahun 2015 dan 2016 telah dibelanjakan sepenuhnya. Manakala, peruntukan tahun 2017 bagi melaksanakan 25 kerja bernilai RM1.63 juta belum dibelanjakan kerana kesemua

pelaksanaan kerja tersebut tidak ada bayaran interim dan hanya dapat disiapkan selepas akhir tahun 2017. Bagaimanapun, bayaran kepada kontraktor terlibat telah dibuat pada awal tahun 2018.

- iii. Bagi perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan yang menggunakan dana Majlis sendiri, MDPTN telah membelanjakan sejumlah RM8.79 juta (97.5%) daripada peruntukan yang diluluskan untuk tempoh tiga (3) tahun. Bagaimanapun, bagi tahun 2016 dan 2017, MDPTN telah membelanjakan sejumlah RM6.63 juta, iaitu melebihi anggaran yang diluluskan berjumlah RM0.63 juta (10.5%).
- iv. Ringkasan peruntukan yang diluluskan dan perbelanjaan sebenar MDPTN mengikut peruntukan Kerajaan Persekutuan dan dana Majlis adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.4  
PRESTASI PERBELANJAAN PEROLEHAN MDPTN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017**

| TAHUN         | SUMBER KEWANGAN         |                           |             |                         |                           |             |
|---------------|-------------------------|---------------------------|-------------|-------------------------|---------------------------|-------------|
|               | PERSEKUTUAN             |                           |             | MAJLIS                  |                           |             |
|               | PERUNTUKAN<br>(RM Juta) | PERBELANJAAN<br>(RM Juta) | (%)         | PERUNTUKAN<br>(RM Juta) | PERBELANJAAN<br>(RM Juta) | (%)         |
| 2015          | 1.25                    | 1.25                      | 100         | 3.02                    | 2.16                      | 71.5        |
| 2016          | 1.50                    | 1.50                      | 100         | 2.87                    | 2.88                      | 100.3       |
| 2017          | 1.63                    | -                         | 0           | 3.13                    | 3.75                      | 119.8       |
| <b>JUMLAH</b> | <b>4.38</b>             | <b>2.75</b>               | <b>62.8</b> | <b>9.02</b>             | <b>8.79</b>               | <b>97.5</b> |

Sumber: Penyata Kewangan MDPTN, Senarai Peruntukan dan Perbelanjaan Perolehan MDPTN

- v. Berdasarkan **Jadual 3.4**, didapati perbelanjaan menggunakan dana MDPTN telah melebihi peruntukan yang diluluskan pada tahun 2016 dan 2017. Analisis Audit selanjutnya mendapati:
  - Secara keseluruhannya, peruntukan tahun 2015 hingga 2017 yang diluluskan bagi sembilan (9) hingga 16 Pecahan Kepala Perbelanjaan (PKP) adalah berjumlah RM3.32 juta manakala perbelanjaan sebenarnya adalah berjumlah RM6.09 juta, iaitu melebihi peruntukan yang diluluskan berjumlah RM2.77 juta (83.4%). Butiran lanjut perbelanjaan perolehan MDPTN yang melebihi anggaran yang diluluskan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.5**  
**PERBELANJAAN PEROLEHAN MDPTN YANG MELEBIHI ANGGARAN YANG DILULUSKAN**

| TAHUN         | PECAHAN KEPALA PERBELANJAAN |      | PERUNTUKAN (RM)  | PERBELANJAAN SEBENAR (RM) | LEBIHAN PERBELANJAAN |             |
|---------------|-----------------------------|------|------------------|---------------------------|----------------------|-------------|
|               | BIL.                        | (%)  |                  |                           | (RM)                 | (%)         |
| 2015          | 9                           | 24.3 | 762,000          | 1,346,625                 | 584,625              | 76.7        |
| 2016          | 13                          | 35.1 | 1,295,000        | 2,370,259                 | 1,075,259            | 83          |
| 2017          | 16                          | 43.2 | 1,265,000        | 2,377,206                 | 1,112,206            | 87.9        |
| <b>JUMLAH</b> |                             |      | <b>3,322,000</b> | <b>6,094,090</b>          | <b>2,772,090</b>     | <b>83.4</b> |

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Nota: (\*) – Peratusan Daripada 37 PKP

- Pihak Audit mendapati semua kes perbelanjaan perolehan MDPTN yang melebihi peruntukan yang diluluskan adalah tanpa Permohonan Peruntukan Tambahan (ASP) atau Permohonan Pindahan Peruntukan (ARA) yang perlu diluluskan oleh YB Menteri KKTP.

### Maklum Balas MDPTN yang Diterima pada 27 April 2018

*Sebahagian Pecahan Kepala Perbelanjaan tidak dapat menampung keperluan pelaksanaan sesuatu aduan awam yang perlu disegerakan dan melancarkan pengurusan sesuatu program. Bagaimanapun, jumlah perbelanjaan secara keseluruhan tidak melebihi bajet tahunan yang diluluskan oleh pihak KKTP. Mulai tahun 2018, pihak Majlis telah mengambil tindakan untuk mengkaji sama ada perlunya dibuat permohonan ASP atau ARA untuk memastikan bajet bagi setiap vot tidak melebihi seperti mana yang diluluskan oleh KKTP dalam bajet tahun 2018. Pihak Majlis telah mengemukakan surat kepada KKTP pada 24 April 2018 untuk mendapatkan kelulusan bagi perbelanjaan tersebut.*

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi perolehan menggunakan dana MDR masih boleh dipertingkatkan lagi. Bagaimanapun bagi MDPTN, kelemahan kawalan dalaman menyebabkan berlakunya ketidakpatuhan peraturan kewangan.

#### 3.6.2. Kaedah Perolehan

##### 3.6.2.1. Perolehan Secara Pembelian Terus

- FILAS mentafsirkan pembelian terus sebagai satu (1) perolehan kerja/perkhidmatan/bekalan sehingga RM2,000 (atau RM5,000 mulai tahun 2017) bagi peruntukan dana Majlis. Antara lainnya, FILAS menetapkan perolehan secara pembelian terus seperti berikut:

- i. Perolehan melebihi had pembelian terus boleh dilaksanakan secara pembelian terus dengan syarat mendapat kelulusan pengecualian tatacara sebut harga daripada Jawatankuasa Kewangan Majlis. [FILAS 328 (b)]
- ii. Semua pembelian terus hendaklah dibuat dengan Pesanan Kerajaan. [FILAS 135]
- iii. Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian. [FILAS 136]
- iv. Bil hendaklah dibayar tidak lewat daripada satu (1) bulan daripada tarikh bil diterima. [FILAS 139(a)]
- b. Bagi perolehan di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri pula, perolehan secara pembelian terus boleh dibuat bagi setiap jenis item sehingga RM20,000. Berdasarkan AP 180.2(c) dan 181(a) serta 1PP-PK 2.1, agensi Kerajaan dilarang daripada memecah kecil perbelanjaan bagi mengelakkan pelawaan sebut harga dan tender.
- c. Semakan Audit terhadap 65 sampel baucar pembelian terus berjumlah RM391,532 di MDR dan 76 sampel baucar bayaran pembelian terus berjumlah RM1.18 juta di MDPTN bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2017 mendapati MDR dan MDPTN telah mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan kecuali perkara seperti berikut:

**i. Perolehan Dipecah Kecil**

- Berdasarkan sampel baucar bayaran yang disemak di MDR, tiada kes perolehan dipecah kecil ditemui.
- Manakala, sebanyak **18 perolehan di MDPTN berjumlah RM278,270 telah dipecah kecil bagi mengelakkan pelawaan sebut harga/tender**. Perolehan tersebut terdiri daripada 14 pembelian tong sampah berjumlah RM207,020 melibatkan 13 pembekal dan empat (4) pembelian kerusi plastik berjumlah RM71,250 melibatkan empat (4) pembekal. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.6**  
**PEROLEHAN DIPECAH KECIL DI MDPTN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017**

| BIL. | BUTIRAN PEROLEHAN     | TAHUN | SAIZ (Liter) | KUANTITI (Unit) | HARGA SEUNIT (RM) | AMAUN (RM) | BIL. BAUCAR TERLIBAT | JUMLAH BAUCAR (RM) |
|------|-----------------------|-------|--------------|-----------------|-------------------|------------|----------------------|--------------------|
| 1.   | Pembelian tong sampah | 2015  | 120          | 20              | 450               | 9,000      | 6                    | 76,320             |
|      |                       |       | 240          | 15              | 300               | 4,500      |                      |                    |

| BIL.          | BUTIRAN PEROLEHAN        | TAHUN | SAIZ (Liter) | KUANTITI (Unit) | HARGA SEUNIT (RM) | AMAUN (RM) | BIL. BAUCAR TERLIBAT | JUMLAH BAUCAR (RM) |
|---------------|--------------------------|-------|--------------|-----------------|-------------------|------------|----------------------|--------------------|
| 2.            | Pembelian kerusi plastik | 2016  | 660          | 24              | 1,600             | 38,400     | 5                    | 83,900             |
|               |                          |       | 1,100        | 11              | 2,220             | 24,420     |                      |                    |
|               |                          | 2016  | 260          | 20              | 1,000             | 20,000     | 3                    | 46,800             |
|               |                          |       | 660          | 15              | 1,700             | 25,500     |                      |                    |
|               |                          | 2017  | 1,100        | 16              | 2,400             | 38,400     |                      |                    |
|               |                          |       | 660          | 1               | 1,800             | 1,800      |                      |                    |
|               |                          |       | 1,110        | 18              | 2,500             | 45,000     |                      |                    |
| 2.            | Pembelian kerusi plastik | 2016  | -            | 1,250           | 57                | 71,250     | 4                    | 71,250             |
| <b>JUMLAH</b> |                          |       |              | -               | -                 | -          | <b>18</b>            | <b>278,270</b>     |

Sumber: Penyata Pembayaran Bagi Pembekal MDPTN

- Mengikut penjelasan Pegawai Eksekutif MDPTN, pembelian tong sampah bagi tahun 2016 dan 2017 adalah disebabkan keperluan program Hari Peladang dan Perusahaan Ternak Peringkat Negeri Sabah Tahun 2016 dan 2017 serta program Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Sabah pada 1 Oktober 2016. Manakala bagi pembelian kerusi plastik, adalah untuk kegunaan program Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Sabah.
- Pihak Audit selanjutnya telah menjalankan kajian pasaran pada tahun 2018 terhadap harga tong sampah dan kerusi yang sama dengan tiga (3) pembekal yang berlainan. Harga pasaran yang diperolehi pihak Audit adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.7**  
**KAJIAN HARGA PASARAN TONG SAMPAH DAN KERUSI**

| BIL. | PERIHAL        | SAIZ (Liter) | PEMBEKAL A (RM) | PEMBEKAL B (RM) | PEMBEKAL C (RM) |
|------|----------------|--------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| 1.   | Tong sampah    | 120          | 120             | <b>152*</b>     | 145             |
|      |                | 240          | 170             | 208             | <b>225*</b>     |
|      |                | 260          | Tiada           | Tiada           | Tiada           |
|      |                | 660          | 1,000           | <b>1,150*</b>   | 1,050           |
|      |                | 1,100        | 1,300           | <b>1,780*</b>   | 1,500           |
| 2.   | Kerusi plastik | -            | 27              | <b>29*</b>      | 27              |

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (\*) - Harga yang Paling Tinggi Daripada Kajian Pasaran yang Dibuat oleh Audit

- Berdasarkan harga yang paling tinggi daripada tiga (3) pembekal tersebut, pihak Audit menganggarkan kes pecah kecil perolehan tong sampah dan kerusi plastik telah mengakibatkan kerugian berjumlah **RM89,505** kepada Kerajaan. Maklumat lanjut adalah seperti dalam di jadual berikut:

**JADUAL 3.8**  
**KAJIAN HARGA PASARAN TONG SAMPAH DAN KERUSI**

| PERIHAL        | TAHUN | SAIZ<br>(Liter) | KUANTITI<br>(Unit) | HARGA<br>SEUNIT<br>(RM) | HARGA<br>PASARAN*<br>(RM) | PERBEZAAN |       | PERBEZAAN<br>HARGA<br>(RM) |
|----------------|-------|-----------------|--------------------|-------------------------|---------------------------|-----------|-------|----------------------------|
|                |       |                 |                    |                         |                           | (RM)      | (%)   |                            |
| Tong Sampah    | 2015  | 120             | 20                 | 450                     | 152                       | 298       | 196.1 | 5,960                      |
|                |       | 240             | 15                 | 300                     | 225                       | 75        | 33.3  | 1,125                      |
|                |       | 660             | 24                 | 1,600                   | 1,150                     | 450       | 39.1  | 10,800                     |
|                |       | 1,100           | 11                 | 2,220                   | 1,780                     | 440       | 24.7  | 4,840                      |
|                | 2016  | 260             | 20                 | 1,000                   | TB                        | -         | -     | -                          |
|                |       | 660             | 15                 | 1,700                   | 1,150                     | 550       | 47.8  | 8,250                      |
|                |       | 1,100           | 16                 | 2,400                   | 1,780                     | 620       | 34.8  | 9,920                      |
|                | 2017  | 660             | 1                  | 1,800                   | 1,150                     | 650       | 56.5  | 650                        |
|                |       | 1,110           | 18                 | 2,500                   | 1,780                     | 720       | 40.5  | 12,960                     |
| Kerusi Plastik | 2016  | -               | 1,250              | 57                      | 29                        | 28        | 96.6  | 35,000                     |
| <b>JUMLAH</b>  |       |                 |                    |                         |                           |           |       | <b>89,505</b>              |

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (\*) - Harga yang Paling Tinggi Daripada Kajian Pasaran yang Dibuat oleh Audit

TB - Tidak Berkaitan (Harga Pasaran Tidak Dapat Diperoleh)

**Maklum Balas MDPTN yang Diterima pada 27 April 2018**

*Prestasi semasa kewangan Majlis hanya mampu untuk membuat pembayaran pada satu masa dalam jumlah yang terhad iaitu tidak melebihi RM20,000 yang mana pihak Majlis tidak dapat menampung pembayaran yang dibuat sekali gus secara tender. Ini merupakan pembelian-pembelian aset yang pertama untuk Dewan Sri Putatan selepas dewan ini diserahkan sepenuhnya kepada pihak Majlis oleh pihak JKR.*

Pada pendapat Audit, MDPTN perlu mematuhi peraturan kewangan bagi mengelakkan perolehan dibuat secara pecah kecil.

**ii. Pembelian Tanpa Pesanan Kerajaan**

- Berdasarkan sampel baucar bayaran yang disemak di MDR, tiada kes pembelian tanpa Pesanan Kerajaan ditemui.
- Manakala di MDPTN, terdapat 23 perolehan secara pembelian terus bernilai RM246,610 dibuat tanpa Pesanan Kerajaan seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.9**  
**PEROLEHAN TANPA PESANAN KERAJAAN**  
**OLEH MDPTN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017**

| BIL.   | BUTIRAN   | TAHUN | BILANGAN BAUCAR BAYARAN | JUMLAH (RM) |
|--------|---|-------|-------------------------|-------------|
| 1.     | Bayaran kepada ejen.  | 2015  | 5                       | 50,730      |
|        |   | 2016  | 2                       | 14,210      |
|        |   | 2017  | 9                       | 87,180      |
| 2.     | Membekal kerusi plastik untuk Dewan Sri Putatan.  | 2017  | 4                       | 69,900      |
| 3.     | Bayaran bagi membina baru jambatan konkrit pintu pagar di Kg. Pasir Putih.                              | 2016  | 1                       | 7,000       |
| 4.     | Bayaran bagi membaik pulih serta menyelenggara penghawa dingin di Dewan Serbaguna Pasir Putih, Putatan. | 2016  | 1                       | 7,590       |
| 5.     | Bayaran bagi pembinaan dan pemberian Dewan Masyarakat.  | 2017  | 1                       | 10,000      |
| JUMLAH |   |       | 23                      | 246,610     |

Sumber: Baucar Bayaran MDPTN

**Maklum Balas MDPTN yang Diterima pada 27 April 2018**

Perkara ini berlaku adalah disebabkan pengurusan dokumentasi perolehan yang tidak cekap dan tidak sistematik menyebabkan dokumentasi pembayaran tidak lengkap walaupun kerja-kerja dan perbekalan telah dilaksanakan. Mulai tahun 2018, pihak Majlis telah menempatkan seorang kakitangan khusus untuk mengendalikan dokumentasi perolehan.

Pada pendapat Audit, kelemahan MDPTN dalam pengurusan perolehan telah mengakibatkan peraturan kewangan tidak dipatuhi.

**iii. Pesanan Kerajaan Dikeluarkan Selepas Bekalan Diterima Atau Kerja Dilaksanakan**

- Berdasarkan sampel baucar bayaran yang disemak di MDR, tiada kes Pesanan Kerajaan dikeluarkan selepas bekalan diterima atau kerja dilaksanakan.
- Manakala, sebanyak 10 Pesanan Kerajaan berjumlah RM166,409 dikeluarkan antara 43 hingga 131 hari selepas bekalan/kerja diterima/laksanakan. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.10**  
**PESANAN KERAJAAN DIKELUARKAN SELEPAS BEKALAN/KERJA**  
**DITERIMA/LAKSANAKAN DI MDPTN PADA TAHUN 2016 DAN 2017**

| BIL. | BUTIRAN   | TARIKH INVOIS | PESANAN KERAJAAN |            | NO. BAUCAR BAYARAN | AMAUN (RM) | TEMPOH KELEWATAN (Hari) |
|------|---|---------------|------------------|------------|--------------------|------------|-------------------------|
|      |   |               | NO.              | TARIKH     |                    |            |                         |
| 1.   | Membekal barang-barang elektrik untuk Taman Pasir Putih Fasa 2. | 10.08.2016    | AB 355947        | 22.09.2016 | 35/102016          | 19,725     | 43                      |

| BIL.   | BUTIRAN   | TARIKH INVOIS | PESANAN KERAJAAN |            | NO. BAUCAR BAYARAN | AMAUN (RM) | TEMPOH KELEWATAN (Hari) |
|--------|---|---------------|------------------|------------|--------------------|------------|-------------------------|
|        |   |               | NO.              | TARIKH     |                    |            |                         |
| 2.     | Membekal barang-barang elektrik untuk Taman Pasir Putih Fasa 4. | 10.08.2016    | AB 355949        | 22.09.2016 | 36/102016          | 19,950     | 43                      |
| 3.     | Membekal barang-barang elektrik untuk Taman Pasir Putih Fasa 1. | 10.08.2016    | AB 355946        | 22.09.2016 | 47/102016          | 8,305      | 43                      |
| 4.     | Membekal barang-barang elektrik untuk Taman Pasir Putih Fasa 3. | 04.08.2016    | AB 355948        | 22.09.2016 | 49/102016          | 12,629     | 49                      |
| 5.     | Membekal tong sampah.   | 17.03.2017    | AB 356053        | 19.05.2017 | 41/052017          | 19,200     | 64                      |
| 6.     | Membekal tong sampah.   | 15.03.2017    | AB 356055        | 19.05.2017 | 05/062017          | 16,800     | 66                      |
| 7.     | Menimbus batu baur di Pekan Putatan.                            | 31.01.2017    | AB 356069        | 07.06.2017 | 43/062017          | 17,600     | 128                     |
| 8.     | Menimbus tanah merah di Pekan Putatan.                          | 30.01.2017    | AB 356072        | 09.06.2017 | 44/062017          | 13,200     | 131                     |
| 9.     | Membaik pulih Dewan Raya Petagas.                               | 18.02.2017    | AB 356086        | 19.06.2017 | 57/062017          | 19,500     | 122                     |
| 10.    | Membaik pulih pagar di perkarangan Astaga Dewan Seri Putatan.   | 02.05.2017    | AB 356092        | 19.06.2017 | 63/062017          | 19,500     | 49                      |
| JUMLAH |   |               |                  |            |                    | 166,409    | 43 - 131                |

Sumber: Pesanan Kerajaan dan Baucar Bayaran MDPTN

#### **Maklum Balas MDPTN yang Diterima pada 27 April 2018**

*Disebabkan urusan dokumentasi dipusatkan kepada Ketua Kerani sahaja pada masa itu, perihal dokumentasi perolehan tidak dapat dibuat dengan berkesan dan sistematik menyebabkan ada dokumentasi terlepas pandang, walaupun kerja-kerja dan perbekalan telah dilaksanakan. Mulai tahun 2018, pihak Majlis telah menempatkan seorang kakitangan khusus untuk mengendalikan dokumentasi perolehan.*

**Pada pendapat Audit, kelemahan MDPTN dalam pengurusan perolehan telah mengakibatkan peraturan kewangan tidak dipatuhi.**

#### **iv. Penggunaan Ejen Untuk Tempahan Hotel, Tiket Kapal Terbang dan Sewa Kenderaan**

- Kerajaan Negeri melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 5 Tahun 2013 menetapkan pembayaran elauan-elauan kepada pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar stesen hendaklah berdasarkan kadar yang ditetapkan dan dokumen sokongan. Pekeliling yang sama juga membenarkan Kementerian/Jabatan membuat bayaran sewa hotel/penginapan melalui tempahan Kerajaan bagi meringankan beban pegawai.

- Semakan Audit mendapati MDPTN telah menggunakan khidmat ejen syarikat 625562-P untuk tempahan penginapan, tiket kapal terbang dan sewa kenderaan bagi pegawai-pegawai yang menghadiri kursus, mesyuarat atau bertugas di luar kawasan. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, ejen tersebut telah dibayar sejumlah RM165,490 melalui 18 baucar bayaran. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.11  
BILANGAN BAUCAR BAYARAN YANG MENGGUNAKAN  
KHIDMAT EJEN OLEH MDPTN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017**

| BIL. | TAHUN         | BILANGAN BAUCAR BAYARAN | JUMLAH (RM)    |
|------|---------------|-------------------------|----------------|
| 1.   | 2015          | 5                       | 50,730         |
| 2.   | 2016          | 5                       | 33,480         |
| 3.   | 2017          | 8                       | 81,280         |
|      | <b>JUMLAH</b> | <b>18</b>               | <b>165,490</b> |

Sumber: Baucar Bayaran MDPTN

- Penggunaan ejen menyebabkan MDPTN membayar kos yang lebih tinggi berdasarkan kepada amaun bil termasuk caj terhadap perkhidmatan yang diberikan.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati **bayaran kepada ejen telah melebihi kadar kelayakan penginapan pegawai berjumlah RM12,665** seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.12  
SENARAI BAYARAN PENGINAPAN HOTEL YANG MELEBIHI  
HAD KELAYAKAN PEGAWAI DI MDPTN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017**

| BIL. | JAWATAN/<br>GRED PEGAWAI               | BUTIRAN<br>BAYARAN<br>PENGINAPAN                                 | BAUCAR BAYARAN |            | BAYARAN<br>KEPADAA<br>EJEN<br>(RM) | BAYARAN<br>MENGIKUT<br>KELAYAKAN |                | PERBEZAAN<br>(RM) |
|------|--|--|----------------|------------|------------------------------------|----------------------------------|----------------|-------------------|
|      |  |  | NO.            | TARIKH     |                                    | KADAR<br>SEHARI<br>(RM)          | JUMLAH<br>(RM) |                   |
| 1.   | Pen. Jurutera<br>(J29)                 | Tiga (3) malam (19 - 22 April 2015) di King Park Hotel, Sandakan | 37/062015      | 25.06.2015 | 850                                | 220                              | 660            | 190               |
| 2.   | Pen. Jurutera<br>(J29)                 | Tiga (3) malam (7 - 10 Sept. 2015) di Sabah Hotel, Sandakan      | 43/092015      | 28.09.2015 | 2,400                              | 220                              | 660            | 1,740             |
| 3.   | Pen. Jurutera<br>(J29)                 | Tiga (3) malam (20 - 23 Sept. 2015) di Sabah Hotel, Sandakan     | 20/112015      | 19.11.2015 | 2,200                              | 220                              | 660            | 1,540             |
| 4.   | Pen. Pegawai<br>Penguatkuasa<br>(KP29) | Dua (2) malam (15 - 17 Okt. 2015) di Hotel Juta, Keningau        | 20/112015      | 19.11.2015 | 950                                | 220                              | 440            | 510               |
| 5.   | Pembantu Am<br>Rendah (H11)            | Dua (2) malam (8 - 9 Dis. 2016) di Ranau                         | 24/122016      | 29.12.2016 | 1,950                              | 160                              | 320            | 1,630             |
| 6.   | Pegawai<br>Eksekutif (N41)             | Satu (1) malam (8 Mac 2017) di Kuala Lumpur                      | 33/032017      | 13.03.2017 | 375                                | 270                              | 270            | 105               |
| 7.   | Pen. Jurutera<br>(J29)                 | Dua (2) malam (21 - 23 Feb. 2017) di Tawau                       | 20/042017      | 11.04.2017 | 1,420                              | 220                              | 440            | 980               |

| BIL.   | JAWATAN/<br>GRED PEGAWAI                             | BUTIRAN<br>BAYARAN<br>PENGINAPAN                    | BAUCAR BAYARAN |            | BAYARAN<br>KEPADAA<br>EJEN<br>(RM) | BAYARAN<br>MENGIKUT<br>KELAYAKAN |                | PERBEZAAN<br>(RM) |
|--------|--|---|----------------|------------|------------------------------------|----------------------------------|----------------|-------------------|
|        |  |   | NO.            | TARIKH     |                                    | KADAR<br>SEHARI<br>(RM)          | JUMLAH<br>(RM) |                   |
| 8.     | Pen. Jurutera<br>(J29)                               | Dua (2) malam (18 - 20 Ogos 2017) di Semporna       | 15/10/2017     | 06.10.2017 | 2,500                              | 220                              | 440            | 2,060             |
| 9.     | Pen. Jurutera<br>(J29)                               | Tiga (3) malam (25 - 28 Sept 2017) di Lahad Datu    | 15/10/2017     | 06.10.2017 | 1,880                              | 220                              | 660            | 1,220             |
| 10.    | Pembantu Tadbir (N11)                                | Enam (6) malam (1 - 7 Okt. 2017) di Tawau (2 bilik) | 15/10/2017     | 06.10.2017 | 5,750                              | 190                              | 1,140          | 2,690             |
|        | Pembantu Am Rendah (H11)<br>(2 orang kongsi 1 bilik) |   |                |            |                                    | 160 x 2                          | 1,920          |                   |
| JUMLAH |  |   |                |            | 20,275                             |                                  | 7,610          | 12,665            |

Sumber: Baucar Bayaran MDPTN

- Analisis Audit terhadap **Jadual 3.12** mendapati kos penginapan hotel yang dituntut oleh ejen adalah dengan kadar yang tinggi seperti:
  - penginapan Penolong Jurutera (Gred J29) pada kadar RM626 hingga RM1,250 semalam berbanding kelayakan RM220 semalam;
  - penginapan Penolong Penguatkuasa (Gred KP29) pada kadar RM475 semalam berbanding kelayakan RM220 semalam;
  - penginapan Pembantu Tadbir (Gred N11) pada kadar RM479 semalam berbanding kelayakan RM190 semalam; dan
  - penginapan Pembantu Am Rendah (Gred H11) di Ranau pada kadar RM975 semalam berbanding kelayakan RM160 semalam.
- Selain itu, semakan Audit selanjutnya mendapati pihak ejen telah menuntut bayaran sebanyak dua (2) kali bagi perkhidmatan penginapan seorang Penolong Jurutera Gred J29 pada 21 hingga 23 Februari 2017 di Tawau. Tuntutan tersebut telah dibayar dua (2) kali melalui baucar bayaran 46/022017 bertarikh 24 Februari 2017 dan baucar bayaran 20/042017 bertarikh 11 April 2017 masing-masing berjumlah RM1,820 dan RM1,420. Dengan itu, berlaku pembayaran berjumlah RM1,420 yang merupakan *improper payment*.
- Selepas teguran Audit, pihak Majlis telah mengambil tindakan menuntut balik bayaran sejumlah RM1,420 daripada pihak ejen dan bayaran balik diterima pada 25 April 2018.

### **Maklum Balas MDPTN yang Diterima pada 27 April 2018**

*Penggunaan ejen ini telah dipersetujui oleh Pengerusi Majlis. Perkara ini dilakukan adalah untuk memberi keselesaan kepada kakitangan Majlis yang menghadiri sesuatu mesyuarat, kursus atau bengkel yang diadakan di luar daerah. Bagaimanapun, disebabkan kurangnya pemantauan, maka perbelanjaan sering kali melebihi kadar yang telah ditetapkan oleh FILAS dan peraturan-peraturan kewangan. Pihak Majlis telah membawa perkara ini ke dalam Mesyuarat Pengurusan pada 11 April 2018 dan telah memutuskan bahawa kaedah ini tidak lagi diguna pakai dan sebarang perbelanjaan selepas tarikh ini hendaklah mengikut kadar kelayakan gred.*

**Pada pendapat Audit, walaupun penggunaan ejen telah dipersetujui oleh Pengerusi Majlis tetapi pengurusan perolehan adalah tidak teratur.**

#### **3.6.2.2. Perolehan Secara Sebut Harga**

- a. Perolehan secara sebut harga perlulah dilaksanakan secara teratur serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan agar dapat meningkatkan amalan berjimat cermat. Peraturan dan proses sebut harga ditetapkan di bawah AP, 1PP, Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil.1 Tahun 2008, Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil.18 Tahun 2009 dan FILAS mengikut sumber kewangan perolehan yang berkaitan (Kerajaan Persekutuan/Negeri atau dana Majlis sendiri).
- b. Semakan Audit yang dijalankan mendapati perolehan melalui proses sebut harga telah diuruskan dengan teratur oleh kedua-dua Majlis. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga yang ditubuhkan di peringkat Majlis yang bertanggungjawab memanggil, membuka dan membuat penilaian terhadap tawaran sebut harga yang diterima telah melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan baik. Manakala semua keputusan pemilihan kontraktor telah dibuat oleh Lembaga Perolehan Sebut Harga di peringkat KKTP.

**Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan secara sebut harga telah dilaksanakan dengan baik oleh kedua-dua Majlis Daerah.**

#### **3.6.3. Pentadbiran Kontrak**

- 3.6.3.1. Pentadbiran kontrak yang cekap memainkan peranan penting dalam perolehan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara. 1PP - PK 4.1

menyatakan agensi hendaklah memastikan pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi perolehan yang diuruskan secara tender dan secara sebut harga diberi perhatian serius bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah Pesanan Kerajaan/inden kerja dikeluarkan, polisi insurans disediakan dan bayaran dibayar dalam tempoh yang ditetapkan.

3.6.3.2. Semakan Audit terhadap 27 sampel perolehan di MDR dan 16 sampel perolehan di MDPTN mendapati kedua-dua Majlis Daerah telah mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah pentadbiran kontrak.

**Pada pendapat Audit, kontrak telah ditadbir dengan baik oleh kedua-dua Majlis Daerah.**

#### **3.6.4. Pelaksanaan Kerja/Pembekalan**

##### **3.6.4.1. Prestasi Pelaksanaan Kerja**

- a. Peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi semasa pelaksanaan kerja/projek seperti berikut:
  - i. Berdasarkan Surat Setuju Terima sebut harga (kerja), kontraktor perlu menyiapkan seluruh kerja di bawah kontrak tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan.
  - ii. Berdasarkan Lampiran 4, Panduan Pelaksanaan Projek BP1 Jabatan Kerajaan Tempatan, bagi projek menggunakan dana Majlis/Kerajaan Negeri, PBT hanya boleh memperakui lanjutan tempoh siap kerja (*Extension of Time - EOT*) sebanyak dua (2) kali sahaja. PBT tidak boleh memperakui EOT yang ketiga dan disyorkan untuk dikenakan Ganti Rugi yang Tertentu (*Liquidated and Ascertained Damages - LAD*) bagi projek tersebut.
  - iii. Berdasarkan Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya, Perakuan Kerja Tidak Siap hendaklah dikeluarkan untuk mengenakan LAD.
- b. Semakan dan lawatan Audit telah dijalankan terhadap 10 projek kerja bernilai RM2.33 juta di MDR dan 18 projek kerja bernilai RM1.61 juta di MDPTN. Hasil semakan dan lawatan Audit adalah seperti berikut:
  - i. Sebanyak lima (5) projek (50%) bernilai RM1.38 juta dan 16 projek (88.9%) bernilai RM1.04 juta yang dilaksanakan oleh MDR dan MDPTN telah disahkan siap tanpa EOT.

- ii. Dua (2) projek bernilai RM0.45 juta (MDR) dan dua (2) projek bernilai RM0.57 juta (MDPTN) telah disahkan siap dengan EOT yang diluluskan oleh pihak Majlis selaku Pegawai Penguasa. Pada pendapat Audit, kesemua EOT yang diluluskan adalah munasabah kerana kelambatan adalah di luar kawalan kontraktor.
- iii. Tiga (3) projek bernilai RM497,100 yang dilaksanakan oleh MDR masih belum disiapkan selepas EOT 2. Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap telah dikeluarkan pada tarikh siap dipinda (EOT 2) dan LAD (RM40 sehari) sejumlah RM45,280 ditolak daripada bayaran kepada kontraktor terlibat bagi dua (2) projek tahun 2015. Maklumat lanjut projek-projek tersebut adalah seperti jadual dan perenggan berikut:

**JADUAL 3.13  
KERJA BELUM SIAP (EOT 2) DI MDR SETAKAT 31 DISEMBER 2017**

| BIL. | PROJEK  | TAHUN | KOS PROJEK (RM) | TARIKH SIAP ASAL | TARIKH MOHON EOT    | TARIKH KELULUSAN EOT OLEH MAJLIS | TARIKH SIAP DIPINDA | PERATUS KEMAJUAN KERJA (%) |
|------|---|-------|-----------------|------------------|---------------------|----------------------------------|---------------------|----------------------------|
| 1.   | Membina Kuarters Majlis Daerah Ranau                                | 2015  | 199,950         | 08.02.2016       | EOT 1<br>02.02.2016 | 06.02.2017                       | 04.04.2016          | 90%                        |
|      |   |       |                 |                  | EOT 2<br>31.03.2016 | 04.04.2016                       | 30.05.2016          |                            |
| 2.   | Penyelenggaraan Padang Bola Sepak di Kawasan Gereja SIB Pekan Ranau | 2015  | 199,550         | 29.02.2016       | 25.02.2016          | 29.02.2016                       | 25.04.2016          | 82%                        |
| 3.   | Membina Laluan Pejalan Kaki di Pekan Ranau                          | 2017  | 97,600          | 16.10.2017       | EOT 1<br>12.10.2017 | 16.10.2017                       | 27.11.2017          | 93%                        |
|      |   |       |                 |                  | EOT 2<br>23.11.2017 | 23.11.2017                       | 26.12.2017          |                            |
|      |   |       | <b>497,100</b>  | <b>JUMLAH</b>    |                     |                                  |                     |                            |

Sumber: Fail Projek MDR

- **Projek Membina Kuarters Majlis Daerah Ranau Bernilai RM199,950**
  - MDR telah menamatkan kontrak pada 30 November 2017 dengan LAD mulai dari 31 Mei 2016 hingga 30 November 2017 (549 hari) yang berjumlah RM21,960.
  - MDR telah membuat bayaran berjumlah RM153,992 (setelah mengambil kira LAD) kepada kontraktor pada 9 Mac 2018.
  - Kerja pembinaan yang belum siap dilaksanakan adalah seperti gambar-gambar berikut:

**GAMBAR 3.1**



Kuarters Majlis Daerah Ranau  
- Kerja Pembinaan Belum Siap Sepenuhnya  
(05.07.2017)

**GAMBAR 3.2**



Kuarters Majlis Daerah Ranau  
- Kerja Penggantian Tangki Air Belum Dibuat  
(18.12.2017)

- Projek Penyenggaraan Padang Bola Sepak di Kawasan Gereja SIB Pekan Ranau Bernilai RM199,550**

- MDR telah menamatkan kontrak pada 30 November 2017 dengan LAD mulai dari tarikh 25 April 2016 hingga 30 November 2017 (583 hari) yang berjumlah RM23,320.
- MDR telah membuat bayaran berjumlah RM130,280 (setelah mengambil kira LAD) kepada kontraktor pada 23 Februari 2018.
- Kerja pembinaan yang belum siap dilaksanakan adalah seperti gambar-gambar berikut:

**GAMBAR 3.3**



Padang Bola Sepak Gereja SIB, Pekan Ranau  
- Kerja Pembinaan Belum Siap Sepenuhnya  
(05.07.2017)

**GAMBAR 3.4**



Padang Bola Sepak Gereja SIB, Pekan Ranau  
- Permukaan Padang Belum Diratakan dan Ditanam Rumput  
(18.12.2017)

- Projek Membina Laluan Pejalan Kaki di Pekan Ranau Bernilai RM97,600**

- Berdasarkan kepada Senarai Kuantiti (BQ), kontraktor perlu membaiki kerosakan bumbung di laluan pejalan kaki sedia ada yang bernilai RM3,500. Bagaimanapun, sehingga lawatan Audit pada 8 Januari 2018, kerja membaiki kerosakan bumbung laluan pejalan kaki masih belum dilaksanakan.

- MDR telah menamatkan kontrak pada 26 Disember 2017, iaitu pada tarikh siap dipinda.
- MDR telah membuat bayaran berjumlah RM90,500 (berdasarkan nilai kerja yang telah dilaksanakan) kepada kontraktor pada 12 Februari 2018.
- Kerja membaiki kerosakan bumbung laluan pejalan kaki yang belum siap dilaksanakan adalah seperti gambar-gambar berikut:

**GAMBAR 3.5**



Laluan Pejalan Kaki, Pekan Ranau  
- Kerosakan Bumbung Belum Diperbaiki  
(08.01.2018)

**GAMBAR 3.6**



Laluan Pejalan Kaki, Pekan Ranau  
- Kerosakan Bumbung Belum Diperbaiki  
(08.01.2018)

#### **Maklum Balas MDR yang Diterima pada 30 April 2018**

*Bagi tiga (3) projek tersebut, pihak Majlis hanya membuat bayaran kepada kontraktor setakat kerja yang telah disiapkan dan potongan bayaran juga dibuat berdasarkan LAD bagi dua (2) projek tahun 2015. Pihak Majlis telah mengemukakan permohonan kelulusan kepada KKTP pada 4 April 2018 untuk melantik kontraktor baru bagi melaksanakan baki kerja yang belum disiapkan.*

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal 10 projek yang dilaksanakan oleh MDR adalah kurang memuaskan kerana tiga (3) kontrak tidak disiapkan selepas tamat tempoh EOT 2 dan telah ditamatkan. Manakala prestasi fizikal projek yang dilaksanakan oleh MDPTN adalah baik kerana 16 daripada 18 projek telah disiapkan tanpa EOT.

#### **3.6.4.2. Kerja/Pembekalan Mengikut Spesifikasi**

- a. Kerja-kerja pembinaan, penyenggaraan dan pembekalan yang dilaksanakan hendaklah mengikut reka bentuk, spesifikasi, pelan dan butiran kerja yang telah ditetapkan dalam kontrak. Kontraktor hendaklah memastikan kualiti bahan binaan, kerja, perkhidmatan dan bekalan adalah baik dan mengikut piawaian yang ditetapkan. Setiap penggantian peralatan, bahan dan cara

kerja yang telah ditentukan dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima tidak dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada pihak PBT secara bertulis.

- b. Pihak Audit bersama Penolong Jurutera Majlis di MDR telah menjalankan lawatan/semakan terhadap 10 perolehan kerja bernilai RM2.33 juta dan dua (2) perolehan bekalan berjumlah RM169,800. Manakala lawatan/semakan Audit bersama Penolong Jurutera dan Pegawai Aset Majlis di MDPTN dijalankan terhadap 18 perolehan kerja bernilai RM1.61 juta dan 8 perolehan bekalan berjumlah RM138,600. Hasil lawatan Audit mendapati kesemua sampel perolehan kerja/bekalan di MDR dan MDPTN telah dilaksanakan/bekalkan mengikut peraturan/spesifikasi/kuantiti yang ditetapkan.

#### **3.6.4.3. Kualiti Pembinaan Kurang Memuaskan**

- a. Peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:
  - i. Berdasarkan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil.18 Tahun 2009 (Peraturan Pelaksanaan Kerja), kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam ringkasan sebut harga dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga dan arahan pegawai inden wakilnya.
  - ii. Panduan Pelaksanaan Projek BP1 Jabatan Kerajaan Tempatan 8.1 menyatakan Pegawai Pengguna PBT berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dan jenis piawaian yang tidak menepati spesifikasi.
- b. Lawatan Audit pada bulan Julai 2017 dan Januari 2018 telah dijalankan terhadap tujuh (7) projek [tidak termasuk tiga (3) projek yang belum disahkan siap] di MDR. Hasil lawatan dan pemeriksaan fizikal Audit mendapati kualiti kerja yang dilaksanakan adalah memuaskan.
- c. Manakala, lawatan Audit pada bulan Julai 2017 dan Januari 2018 terhadap 18 sampel perolehan kerja di MDPTN mendapati kerja bagi empat (4) projek bernilai RM357,700 adalah kurang berkualiti disebabkan kurangnya pemantauan di tapak pembinaan oleh pegawai yang bertanggungjawab, seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 3.14  
KUALITI PEMBINAAN YANG KURANG MEMUASKAN**

| BIL. | PROJEK              | SUMBER KEWANGAN | KOS PROJEK (RM) | TARIKH SIAP KERJA | KELEMAHAN KUALITI KERJA  |
|------|---------------------|-----------------|-----------------|-------------------|--|
| 1.   | Membina Tandas Awam | Persekutuan     | 315,000         | 31.05.2017        | Parit di bahagian belakang tandas tidak sempurna. (tidak rata dan berlubang). (Gambar 3.7) |

| BIL.          | PROJEK   | SUMBER KEWANGAN | KOS PROJEK (RM) | TARIKH SIAP KERJA | KELEMAHAN KUALITI KERJA  |
|---------------|--|-----------------|-----------------|-------------------|--|
| 2.            | Membina Tapak Konkrit di Depan Dewan Muhibah Petagas Serta Kerja-kerja Berkaitan | Majlis          | 19,700          | 18.08.2016        | Lantai tapak konkrit berlubang.<br><b>(Gambar 3.9)</b>                 |
| 3.            | Pembinaan dan Pembaikan Dewan Masyarakat   | Majlis          | 13,000          | 23.05.2017        | Kayu lantai yang diperbaiki kurang berkualiti.<br><b>(Gambar 3.11)</b> |
| 4.            | Pembinaan dan Pembaikan Dewan Masyarakat   | Majlis          | 10,000          | 18.09.2017        |  |
| <b>JUMLAH</b> |  |                 | <b>357,700</b>  |                   |  |

Sumber: Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara dan MDPTN

**GAMBAR 3.7**



Tandas Awam, Putatan  
- Parit di Bahagian Belakang Tandas Tidak Sempurna (Tidak Rata dan Berlubang) (06.07.2017)

**GAMBAR 3.8**




Tandas Awam, Putatan  
- Parit di Bahagian Belakang Tandas yang Tidak Sempurna Telah Diambil Tindakan (14.03.2018)

**GAMBAR 3.9**



Dewan Muhibah Petagas, Putatan  
- Lantai Tapak Konkrit Berlubang (07.07.2017)

**GAMBAR 3.10**



Dewan Muhibah Petagas, Putatan  
- Lantai Tapak Konkrit Berlubang Telah Diambil Tindakan (20.04.2018)



**GAMBAR 3.11**

Dewan Masyarakat, Putatan  
- Kayu Lantai yang Telah Diperbaiki Kurang Berkualiti (16.01.2018)

### **Maklum Balas MDPTN yang Diterima pada 27 April 2018**

*Tindakan telah diambil dengan mengarahkan pihak kontraktor membaiki kerja-kerja yang kurang berkualiti bagi tandas awam dan tapak konkrit dewan. Bagi kayu lantai yang kurang berkualiti di Dewan Masyarakat, Putatan, kerosakan lantai adalah disebabkan penggunaan yang terlalu kerap untuk majlis perkahwinan, acara sukan dan program rasmi Kerajaan. Pihak Majlis telah mengemukakan permohonan kepada JKT pada bulan April 2018 untuk kelulusan Projek Menaik Taraf Dewan Serbaguna Putatan Serta Kerja Yang Berkaitan berjumlah RM350,000.*

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kualiti kerja yang dilaksanakan kontraktor di MDR adalah baik. Manakala pemantauan yang kurang berkesan di MDPTN telah menyebabkan kerja untuk empat (4) projek kurang berkualiti.

#### **3.6.5. Pemantauan**

3.6.5.1. Setiap perolehan yang dilaksanakan secara sebut harga, tender dan lantikan terus mestilah dipantau dan dibuat pengesahan oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi memastikan kontraktor/pembekal telah menyiapkan kerja/membekalkan bekalan dengan sempurna dan memuaskan sejajar dengan syarat yang telah dipersetujui. Antara peraturan yang ditetapkan adalah:

- a. *Every contract under clause 325(a) will be reported to the Finances Committee of the Local Authority at the meeting next after it is made. [FILAS 324]*
- b. Surat kelulusan pengagihan peruntukan bagi pelaksanaan projek daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tahun 2015 hingga 2017 dan surat kelulusan daripada KKTP menyatakan mesyuarat Pemantauan Projek perlu diadakan setiap bulan dan Laporan Kemajuan Projek Bulanan dikemukakan kepada KKTP dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT).

3.6.5.2. Semakan Audit terhadap 12 kontrak perolehan MDR [10 kontrak kerja dan dua (2) kontrak bekalan] bernilai RM2.49 juta dan 26 kontrak perolehan MDPTN (18 kontrak kerja dan 8 kontrak bekalan) bernilai RM1.75 juta mendapati:

- a. semua kontrak telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Kewangan Majlis selepas kontrak dimeterai.

- b. Mesyuarat Pemantauan Projek telah diadakan bersama KKTP dan JKT serta Laporan Pelaksanaan Projek dikemukakan melalui e-mel kepada kedua-dua pihak tersebut.

**Pada pendapat Audit, pemantauan perolehan oleh kedua-dua Majlis Daerah adalah baik.**

### **3.7. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan isu yang dibangkitkan berkenaan pengurusan perolehan kerja/perkhidmatan/bekalan dapat dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan, pihak Majlis Daerah dan KKTP hendaklah mengambil tindakan segera terhadap perkara berikut:

- 3.7.1. merancang perolehan dengan teliti bagi memastikan perbelanjaan tidak melebihi anggaran tahunan, had nilai perolehan secara pembelian terus sentiasa dipatuhi dan Kerajaan memperoleh *value for money* daripada perbelanjaan yang dilakukan;
- 3.7.2. menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman untuk mengenal pasti punca *improper payment* daripada penggunaan khidmat ejen dalam tempahan tempat penginapan oleh MDPTN serta tindakan penyelesaiannya; dan
- 3.7.3. meningkatkan pemantauan terhadap pelaksanaan kerja dan pembekalan bagi memastikan setiap perolehan dilaksanakan adalah mematuhi peraturan, spesifikasi dan kuantiti yang ditetapkan.

## **PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SABAH**

### **4. SEDCO COMMUNICATIONS SDN. BHD.**

#### **4.1. LATAR BELAKANG**

4.1.1. Sedco Communications Sdn. Bhd. sebelum 5 Jun 2009, dikenali sebagai Bestyle Sdn. Bhd yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 8 Oktober 1990. Pada 15 Julai 1991, Bestyle Sdn. Bhd. telah menukar namanya kepada Sandakan Beach Resort Sdn. Bhd. dan pada 5 Jun 2009 telah menukar namanya kepada Sedco Communications Sdn. Bhd. (S.Comm) dengan saham dibenarkan berjumlah RM5 juta dan berbayar RM1 juta. Pemilikan saham S.Comm adalah RM510,000 atau 51% milik Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) yang merupakan Badan Berkanun Negeri dan RM490,000 atau 49% milik Vast Meridian Sdn. Bhd. (VMSB). Objektif utama penubuhan S.Comm adalah syarikat berdaya saing untuk membangunkan dan menyediakan infrastruktur telekomunikasi di Sabah.

4.1.2. Aktiviti utama yang dijalankan oleh S.Comm adalah perniagaan kabel gentian optik, penyewaan gentian jalur lebar, pemasangan dan pengurusan menara telekomunikasi. S.Comm memperoleh lesen sebagai Pembekal Kemudahan Rangkaian dan Penyedia Perkhidmatan Rangkaian daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mulai 25 Mei 2010 hingga 24 Mei 2020.

4.1.3. Ahli Lembaga Pengarah S.Comm dipengerusikan oleh Pengurus Besar Kumpulan SEDCO dan dibantu oleh lapan (8) orang pengarah yang terdiri daripada wakil Kementerian Pembangunan Perindustrian, Wakil SEDCO, Wakil VMSB dan seorang Pengarah Eksekutif. S.Comm diurus oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 17 orang kakitangan.

#### **4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada kedudukan kewangan S.Comm adalah kukuh dan amalan tadbir urusnya adalah baik serta pengurusan aktivitinya telah dilaksanakan secara cekap, berhemat dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

#### **4.3. SKOP PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 serta amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti bagi tahun 2014 hingga bulan Disember 2017. Pengauditan ini telah dijalankan di pejabat S.Comm, Kota Kinabalu dan lawatan Audit ke tapak projek di Beaufort, Ranau, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Tawau, Sandakan dan Pitas bagi mengaudit pelaksanaan aktivitinya.

#### **4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Penilaian kedudukan kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan S.Comm bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 yang telah diaudit dan diberi laporan Bersih oleh Tetuan Ernst & Young. Penilaian ini melibatkan empat (4) analisis iaitu analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis trend aset dan liabiliti, analisis nisbah kewangan dan analisis aliran tunai. Bagi amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti, kaedah pengauditan adalah melalui semakan terhadap rekod, fail, minit mesyuarat dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan S.Comm. Selain itu, pihak Audit juga menjalankan analisis terhadap data syarikat, menemu bual pegawai berkaitan serta menjalankan pemeriksaan fizikal di tapak projek bagi menilai pelaksanaan aktivitinya.

#### **4.5. RUMUSAN AUDIT**

4.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2017 hingga Januari 2018 merumuskan perkara berikut:

##### **a. Kedudukan Kewangan**

Kedudukan kewangan S.Comm adalah stabil kerana menjana pendapatan daripada aktiviti operasi dan geran Kerajaan dengan mencatatkan lebihan dana sebelum cukai bagi dua (2) tahun berturut-turut masing-masing berjumlah RM235,318 pada tahun 2015 dan RM23,721 pada tahun 2016. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada 0.18:1 menunjukkan syarikat tidak berupaya memenuhi obligasi jangka pendek menggunakan sumber dalaman. Selain itu, S.Comm juga mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM40,060 pada akhir tahun 2016.

##### **b. Pengurusan Aktiviti**

###### **i. Projek infrastruktur gentian optik Sabah**

Secara keseluruhannya projek infrastruktur gentian optik Sabah yang sepatutnya siap pada tahun 2015 telah diuruskan dengan tidak cekap kerana ia tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang telah dirancang.

Sehingga akhir tahun 2017, hanya 47.9% atau 961 km daripada 2,007 km yang dirancang telah disiapkan.

### **ii. Projek Jalur Lebar Untuk Orang Ramai**

Projek Jalur Lebar Untuk Orang Ramai telah diuruskan dengan tidak cekap kerana sebanyak 18 daripada 19 *link* Projek tersebut tidak disewakan.

### **iii. Projek Pembinaan Menara Telekomunikasi/*Universal Service Provision (USP)***

Secara keseluruhan, Projek Pembinaan Menara Telekomunikasi/*Universal Service Provision (USP)* telah diuruskan dengan kurang cekap kerana tidak ada kontrak perjanjian antara SKMM dan S.Comm mengenai pembinaan menara telekomunikasi dan penyewaan USP tidak menguntungkan.

### **c. Amalan Tadbir Urus**

Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus S.Comm adalah memuaskan. Namun masih terdapat keperluan untuk penambahbaikan dalam aspek keperluan untuk menyediakan terma tugas dan tanggungjawab Pengerusi S.Comm secara bertulis dan mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat dan piagam/terma rujukan Lembaga Pengarah.

4.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberi perhatian dan tindakan oleh S.Comm adalah seperti berikut:

- a. Perlaksanaan Projek Infrastruktur Gentian Optik Sabah;
- b. Penyewaan link Projek Jalur Lebar Untuk Orang Ramai; dan
- c. Penyewaan USP bagi Projek Pembinaan Menara Telekomunikasi.

## **4.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI**

Perkara yang ditemui dan maklum balas S.Comm telah dibincangkan dalam *Exit Conference* 20 Februari 2018. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

### **4.6.1. Prestasi Kewangan**

4.6.1.1. Analisis terhadap prestasi kewangan S.Comm bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah dilaksanakan berdasarkan kedudukan kewangan syarikat ini

yang merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti, serta tunai dan kesetaraan tunai seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.1  
PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN  
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) S.COMM BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016**

| Butiran  | 2014<br>(RM Juta) | 2015<br>(RM Juta) | 2016<br>(RM Juta) |
|--|-------------------|-------------------|-------------------|
| Pendapatan   | 0.75              | 0.77              | 0.62              |
| Lain-lain Pendapatan                               | 1.54              | 3.11              | 2.28              |
| <b>Jumlah Pendapatan</b>                           | <b>2.29</b>       | <b>3.89</b>       | <b>2.90</b>       |
| Kos Langsung                                       | (0.25)            | (0.72)            | (0.16)            |
| Perbelanjaan Pentadbiran                           | (2.91)            | (2.55)            | (2.24)            |
| Perbelanjaan Pemasaran dan Jualan                  | (0.003)           | (0.01)            | (0.007)           |
| Kos Pembaikan                                      | (0.56)            | (0.36)            | (0.46)            |
| <b>Jumlah Perbelanjaan</b>                         | <b>(3.71)</b>     | <b>(3.64)</b>     | <b>(2.87)</b>     |
| <b>Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai</b>         | <b>(1.43)</b>     | <b>0.24</b>       | <b>0.03</b>       |
| Cukai  | -                 | -                 | (0.003)           |
| <b>Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai</b>         | <b>(1.43)</b>     | <b>0.24</b>       | <b>0.03</b>       |
| <b>KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) TERKUMPUL</b>             | <b>(2.97)</b>     | <b>(2.74)</b>     | <b>(2.71)</b>     |
| <b>JUMLAH ASET</b>                                 | <b>27.84</b>      | <b>28.08</b>      | <b>26.67</b>      |
| <b>JUMLAH LIABILITI</b>                            | <b>29.81</b>      | <b>29.81</b>      | <b>28.38</b>      |
| <b>JUMLAH DANA DAN LIABILITI</b>                   | <b>(1.97)</b>     | <b>(1.74)</b>     | <b>(1.71)</b>     |
| <b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b> | <b>0.54</b>       | <b>0.12</b>       | <b>0.04</b>       |


Sumber: Penyata Kewangan Beraudit S.Comm Bagi Tahun 2014 Hingga 2016

4.6.1.2. Pendapatan S.Comm terdiri daripada perkhidmatan kemudahan rangkaian yang disediakan untuk pelanggan, geran Kerajaan, yuran pengurusan projek dan pendapatan runcit. Pendapatan S.Comm pada tahun 2014, 2015 dan 2016 adalah masing-masing berjumlah RM2.29 juta, RM3.89 juta dan RM2.90 juta.

4.6.1.3. Perbelanjaan S.Comm meliputi perbelanjaan pentadbiran dan faedah atas pendahuluan daripada SEDCO. Perbelanjaan S.Comm bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 masing-masing berjumlah RM3.71 juta, RM3.64 juta dan RM2.87 juta. Perbelanjaan pentadbiran merupakan komponen terbesar perbelanjaan S.Comm.

4.6.1.4. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2014 dan 2015 telah memberi kesan positif terhadap kerugian terkumpul S.Comm seperti ditunjukkan di **Carta 4.1**. Pada tahun 2014, S.Comm telah mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM1.43 juta. Ini adalah kerana perbelanjaan pentadbiran yang tinggi berjumlah RM2.91 juta. Pada tahun 2015 dan 2016, S.Comm mencatatkan keuntungan masing-masing berjumlah RM235,318 dan RM23,721. Ini adalah ekoran dari penurunan perbelanjaan pentadbiran secara konsisten setiap tahun daripada RM2.91 juta setahun kepada RM2.55 juta dan RM2.24

juta bagi tahun 2015 dan 2016. Pada 31 Disember 2016, kerugian terkumpul S.Comm adalah berjumlah RM2.71 juta. Butiran lanjut seperti carta berikut:



4.6.1.5. Analisis Audit juga mendapati S.Comm tidak mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasi kerana kedudukan liabiliti melebihi aset bagi tempoh tiga (3) tahun ini. S.Comm merekodkan liabiliti syarikat yang sama berjumlah RM29.81 juta bagi tahun 2014 dan 2015 manakala RM28.38 juta bagi tahun 2016. Bagi aset bukan semasa pula, syarikat mencatat keuntungan pada kadar RM0.009 dan RM0.0007 bagi setiap ringgit yang dilaburkan pada tahun 2015 dan 2016.

4.6.1.6. Analisis Audit telah dijalankan terhadap aliran tunai S.Comm bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung perbelanjaan syarikat. Didapati S.Comm telah mengalami aliran tunai defisit pada tahun 2014, 2015 dan 2016. Aliran tunai defisit yang berterusan ini mengakibatkan tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun 2016 berjumlah RM40,060 berbanding RM539,837 pada tahun 2014.

#### Maklum Balas S.Comm yang Diterima pada 21 Mac 2018

*S.Comm telah berhasil mendapat kontrak dengan TT dotCom Sdn. Bhd. berjumlah RM703,360 setahun dan sedang menunggu ‘Purchase Order’ daripada Sabah Net Sdn. Bhd. S.Comm juga sedang dalam rundingan perkhidmatan baharu dengan beberapa syarikat telekomunikasi seperti Celcom Sdn. Bhd. Manakala Projek BIMP-EAGA melalui syarikat Best Cable*

*Corporation Pte. Ltd. yang berpusat di Singapura dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2018 sekali gus menjadi penyumbang utama kepada pendapatan keseluruhan syarikat.*

*S.Comm akan meneruskan sikap perbelanjaan berhemat agar tahap kecairan tunai syarikat berada dalam keadaan yang baik dan memastikan syarikat mampu untuk membayar liabiliti jangka pendek. Pihak S.Comm akan membuat rundingan dengan pembiutang syarikat supaya bayaran tunggakan dapat dibayar secara berperingkat sehingga ia selesai dibayar. Selain itu, pihak S.Comm telah menghantar notis peringatan secara e-mel dan surat bertulis serta perjumpaan dengan syarikat-syarikat penghutang dan menekankan faedah lewat pembayaran akan dikenakan. S.Comm menganggarkan peningkatan pendapatan melalui 'IRU Leasing' sebanyak 70% pada tahun 2017 dan 2018.*

*S.Comm memaklumkan terdapat penghutang syarikat yang belum menyelesaikan bayaran dalam masa yang ditetapkan walaupun surat peringatan telah dikeluarkan. S.Comm akan berusaha untuk meningkatkan aliran tunai syarikat bagi memastikan perjalanan operasi dan pembayaran liabiliti jangka pendek. S.Comm maklum akan saranan pihak Audit untuk mengenakan faedah ke atas penghutang syarikat yang lewat membuat bayaran.*

Pada pendapat Audit, berdasarkan analisis kewangan yang dijalankan, secara keseluruhannya kedudukan kewangan S.Comm adalah stabil.

#### **4.6.2. Pengurusan Aktiviti**

4.6.2.1. Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif. Objektif utama penubuhan S.Comm adalah untuk membangunkan dan menyediakan infrastruktur telekomunikasi. Aktiviti utama S.Comm adalah perniagaan kabel gentian optik, sewa gentian jalur lebar, pemasangan dan pengurusan menara telekomunikasi. Misi S.Comm adalah untuk membangunkan dan menyediakan infrastruktur telekomunikasi yang mampu dimiliki untuk menjamin kemapanan dan kemudahan pengguna di Negeri Sabah. Pelan perniagaan utama bagi S.Comm adalah untuk menawarkan harga yang berpatutan dan kompetitif kepada semua pelanggan termasuk syarikat telekomunikasi seperti DiGi, Celcom dan Maxis, jabatan dan agensi Kerajaan, syarikat swasta dan korporat serta orang awam. S.Comm adalah pemegang lesen Penyedia Kemudahan Rangkaian/*Network Facilities Provider* (NFP/1/2000/02), Penyedia Perkhidmatan Rangkaian/*Network Service Provider* (NSP/1/2000/116) dan Pembekal

Perkhidmatan Aplikasi (ASP) yang diberikan oleh SKMM mulai 25 Mei 2010 hingga 24 Mei 2020.

4.6.2.2. S.Comm melaksanakan aktiviti membangunkan infrastruktur gentian optik Sabah (*Backhaul*), Projek Jalur Lebar untuk Orang Ramai (*Broadband for the General Population - BBGP*), Projek Pembinaan Menara (*Universal Service Plan - USP*) dan Projek BIMP EAGA Rink (*Best Cable System*). Sepanjang tempoh tahun 2011 hingga 2017 (setakat bulan November), S.Comm telah menerima peruntukan berjumlah RM52.62 juta dan perbelanjaan dalam tempoh yang sama berjumlah RM41.63 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam jadual dan perenggan berikut:

**JADUAL 4.2  
JUMLAH PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2011 HINGGA 2017**

| TAHUN  | PROJEK              |                      |                    |                      |                    |                      |                    |                      | JUMLAH             |                      |
|--------|---------------------|----------------------|--------------------|----------------------|--------------------|----------------------|--------------------|----------------------|--------------------|----------------------|
|        | Backhaul            |                      | BBGP               |                      | USP                |                      | BIMP-EAGA Rink     |                      |                    |                      |
|        | Peruntukan#<br>(RM) | Perbelanjaan<br>(RM) | Peruntukan<br>(RM) | Perbelanjaan<br>(RM) | Peruntukan<br>(RM) | Perbelanjaan<br>(RM) | Peruntukan<br>(RM) | Perbelanjaan<br>(RM) | Peruntukan<br>(RM) | Perbelanjaan<br>(RM) |
| 2011   | 5,000,000           | -                    | -                  | -                    | 9,267,076          | 8,321,506            | -                  | -                    | 14,267,076         | 8,321,506            |
| 2012   | 9,000,000           | 8,946,959            | 8,832,150          | 4,763,306            | 9,996,122          | 8,874,724            | -                  | -                    | 27,828,272         | 22,584,989           |
| 2013   | -                   | 1,997,790            | 8,401,327          | 3,850,504            | -                  | -                    | -                  | -                    | 8,401,327          | 5,848,294            |
| 2014   | -                   | 546,118              | 392,832            | 2,669,743            | -                  | -                    | -                  | -                    | 392,832            | 3,215,861            |
| 2015   | -                   | 1,001,987            | -                  | 124,705              | -                  | -                    | 1,115,920          | -                    | 1,115,920          | 1,126,692            |
| 2016   | -                   | -                    | -                  | 285,206              | -                  | -                    | 358,880            | -                    | 358,880            | 285,206              |
| 2017*  | -                   | -                    | -                  | 249,535              | -                  | -                    | 257,520            | -                    | 257,520            | 249,535              |
| Jumlah | 14,000,000          | 12,492,854           | 17,626,309         | 11,942,999           | 19,263,198         | 17,196,230           | 1,732,320          | -                    | 52,621,827         | 41,632,083           |

Sumber: Rekod S.Comm

Nota:(\*) Setakat bulan November 2017

(#) Peruntukan Merupakan Pendahuluan Daripada SEDCO

#### a. Infrastruktur Gentian Optik Sabah (*Backhaul* dan *Metro Fibre*)

- i. S.Comm dilesenkan untuk membina, menyediakan, menyelenggara dan memasarkan infrastruktur rangkaian perkhidmatan telekomunikasi dan sedang melaksanakan pemasangan gentian optik di seluruh Sabah sejajar dengan objektif Kerajaan Negeri untuk memudahkan penerobosan jalur lebarnya. Perniagaan utama S.Comm adalah menyediakan perkhidmatan *Backhaul* dalam bentuk *point to point bandwidth* dengan pilihan tambahan akses Internet. Ia juga menyediakan perkhidmatan *WiFi* untuk melengkapkan perniagaan utamanya. Bagi membiayai projek *Backhaul*, S.Comm telah menerima pendahuluan daripada SEDCO pada tahun 2011 dan 2012 berjumlah RM14 juta. Setakat tarikh 31 November 2017, S.Comm telah membelanjakan sejumlah RM12.49 juta bagi projek tersebut. Perkhidmatan S.Comm adalah menyediakan kemudahan seperti berikut:

- teknologi *Backhaul* terkini untuk penghantaran telekomunikasi:
    - menyediakan perkhidmatan talian sewa secara borong kepada syarikat perkhidmatan IT serta menawarkan sambungan talian pada harga yang kompetitif kepada perniagaan; dan
    - kabel gentian optik boleh dipajak kepada individu atau syarikat yang ingin membuat sambungan optik di antara lokasi mereka sendiri.
  - Penyewaan Jalur Lebar:
    - tawaran Internet yang lebih cepat dan fleksibel untuk memenuhi kapasiti yang dipilih;
    - *Dedicated Fibre Optic* dengan akses Internet; dan
    - sambungan *point to point/line leased* (dengan atau tanpa akses Internet).
  - *Hi-Speed Fibre Broadband*:
    - menyediakan penyelesaian Internet lebih cepat melalui gentian optik berdasarkan rangkaian jalur lebar yang dipilih; dan
    - disediakan dengan satu(1) *Internet Protokol* (IP) tetap.
- ii. S.Comm telah menyediakan pelan perniagaan lima (5) tahun iaitu tahun 2011 hingga 2015 untuk melaksanakan Projek Gentian Optik Sabah sepanjang 2,007 km iaitu 1,649 km bagi Projek *Backhaul* dan 358 km bagi Projek *Metro Fibre* yang meliputi daerah utama Negeri Sabah, seperti peta dan jadual berikut:

**PETA 4.1  
KAWASAN PROJEK GENTIAN OPTIK SABAH**



Sumber: Rekod S.Comm  
— Laluan Gentian Optik

**JADUAL 4.3**  
**RANCANGAN PROJEK GENTIAN OPTIK SABAH BAGI TEMPOH 2011 HINGGA 2015**

| PROJEK                    | BANDAR A      | BANDAR B    | JARAK (KM)   | TAHUN 1 (2011) | TAHUN 2 (2012) | TAHUN 3 (2013) | TAHUN 4 (2014) | TAHUN 5 (2015) |
|---------------------------|---------------|-------------|--------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| <b>BACKHAUL</b>           | KK            | Sandakan    | 335          | ✓              |                |                |                |                |
|                           |               | Papar       | 50           |                |                | ✓              |                |                |
|                           |               | Tuaran      | 34           |                |                | ✓              |                |                |
|                           | Tuaran        | Kota Belud  | 75           |                |                | ✓              |                |                |
|                           | Kota Belud    | Kudat       | 115          |                |                | ✓              |                |                |
|                           |               | Kota Marudu | 56           |                |                | ✓              |                |                |
|                           | Papar         | Beaufort    | 55           |                |                |                | ✓              |                |
|                           | Beaufort      | Tenom       | 50           |                |                |                | ✓              |                |
|                           | Tenom         | Keningau    | 42           |                |                |                | ✓              |                |
|                           | Keningau      | Tambunan    | 50           |                |                |                | ✓              |                |
|                           |               | Tawau       | 300          |                |                |                |                | ✓              |
|                           | Sandakan      | Lahad Datu  | 175          | ✓              |                |                |                |                |
|                           | Lahad Datu    | Tawau       | 151          | ✓              |                |                |                |                |
|                           |               | Semporna    | 161          |                | ✓              |                |                |                |
| <b>JUMLAH</b>             |               |             | <b>1,649</b> | <b>661</b>     | <b>161</b>     | <b>330</b>     | <b>197</b>     | <b>300</b>     |
| <b>METRO FIBRE</b>        | Kota Kinabalu |             | 100          | ✓              |                |                |                |                |
|                           | Sandakan      |             | 50           |                | ✓              |                |                |                |
|                           | Tawau         |             | 100          |                | ✓              |                |                |                |
|                           | Lahad Datu    |             | 50           |                | ✓              |                |                |                |
|                           | Semporna      |             | 5            |                |                |                | ✓              |                |
|                           | Kunak         |             | 5            |                |                |                | ✓              |                |
|                           | Tuaran        |             | 10           |                |                | ✓              |                |                |
|                           | Kota Belud    |             | 10           |                |                | ✓              |                |                |
|                           | Kudat         |             | 10           |                |                | ✓              |                |                |
|                           | Papar         |             | 5            |                |                |                | ✓              |                |
|                           | Beaufort      |             | 5            |                |                |                | ✓              |                |
|                           | Keningau      |             | 5            |                |                |                | ✓              |                |
|                           | Tambunan      |             | 3            |                |                |                | ✓              |                |
| <b>JUMLAH</b>             |               |             | <b>358</b>   | <b>100</b>     | <b>200</b>     | <b>30</b>      | <b>28</b>      |                |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |               |             | <b>2,007</b> | <b>761</b>     | <b>361</b>     | <b>360</b>     | <b>225</b>     | <b>300</b>     |

Sumber: Rekod S.Comm

- iii. Semakan Audit mendapati projek sepanjang 2,007 km yang dirancang siap pelaksanaannya pada tahun 2015 hanya dapat disiapkan sepanjang 961 km atau 47.9% yang melibatkan 652 km Projek *Backhaul* dan 309 km Projek *Metro Fibre* pada tahun 2017. S.Comm telah melantik tiga (tiga) kontraktor untuk melaksanakan projek *Backhaul* tersebut. Kemajuan projek Gentian Optik Sabah adalah seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 4.4**  
**KEMAJUAN PROJEK GENTIAN OPTIK SABAH SETAKAT BULAN DISEMBER 2017**

| BANDAR A -<br>BANDAR B  | JARAK<br>(KM) | JARAK<br>SIAP<br>(KM) | TAHUN       |               | STATUS            |
|---|---------------|-----------------------|-------------|---------------|-------------------|
|   |               |                       | DIRANCANG   | DILAKUKAN     |                   |
| <b>A. Projek Backhaul</b>   |               |                       |             |               |                   |
| Kota Kinabalu – Tuaran<br>Sandakan – Lahad Datu<br>Lahad Datu – Tawau   | 360           | 360                   | 2011 – 2013 | 2012 dan 2013 | Siap              |
| KK – Sandakan<br>KK – Papar   | 385           | 292                   | 2011 - 2013 | 2012 dan 2013 | Dalam Pelaksanaan |
| Tuaran – Kota Belud<br>Kota Belud – Kudat<br>Kota Belud – Kota Marudu<br>Papar – Beaufort<br>Beaufort – Tenom<br>Tenom – Keningau<br>Keningau – Tambunan<br>Keningau – Tawau<br>Lahad Datu – Semporna | 904           | 0                     | 2012 - 2015 | -             | Belum Laksana     |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>1,649</b>  | <b>652</b>            |             |               |                   |
| <b>B. Projek Metro Fibre</b>  | 358           | 309                   | 2011 - 2014 | 2012 dan 2013 | Dalam Pelaksanaan |
| <b>JUMLAH<br/>KESELURUHAN</b>   | <b>2,007</b>  | <b>961</b>            |             |               |                   |

Sumber: Rekod S.Comm

iv. Didapati kelewatan menyiapkan Projek *Backhaul* dan *Metro Fibre* yang telah dirancang adalah disebabkan masalah berikut:

- Pembekuan kelulusan izinlalu/wayleave daripada JKR sebagaimana Pekeliling Jabatan Kerja Raya Bil.4/2014 (C) bertarikh 21 Mac 2014.
- Pemasangan gentian optik secara *Horizontal Directional Drilling* (HDD) diluluskan/putuskan oleh pihak JKR bagi menggantikan kaedah pemasangan penanaman tiang aerial. Bagaimanapun, kos HDD adalah RM601,200 sekilometer berbanding RM30,200 sekilometer. Peningkatan kos telah menyebabkan projek ditangguhkan.
- Kekangan kewangan kerana S.Comm terpaksa menanggung kos yang tinggi bagi pemindahan infrastruktur yang terjejas oleh Projek Pan Borneo dan memerlukan dana untuk membayai kos *Backhaul* utama untuk Projek BIMP Rink EAGA (*BEST Cable*).

v. Walaupun Projek Gentian Optik Sabah terdiri daripada Projek *Backhaul* dan *Metro Fibre*, S.Comm hanya menjana pendapatan daripada projek *Metro Fibre* sahaja di mana S.Comm mempunyai 13 pelanggan dengan nilai kontrak berjumlah RM6.82 juta untuk tempoh antara satu (1) hingga 10 tahun seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 4.5**  
**PENYEWA METRO FIBRE**

| BIL.          | LOKASI                                      | JENIS PERKHIDMATAN               | TEMPOH KONTRAK |            |         | NILAI KONTRAK (RM) |
|---------------|---|----------------------------------|----------------|------------|---------|--------------------|
|               |   |                                  | MULA           | TAMAT      | (Tahun) |                    |
| 1.            | Celcom Inanam to Kinarut Project            | <i>Indefeasible Right of Use</i> | 21.04.2014     | 20.04.2024 | 10      | 4,680,000          |
| 2.            | Country Heights, Jalan Minintod, Penampang. | <i>Dedicated Internet Access</i> | 05.11.2016     | 04.11.2017 | 1       | 30,000             |
| 3.            | University Apartment 1, Jalan Sulaman, KK   | <i>Dedicated Internet Access</i> | 16.09.2015     | 15.09.2016 | 1       | 52,500             |
| 4.            | Kg. Bambangan, Membakut.                    | <i>Point to Point</i>            | 05.12.2014     | 04.12.2017 | 3       | 86,400             |
| 5.            | SEDCO Building                              | <i>Shared Bandwidth</i>          | 17.07.2014     | 16.07.2016 | 2       | 24,912             |
| 6.            | Jalan Pantai, KK                            | <i>Shared Bandwidth</i>          | 09.12.2014     | 08.12.2016 | 2       | 21,312             |
| 7.            | WISMA SEDIA, Penampang, KK                  | <i>Shared Bandwidth</i>          | 07.11.2014     | 06.11.2016 | 2       | 15,312             |
| 8.            | WISMA SEDIA, Penampang, KK                  | <i>Shared Bandwidth</i>          | 07.11.2014     | 06.11.2016 | 2       | 15,312             |
| 9.            | UCA 2 to UPC                                | <i>Point to Point</i>            | 31.01.2017     | 30.01.2018 | 1       | 12,000             |
| 10.           | UTC to TDC Inanam                           | <i>Indefeasible Right of Use</i> | 19.06.2017     | 18.06.2018 | 1       | 154,000            |
| 11.           | UMNO Building, Karamunsing, KK              | <i>Dedicated Internet Access</i> | 26.07.2017     | 25.07.2018 | 1       | 36,000             |
| 12.           | UMNO Building, Karamunsing, KK              | <i>Dedicated Internet Access</i> | 11.09.2017     | 10.09.2018 | 1       | 40,500             |
| 13.           | Inanam to Kinarut                           | <i>Indeafesible Right of Use</i> | 22.11.2017     | 21.11.2020 | 3       | 1,648,080          |
| <b>JUMLAH</b> |   |                                  |                |            |         | <b>6,816,328</b>   |

Sumber: Rekod S.Comm

**Maklum Balas S.Comm yang Diterima pada 21 Mac 2018**

*S.Comm sedang dalam rundingan untuk penyewaan bandwidth bagi melengkapkan rangkaian Backhaul kabel gentian optik dari Kota Kinabalu ke Tawau. S.Comm melalui SEDCO akan memohon bantuan Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah bagi mendapatkan cara pemasangan infrastruktur yang lebih murah daripada pemilik izin lalu contohnya Jabatan Kerja Raya.*

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Projek Gentian Optik Sabah adalah kurang cekap kerana ia tidak disiapkan dalam tempoh yang telah dirancang.

**b. Projek Jalur Lebar Untuk Orang Ramai**

- i. S.Comm mendapat perolehan secara rundingan terus bagi pelaksanaan Projek Jalur Lebar Untuk Orang Ramai (*Broadband for the General Population - BBGP*) di Sabah dan Sarawak (No. Kontrak: KPKK/CPP/(S) 1410/258) daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) pada 17 Julai 2012. Tempoh kontrak adalah selama 10 tahun iaitu berkuat kuasa dari 17 Julai 2012 sehingga 16 Julai 2022. Tempoh

pemasangan, pengujian dan pentauliahan serta kerja berkaitan adalah selama 1 (satu) tahun bermula 1 Julai 2012 hingga 16 Julai 2013.

- ii. Manakala, bagi tempoh operasi penyenggaraan adalah selama sembilan (9) tahun bermula dari 17 Julai 2013 hingga 16 Julai 2022 dengan kos yang ditanggung sepenuhnya oleh S.Comm. Klaus 5.2.4(b) kontrak Projek BBGP menetapkan S.Comm perlu menjalankan penyenggaraan secara rutin dan berkala untuk memastikan objektif BBGP berjalan dengan lancar tanpa gangguan.
- iii. Skop pelaksanaan projek yang terkandung dalam kontrak adalah mereka bentuk, membina, memiliki dan mengendalikan (*Design, Build, Own and Operate – DBOO*) rangkaian teras jalur lebar di kawasan berpopulasi yang meliputi skop pelaksanaan sambungan infrastruktur rangkaian teras berasaskan fiber di Sabah bagi:
  - memperluaskan liputan infrastruktur berasaskan fiber bagi meningkatkan penembusan jalur lebar di Sabah;
  - merancang, mereka bentuk, melaksanakan termasuk pengurusan, operasi dan penyenggaraan infrastruktur rangkaian *Greenfield* (lokasi yang tiada infrastruktur rangkaian berasaskan fiber sedia ada); dan
  - menambah baik liputan dan kapasiti rangkaian teras di kawasan berpenduduk dan daerah dalam zon dua (2) kawasan *Greenfield*.
- iv. S.Comm dikehendaki menyediakan 19 sambungan/*link* sepanjang 230 km di sembilan (9) daerah dan nilai keseluruhan projek ialah RM17.66 juta. Butiran adalah seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 4.6  
KAWASAN BBGP YANG TERMAKTUB DALAM PERJANJIAN**

| BIL. | DAERAH       | SAMBUNGAN ( <i>LINK</i> ) |                               | JARAK (KM) | CATATAN      |
|------|--------------|---------------------------|-------------------------------|------------|--------------|
|      |              | MULA (LEG A)              | AKHIR (LEG B)                 |            |              |
| 1.   | Keningau     | Keningau                  | Perumahan dekat Taman Kota    | 8          | Belum disewa |
| 2.   | Keningau     | Keningau (Bingkor)        | Kg. Baginda                   | 25         |              |
| 3.   | Keningau     | Keningau (Bingkor)        | Kg. Baru                      | 23         |              |
| 4.   | Tawau        | Tawau                     | Kongsi 10 Kg. Jawa            | 15         |              |
| 5.   | Tawau        | Balung                    | Kg. SLDB (Balung) /SMK Wakuba | 5          |              |
| 6.   | Kinabatangan | MD Kinabatangan           | Kg. Bilit                     | 30         |              |
| 7.   | Kinabatangan | Kinabatangan              | Estet Kretam/Kg. Lot M        | 12         |              |
| 8.   | Kinabatangan | Kinabatangan              | Kg. Jaya Baru Kinabatangan    | 3          |              |
| 9.   | Kinabatangan | Kinabatangan              | Kg. Sg. Pin/Estet Sg. Pin     | 35         |              |
| 10.  | Kinabatangan | Kinabatangan              | Ladang Tung Hup/Gomantong     | 5          |              |
| 11.  | Kinabatangan | Kinabatangan              | Lungmanis                     | 10         |              |

| BIL.   | DAERAH       | SAMBUNGAN (LINK) |                             | JARAK (KM) | CATATAN      |
|--------|--------------|------------------|-----------------------------|------------|--------------|
|        |              | MULA (LEG A)     | AKHIR (LEG B)               |            |              |
| 12.    | Kinabatangan | Kinabatangan     | Berkat Setia                | 15         |              |
| 13.    | Kinabatangan | Kinabatangan     | Kg. Seri Manis, Bukit Garam | 10         |              |
| 14.    | Kota Marudu  | Kota Marudu      | Kampung Goshen              | 5          |              |
| 15.    | Kudat        | Kudat            | Quarters SESB               | 5          |              |
| 16.    | Kunak        | Kunak            | Kampung Lormalong           | 2          |              |
| 17.    | Lahad Datu   | Lahad Datu       | Kampung Cocos               | 2          |              |
| 18.    | Nabawan      | Nabawan          | Kg. Sarikan                 | 7          |              |
| 19.    | Beaufort     | Kg. Brunei       | Kg. Bambangan               | 13         | Telah disewa |
| JUMLAH |              |                  |                             | 230        |              |

Sumber: Rekod S.Comm

v. Semakan Audit terhadap projek BBGP mendapati perkara berikut:

- S.Comm telah menerima peruntukan daripada KKMM berjumlah RM17.63 juta dan telah membuat perbelanjaan berjumlah RM11.94 juta bagi projek BBGP tersebut.
- Bagaimanapun, hanya 1 (satu) *link* iaitu *link* Daerah Beaufort (Kg. Brunei – Kg. Bambangan) daripada 19 *link* telah disewakan dan menjana pendapatan kepada S.Comm. Kontrak penyewaan adalah bermula dari tarikh 5 Disember 2014 hingga 4 Disember 2017 dengan kadar RM28,800 setahun mengikut harga pasaran. Sehubungan itu, didapati tidak ada penyambungan kontrak penyewaan setelah tempoh penyewaan tamat. Manakala, 18 *link* yang lain tidak pernah disewakan sejak disiapkan sehingga setakat 30 April 2018. Seterusnya berdasarkan temu bual dengan pegawai berkaitan, pihak S.Comm telah mempromosikan *link* BBGP kepada Celcom namun belum mendapat maklum balas daripada syarikat tersebut.
- Bagi memenuhi syarat kontrak, S.Comm telah melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan mulai bulan Julai 2015 (selepas tamatnya Tempoh Tanggungan Kecacatan) dan sejumlah RM903,929 telah dibelanjakan setakat bulan Ogos 2017. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.7**  
**LAPORAN PENYENGGARAAN RUTIN DAN**  
**BERKALA BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN NOVEMBER 2017**

| BULAN    | PENYENGGARAAN BAGI TAHUN    |                             |           |           | JUMLAH (RM) |
|----------|-----------------------------|-----------------------------|-----------|-----------|-------------|
|          | 2014 (RM)                   | 2015 (RM)                   | 2016 (RM) | 2017 (RM) |             |
| Januari  | Tempoh Tanggungan Kecacatan | Tempoh Tanggungan Kecacatan | 12,000    | 19,010    | 31,010      |
| Februari |                             |                             | 20,748    | 41,599    | 62,347      |

| BULAN     | PENYENGGARAAN BAGI TAHUN |              |              |              | JUMLAH<br>(RM) |
|-----------|--------------------------|--------------|--------------|--------------|----------------|
|           | 2014<br>(RM)             | 2015<br>(RM) | 2016<br>(RM) | 2017<br>(RM) |                |
| Mac       |                          |              | 22,150       | 30,920       | 53,070         |
| April     |                          |              | 63,118       | 26,009       | 89,127         |
| Mei       |                          |              | 3,556        | 41,659       | 45,215         |
| Jun       |                          |              | 31,676       | 45,566       | 77,242         |
| Julai     |                          | 246,428      | 41,300       | 14,323       | 302,051        |
| Ogos      |                          | 2,135        | 18,798       | 30,448       | 51,381         |
| September |                          | 1,035        | 33,942       | -            | 34,977         |
| Oktober   |                          | 5,567        | 6,375        | -            | 11,942         |
| November  |                          | 1,730        | 1,394        | -            | 3,124          |
| Disember  |                          | 110,295      | 32,148       | -            | 142,443        |
| JUMLAH    |                          | 367,190      | 287,205      | 249,534      | 903,929        |

Sumber: Rekod S.Comm

- Bagaimanapun, kerja-kerja penyenggaraan ditangguhkan mulai bulan September 2017 kerana tiang BBGP yang terlibat dengan Projek Lebuhraya Pan Borneo perlu dipindahkan. Mengikut S.Comm, kerja-kerja penyenggaraan akan dimulakan selepas proses memindahkan tiang BBGP siap dilaksanakan.
- Lawatan fizikal ke lima (5) lokasi BBGP di Kinabatangan, Kunak dan Tawau telah dijalankan pada 9 Januari 2018. Keadaan semasa lawatan Audit seperti penemuan dalam jadual dan gambar-gambar berikut:

#### JADUAL 4.8 KAWASAN BBGP YANG DILAWATI

| BIL. | DAERAH       | SAMBUNGAN (LINK) |                             | PENEMUAN AUDIT   |
|------|--------------|------------------|-----------------------------|--|
|      |              | MULA (Leg A)     | AKHIR (Leg B)               |  |
| 1.   | Tawau        | Tawau            | Kongsi 10, Kg. Jawa         | Bekalan elektrik di Leg B telah dipotong.( <b>Gambar 4.1 dan 4.2</b> )   |
| 2.   | Kinabatangan | Kinabatangan     | Estet Kretam/Kg. Lot M      | Bekalan elektrik di Leg B telah dipotong.( <b>Gambar 4.3 dan 4.4</b> )   |
| 3.   | Kinabatangan | Kinabatangan     | Kg. Jaya Baru Kinabatangan  | Bekalan elektrik di Leg B telah dipotong.( <b>Gambar 4.5 dan 4.6</b> )   |
| 4.   | Kinabatangan | Kinabatangan     | Berkat Setia                | Berfungsi dengan baik.   |
| 5.   | Kinabatangan | Kinabatangan     | Kg. Seri Manis, Bukit Garam | Berfungsi dengan baik.   |
| 6.   | Kunak        | Kunak            | Kampung Lormalong           | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Leg A tidak berfungsi walaupun ada bekalan elektrik.(<b>Gambar 4.7</b>)</li> <li>- Leg B tidak dibersihkan (<b>Gambar 4.9</b>)</li> </ul> |
| 7.   | Beaufort     | Kg. Brunei       | Kg. Bambangan               | Telah disewa dan berfungsi dengan baik.  |

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 4.1



Link Tawau – Kongsi 10, Kg. Jawa  
-Kawasan Link Leg B Kongsi 10  
Semasa Pemeriksaan Audit  
(10.01.2018)

GAMBAR 4.2



Link Tawau – Kongsi 10, Kg. Jawa  
- Bekalan Elektrik Telah Dipotong  
(10.01.2018)

GAMBAR 4.3



Link Kinabatangan – Kg. Lot M  
-Kawasan Link Leg B Kg. Lot M Semasa  
Pemeriksaan Audit  
(09.01.2018)

GAMBAR 4.4



Link Kinabatangan – Kg. Lot M  
- Bekalan Elektrik Telah Dipotong  
(09.01.2018)

GAMBAR 4.5



Link Kinabatangan – Kg. Jaya Baru  
- Kawasan Link Leg B Kg. Jaya Baru Semasa  
Pemeriksaan Audit  
(09.01.2018)

GAMBAR 4.6



Link Kinabatangan – Kg. Jaya Baru  
- Bekalan Elektrik Telah Dipotong  
(09.01.2018)

GAMBAR 4.7



Leg A TM Kunak  
- Tidak Berfungsi Semasa Pemeriksaan Audit  
(09.01.2018)



Leg A TM Kunak  
- Maklum Balas : Rectifier Tidak Berfungsi  
(14.03.2018)  
(Sumber: S.Comm)

GAMBAR 4.9



*Link Kunak – Kg. Lormalong*  
- Leg B Kg. Lormalong Tidak Dibersihkan Semasa  
Pemeriksaan Audit  
(09.01.2018)

GAMBAR 4.10



*Link Kunak - Kg. Lormalong*  
- Maklum Balas: Leg B Kg. Lormalong Telah  
Dibersihkan  
(14.03.2018)  
(Sumber: S.Comm)

### Maklum Balas S.Comm yang Diterima pada 21 Mac 2018

S.Comm akan membuat rundingan dan kerjasama dengan pemilik infrastruktur yang lain bagi memastikan penggunaan servis BBGP. S.Comm masih berusaha mencari pelanggan di kawasan BBGP dan akan bekerjasama dengan syarikat GLC yang lain seperti Sabah Net Sdn. Bhd. dan Warisan Harta Sdn. Bhd. untuk menggunakan sambungan BBGP S.Comm. S.Comm melalui SEDCO akan berbincang dengan Kementerian Pembangunan Sumber & Kemajuan Teknologi Maklumat dan Kementerian Pembangunan Perindustrian bagi mendapat bantuan penggunaan serta cara pemasangan yang lebih murah. KKMM melalui mesyuarat BBGP ada mengarahkan pihak telekomunikasi untuk menggunakan perkhidmatan S.Comm di tempat yang diperlukan. Kertas cadangan penyediaan perkhidmatan telah diajukan kepada pihak telekomunikasi pada tahun 2017 dan masih dalam proses pertimbangan. Selain itu, pihak S.Comm akan melakukan lawatan berkala ke atas kawasan BBGP untuk memastikan infrastruktur BBGP berada dalam keadaan baik. Bagi bekalan elektrik di kawasan BBGP tidak berfungsi disebabkan pihak S.Comm hanya akan memasang bekalan elektrik tersebut sekiranya sambungan tersebut digunakan. Pemotongan elektrik adalah langkah bagi menjimatkan kos penyenggaraan dan akan disambung apabila perkhidmatan diperlukan di kawasan tersebut. Pihak S.Comm telah menjalankan pemeriksaan ke atas peralatan di lokasi Leg A TM Kunak dan mendapati peralatan ‘Rectifier’ tidak berfungsi (Gambar 4.8) dan sedang dalam proses memperbaiki/menukar peralatan tersebut yang sememangnya mempunyai jangka hayat tertentu. Pihak S.Comm juga telah melakukan pembersihan ke atas kabinet Leg B Kg. Lormalong (Gambar 4.10).

**c. Projek Pembinaan Menara Telekomunikasi/*Universal Service Provision* (USP)**

- i. Projek *Universal Service Provision* (USP) merupakan projek pembinaan menara telekomunikasi di beberapa kawasan khususnya kawasan luar bandar yang ditetapkan oleh pihak SKMM. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan kadar penerobosan perkhidmatan jalur lebar khususnya di Negeri Sabah di mana kadar penerobosan hanyalah 32%. SKMM telah mengeluarkan *Notification of Approval of The Draft Universal Service Plan And Designation As Universal Service Provider* bertarikh 22 September 2010 bagi pelantikan S.Comm sebagai *Universal Service Provider* untuk sasaran perkhidmatan sejagat yang disebutkan di atas. S.Comm terlibat dengan skop kerja 1 iaitu melibatkan pembinaan 14 menara telekomunikasi *Cluster 24* di Daerah Pitas di mana jumlah kos dan perbelanjaan modal yang akan dibayar daripada dana USP untuk melaksanakan rancangan yang diluluskan adalah tertakluk kepada maksimum RM9.27 juta. Tempoh pembinaan mulai 15 Oktober 2010 dan siap pada 22 Ogos 2011. Seterusnya pada 14 Julai 2011, SKMM telah mengeluarkan *Notification of Approval of The Draft Universal Service Plan And Designation As Universal Service Provider* bagi pembinaan 13 menara telekomunikasi *Cluster 43* di Daerah Sukau, Sandakan dengan kos maksimum RM10 juta. Tempoh pembinaan mulai 26 Julai 2011 serta siap pada 22 Mac 2012. Semakan Audit mendapati tidak ada sebarang perjanjian secara bertulis antara SKMM dan S.Comm mengenai projek USP berkaitan.
- ii. Semakan Audit mendapati bagi pembinaan USP di *Cluster 24* dan *Cluster 43*, pihak S.Comm telah menyewa tapak tanah daripada penduduk kampung, syarikat dan Jabatan Perhutanan Sabah. USP yang telah siap dibina kemudiannya disewakan kepada syarikat telekomunikasi iaitu Celcom Axiata Berhad (Celcom) di *Cluster 24* dan DiGi Telecommunication Sdn. Bhd. (DiGi) di *Cluster 43*. Semakan lanjut mendapati pihak S.Comm telah membayar sejumlah RM1.31 juta untuk penyewaan tapak tanah dan menerima sejumlah RM1.26 juta untuk penyewaan USP daripada pihak Celcom dan DiGi bagi tempoh tahun 2014 hingga 2017. Ini bermaksud bayaran penyewaan tanah melebihi RM57,605 berbanding terimaan sewa daripada Celcom dan DiGi. Butiran terperinci adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.9**  
**PEMBAYARAN SEWA TAPAK TANAH DAN PENERIMAAN**  
**SEWA USP CLUSTER 24 DAN CLUSTER 43 BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017**

| TAHUN         | PEMBAYARAN SEWA TAPAK TANAH DAN PENERIMAAN SEWA USP |                |               |   |                |               | JUMLAH           |                  |               |
|---------------|---|----------------|---------------|---|----------------|---------------|------------------|------------------|---------------|
|               | CLUSTER 24 – PITAS<br>PENYEWA – CELCOM              |                |               | CLUSTER 43 – SANDAKAN<br>PENYEWA - DIGI |                |               |                  |                  |               |
|               | BAYAR<br>(RM)                                       | TERIMA<br>(RM) | BEZA<br>(RM)  | BAYAR<br>(RM)                           | TERIMA<br>(RM) | BEZA<br>(RM)  | BAYAR<br>(RM)    | TERIMA<br>(RM)   | BEZA<br>(RM)  |
| 2014          | 160,850   | 160,250        | 600           | 174,715                                 | 174,715        | -             | 335,565          | 334,965          | 600           |
| 2015          | 161,100   | 160,500        | 600           | 180,670                                 | 180,670        | -             | 341,770          | 341,170          | 600           |
| 2016          | 162,198   | 161,493        | 705           | 181,520                                 | 176,760        | 4,760         | 343,718          | 338,253          | 5,465         |
| 2017          | 140,262   | 125,122        | 15,140        | 151,900                                 | 116,100        | 35,800        | 292,162          | 241,222          | 50,940        |
| <b>JUMLAH</b> | <b>624,410</b>                                      | <b>607,365</b> | <b>17,045</b> | <b>688,805</b>                          | <b>648,245</b> | <b>40,560</b> | <b>1,313,215</b> | <b>1,255,610</b> | <b>57,605</b> |

Sumber: Rekod S.Comm

- iii. Analisis Audit terhadap pembayaran sewa tapak tanah dan penerimaan sewa USP bagi tempoh di atas mendapati, pembayaran sewa tapak tanah melebihi terimaan sewa USP sebanyak RM57,605. Ini disebabkan kadar sewa daripada tuan tanah melebihi kadar sewa yang dikenakan kepada syarikat telekomunikasi terbabit. Seterusnya semakan terhadap perjanjian antara S.Comm dan Celcom yang ditandatangani pada 27 Mac 2012, menyatakan *S.Comm shall have the right to claim from Celcom for the monthly rental for the respective sites commencing from the Handover Date as per Appendix (List of Sites) and Appendix 4 (Claimable Amount) respectively. In the event of discrepancies with respect to the monthly rental payable a party shall have the right to recover from the other Party for refund of amount overpaid or claim for amount underpaid subject to verification thereof. For the avoidance of doubt, the amount of the monthly rental for the respective sites claimable by S.Comm from Celcom shall be subject to change.* Manakala perjanjian antara S.Comm dan DiGi yang ditandatangani pada 24 April 2013, perenggan 6.8(d) menyatakan *S.Comm may recover the land rental amount for each site commencing from the Handover Date from DiGi as stated under Appendix 1.*
- iv. S.Comm telah mengemukakan tuntutan bayaran penyewaan USP termasuk tunggakan kepada pihak Celcom dan DiGi setiap bulan bermula tahun 2014 dan tahun 2016 masing-masing. Setakat bulan Disember 2017, pihak S.Comm telah menuntut baki pembayaran tertunggak daripada kedua-dua syarikat terbabit, iaitu berjumlah RM17,045 daripada Celcom bagi tempoh bulan Januari 2014 hingga Disember 2017 dan RM40,560 daripada DiGi bagi tempoh bulan Januari 2016 hingga Disember 2017.
- v. Mengikut klaus 7.1 perjanjian penyewaan yang dimeterai dengan Celcom, kadar penyenggaraan yang ditetapkan adalah RM250 setiap

tiga (3) bulan (*grass cutting/drainage/access road inspection*) atau pada kadar RM83/bulan/lokasi. Semakan Audit mendapati pihak S.Comm membelanjakan sejumlah RM21,840 sepanjang tempoh tahun 2014 hingga 2017 bagi penyenggaraan pemotongan rumput di Cluster 24 seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 4.10  
PERBELANJAAN PENYENGGARAN USP  
BAGI CLUSTER 24 TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2017**

| BUTIRAN                     | PERBELANJAAN PENYENGGARAAN BAGI TAHUN |              |              |              | JUMLAH<br>(RM) |
|-----------------------------|---------------------------------------|--------------|--------------|--------------|----------------|
|                             | 2014<br>(RM)                          | 2015<br>(RM) | 2016<br>(RM) | 2017<br>(RM) |                |
| Cluster 24 – Pitas (Celcom) | 3,360                                 | 8,280        | 3,660        | 6,540        | 21,840         |

Sumber: Rekod S.Comm

- vi. Lawatan fizikal ke tiga (3) lokasi USP di Sandakan dan Pitas telah dijalankan pada 10 dan 11 Januari 2018. Keadaan semasa lawatan Audit seperti penemuan dalam jadual dan gambar-gambar berikut:

**JADUAL 4.11  
KAWASAN MENARA USP YANG DILAWATI**

| BIL. | DAERAH   | LOKASI USP   | PENEMUAN AUDIT   |
|------|----------|--------------|--|
| 1.   | Sandakan | Ample Valley | Persekutaran menara bersih.  |
| 2.   | Pitas    | Kg. Datong   | Persekutaran Menara USP tidak disenggarakan dengan baik. ( <b>Gambar 4.11 dan 4.13</b> ) |
| 3.   | Pitas    | Kg.Mempakad  |  |

Sumber: Jabatan Audit Negara

**GAMBAR 4.11**



USP Kg. Datong, Pitas

- Kawasan Menara USP Tidak Disenggara Dengan Baik Semasa Pemeriksaan Audit (11.01.2018)

**GAMBAR 4.12**



USP Kg. Datong, Pitas

- Maklum Balas: Kawasan Menara USP Telah Disenggara (12.03.2018)
- (Sumber: S.Comm)

**GAMBAR 4.13**



USP Kg. Mempakad, Pitas

- Kawasan Menara USP Tidak Disenggara Dengan Baik Semasa Pemeriksaan Audit (11.01.2018)

**GAMBAR 4.14**



USP Kg. Mempakad, Pitas

- Maklum Balas: Kawasan Menara Telah Disenggara (12.03.2018)
- (Sumber: S.Comm)

### **Maklum balas S.Comm yang diterima pada 21 Mac 2018**

*S.Comm sedang membuat tindakan susulan bagi menyelesaikan tunggakan daripada syarikat Celcom dan DiGi. Kedua-dua pihak sedang dalam proses terakhir untuk membuat bayaran tunggakan. Manakala penyenggaraan bagi kawasan USP telah dilakukan (Gambar 4.12 dan Gambar 4.14).*

#### **d. Kabel Gentian Optik BIMP EAGA**

- i. Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) melancarkan inisiatif pada tahun 1994 untuk mempercepat pembangunan ekonomi di wilayah BIMP-EAGA. BIMP-EAGA Rink merupakan inisiatif pembangunan telekomunikasi yang terdiri daripada sistem kabel gentian dasar laut dan darat bertujuan untuk memudahkan perhubungan langsung dan membenarkan perkhidmatan telekomunikasi di BIMP-EAGA untuk mengembangkan, menyambung dan menyediakan rangkaian kepelbagaian dengan seluruh negara ASEAN.
- ii. Brunei International Gateway Sdn. Bhd. (BIG) dari Brunei Darussalam, S.Comm untuk Sabah dan EA-TRILINK untuk Filipina Selatan adalah syarikat yang dilantik oleh Kerajaan masing-masing sebagai Agensi Pelaksana untuk berkolaborasi dan bekerjasama dalam membangunkan kabel gentian optik dasar laut dan darat menghubungkan Brunei Darussalam (Brunei), Sabah (Malaysia), Filipina Selatan dan Wilayah Utara-Timur Indonesia (Kalimantan dan Sulawesi) di bawah Sistem Kabel BIMP-EAGA Rink yang juga dikenali sebagai *BEST Cable*.
- iii. Objektif BIMP-EAGA Rink adalah untuk menyediakan hibrid infrastruktur komunikasi yang membolehkan akses dan perkhidmatan kapasiti antarabangsa berkelajuan tinggi dan menyediakan pilihan penamatan dan transit untuk rantau BIMP-EAGA. Manakala manfaat yang akan diperolehi adalah meningkatkan infrastruktur dan kemudahan telekomunikasi, daya tahan rangkaian menggunakan laluan berlebihan dan pelbagai untuk sambungan ke Singapura dan Hong Kong, hab komunikasi, mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan serta membangunkan kapasiti sumber manusia.
- iv. S.Comm telah menandatangani Perjanjian *Non-Disclosure* dengan BIG dan EA-TRILINK serta *Memorandum of Understanding* (MoU) telah ditandatangani dengan BIG pada 10 Julai 2012 selepas *Government-to-Government* (G2G) ditandatangani pada hari yang sama. Berdasarkan

MoU tersebut, S.Comm akan membina Stesen *Landing Cable* di tapak-tapak yang dicadangkan di Menumbok, Kuala Penyu dan Tawau untuk memudahkan Sistem Kabel BIMP-EAGA Rink.

- v. Ringkasan tindakan IA Projek BIMP-EAGA Rink bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 4.12**  
**KRONOLOGI TINDAKAN IA BAGI TEMPOH 2014 HINGGA 2016**

| TARIKH               | BUTIRAN  |
|----------------------|--|
| Februari 2014        | <i>Formation of Best Cable Corporation (BCC) as investment company</i>   |
| 21 Feb 2014          | <i>MOU BCC and CNTIC (China)/NMV (Canada) in Davao, Mindanao</i>         |
| 2 & 3 Mei 2014       | <i>MOU BCC and CNTIC (China)/NMV (Canada) in Beijing, China</i>          |
| Pertengahan Mei 2014 | <i>West Ground Breaking at Brunei Darussalam (Peringkat Kementerian)</i> |
| Penghujung Mei 2014  | <i>Mid Ground Breaking at Sabah (Peringkat Kementerian)</i>              |
| Awal Jun 2014        | <i>East Ground Breaking at Mindanao (Peringkat Kementerian)</i>          |
| 3 Jun 2014           | <i>Submarine Cable Landing Centre approved by SKMM (Sabah)</i>           |
| 16 Mac 2016          | <i>Satellite Hub approved by SKMM (Sabah)</i>                            |

Sumber: Rekod S.Comm

- vi. Semakan Audit terhadap bajet S.Comm bagi tahun 2018 mendapati S.Comm mengunjurkan pendapatan daripada Best Cable Corporation berjumlah RM1.72 juta hasil daripada penjualan kabel kepada BIMP-EAGA Rink. Bagaimanapun, penjualan kabel kepada BIMP-EAGA Rink masih belum dilaksanakan setakat bulan April 2018 kerana projek Kabel Gentian Optik BIMP EAGA sedang menunggu dana untuk diteruskan.

#### e. Sasaran Pendapatan dan Keuntungan

- i. Bagi tahun 2014 hingga 2017, S.Comm menyasarkan pendapatan operasi jualan di antara RM5.37 juta hingga RM9.56 juta. Manakala keuntungan disasarkan berjumlah RM1.65 juta hingga RM3.91 juta bagi keempat-empat tahun tersebut.
- ii. Semakan Audit mendapati pendapatan yang diperolehi pada tahun 2014 hingga 2017 kurang dari sasaran yang ditetapkan iaitu kurang antara 57.4% hingga 69.2% yang berjumlah antara RM3.08 juta hingga RM6.69 juta. Pada tahun 2014, S.Comm menanggung kerugian berjumlah RM1.43 juta berbanding sasaran keuntungan berjumlah RM1.69 juta. Manakala pada tahun 2015 dan 2016, S.Comm menjana keuntungan bagi operasi penjualan masing-masing berjumlah RM235,318 dan RM23,721 walaupun belum mencapai sasaran keuntungan pada kedua-dua tahun tersebut. Bagaimanapun bagi tahun 2017, S.Comm menanggung kerugian berjumlah RM0.13 juta berbanding sasaran keuntungan berjumlah RM3.91 juta. Analisis Audit mendapati sasaran

pendapatan dan keuntungan tidak dapat dicapai kerana S.Comm meletakkan sasaran pendapatan yang terlalu tinggi bagi jualan *Indefeasible Right of Use* (IRU) bagi keempat-empat tahun berkenaan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.13**  
**PENCAPIAAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN**  
**BERBANDING SASARAN OPERASI PENJUALAN BAGI TAHUN 2014 SEHINGGA 2017**

| Butiran                                | 2014              |                   |                | 2015              |                   |                | 2016              |                   |                | 2017*             |                   |                |
|--|-------------------|-------------------|----------------|-------------------|-------------------|----------------|-------------------|-------------------|----------------|-------------------|-------------------|----------------|
|  | Sasaran (RM Juta) | Sebenar (RM Juta) | Beza (RM Juta) | Sasaran (RM Juta) | Sebenar (RM Juta) | Beza (RM Juta) | Sasaran (RM Juta) | Sebenar (RM Juta) | Beza (RM Juta) | Sasaran (RM Juta) | Sebenar (RM Juta) | Beza (RM Juta) |
| <b>Pendapatan:</b>                     |                   |                   |                |                   |                   |                |                   |                   |                |                   |                   |                |
| WiFi & Jualan Jalur Lebar              | 1.24              | 0.43              | (0.81)         | 1.99              | 0.28              | (1.71)         | 0.71              | 0.15              | (0.56)         | 0.47              | 0.25              | (0.22)         |
| <i>Indefeasible Right Of Use (IRU)</i> | 2.28              | 0.33              | (1.95)         | 4.39              | 0.49              | (3.90)         | 3.25              | 0.47              | (2.78)         | 3.25              | 0.76              | (2.49)         |
| Projek BBGP                            | 1.77              | 1.46              | (0.31)         | 0.68              | 1.76              | 1.08           | -                 | -                 | -              | -                 | -                 | -              |
| IP Reselling                           | -                 | -                 | -              | -                 | -                 | -              | 2.05              | -                 | (2.05)         | 2.28              | -                 | (2.28)         |
| Pendapatan Lain                        | 0.08              | 0.08              | -              | 1.48              | 1.35              | (0.13)         | 3.42              | 2.28              | (1.14)         | 3.56              | 1.86              | (1.70)         |
| <b>JUMLAH PENDAPATAN</b>               | <b>5.37</b>       | <b>2.29</b>       | <b>(3.08)</b>  | <b>8.53</b>       | <b>3.88</b>       | <b>(4.65)</b>  | <b>9.43</b>       | <b>2.90</b>       | <b>(6.53)</b>  | <b>9.56</b>       | <b>2.87</b>       | <b>(6.69)</b>  |
| KOS JUALAN                             | 0.35              | 0.24              | (0.11)         | 0.81              | 0.72              | 0.09           | 1.68              | 0.15              | (1.53)         | 1.24              | 0.46              | (0.78)         |
| <b>Perbelanjaan:</b>                   |                   |                   |                |                   |                   |                |                   |                   |                |                   |                   |                |
| Faerah                                 | 0.38              | 0.56              | 0.18           | 0.36              | 0.36              | -              | 0.001             | 0.46              | 0.46           | 0.008             | 0.46              | 0.45           |
| Penyewaan                              | 0.10              | 0.09              | (0.01)         | 0.32              | 0.11              | (0.21)         | 0.29              | 0.11              | (0.18)         | 0.29              | 0.10              | (0.19)         |
| Kos Personel                           | 0.35              | 0.30              | (0.05)         | 1.09              | 0.59              | (0.50)         | 1.30              | 0.57              | (0.73)         | 1.12              | 0.60              | (0.52)         |
| Kemudahan Kaktangan                    | 0.08              | 0.00              | (0.08)         | 0.07              | 0.02              | (0.05)         | 0.12              | 0.01              | (0.11)         | 0.09              | 0.02              | (0.07)         |
| Perbelanjaan Pentadbiran               | 1.67              | 1.66              | (0.01)         | 3.72              | 1.76              | (1.96)         | 3.89              | 1.50              | (2.39)         | 0.36              | 0.08              | (0.28)         |
| Susut nilai                            | -                 | -                 | -              | -                 | -                 | -              | -                 | -                 | -              | 1.65              | 1.24              | (0.41)         |
| Yuran Profesional                      | 0.68              | 0.84              | (0.16)         | 0.05              | 0.07              | 0.02           | 0.05              | 0.04              | (0.01)         | 0.73              | 0.01              | (0.72)         |
| Jualan dan Pemasaran                   | 0.04              | 0.01              | (0.03)         | 0.08              | 0.02              | (0.06)         | 0.46              | 0.02              | (0.44)         | 0.13              | 0.016             | (0.11)         |
| Perbelanjaan Lain                      | 0.02              | 0.02              | -              | 0.03              | 0.003             | 0.03           | 0.03              | 0.01              | (0.02)         | 0.03              | 0.02              | (0.01)         |
| <b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>             | <b>3.33</b>       | <b>3.48</b>       | <b>0.15</b>    | <b>5.73</b>       | <b>2.93</b>       | <b>(2.80)</b>  | <b>6.11</b>       | <b>2.72</b>       | <b>(3.39)</b>  | <b>4.41</b>       | <b>2.54</b>       | <b>(1.87)</b>  |
| <b>KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN)</b>          | <b>1.69</b>       | <b>(1.43)</b>     | <b>(3.12)</b>  | <b>2.00</b>       | <b>0.24</b>       | <b>(1.76)</b>  | <b>1.65</b>       | <b>0.03</b>       | <b>(1.62)</b>  | <b>3.91</b>       | <b>(0.13)</b>     | <b>(4.04)</b>  |

Sumber: Rekod S.Comm

Nota: (\*) Penyata Kewangan Tahun 2017 Belum Diaudit

**Maklum Balas S.Comm yang Diterima pada 21 Mac 2018**

S.Comm telah mengemukakan sasaran pendapatan dan perbelanjaan syarikat bagi tahun 2018 yang lebih realistik dengan keadaan semasa. S.Comm akan terus melaksanakan segala rancangan yang telah diletakkan dalam ‘Master Plan’ walaupun terdapat arahan penglibatan syarikat lain secara eksklusif di dalam Negeri Sabah.

**f. Pemasaran dan Promosi**

- i. Sepanjang tempoh tahun 2014 hingga 2017, S.Comm telah menyediakan jadual tahunan bagi melaksanakan pemasaran dan promosi melalui penghantaran e-mel, panggilan telefon dan mengikut pameran yang dijalankan oleh agensi Kerajaan dan swasta.
- ii. Semakan Audit mendapati S.Comm telah membelanjakan RM30,527 bagi maksud pemasaran dan promosi penyewaan *broadband* sepanjang tempoh tersebut. Analisis Audit mendapati pada tahun 2014, daripada 26 *proposal* yang dihantar kepada pelanggan hanya empat (4) atau 15.4% yang berjaya disewakan. Bagi tahun 2015, hanya satu (1) atau 1.3% daripada 76 *proposal* berjaya disewakan dan bagi tahun 2016, tidak ada yang berjaya disewakan daripada 72 *proposal* yang dikemukakan. Manakala bagi tahun 2017 pula, hanya tiga (3) atau 2.5% daripada 119 *proposal* berjaya disewakan. Antara sebab tidak berjaya adalah kos pemasangan yang tinggi, keperluan menyediakan *end user*, kawasan yang memerlukan perkhidmatan tidak termasuk dalam rangkaian kabel sedia ada, pelanggan telah menyewa dengan Telekom Malaysia dan mengharapkan harga rendah daripada pasaran.

**Maklum Balas S.Comm yang Diterima pada 21 Mac 2018**

*S.Comm akan membuat kerjasama dengan GLC dan pemilik infrastruktur yang lain dan memohon bantuan Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah.*

Pada pendapat Audit, pengurusan operasi S.Comm adalah kurang cekap kerana projek *Backhaul* tidak dapat disiapkan mengikut perancangan, kesemua 19 *link* Projek Jalur Lebar untuk Orang Ramai (*Broadband for the General Population - BBGP*) tidak disewakan dan penyewaan USP tidak menguntungkan.

**4.6.3. Tadbir Urus**

4.6.3.1. Tadbir urus merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Pihak Audit telah menilai amalan tadbir urus syarikat berdasarkan *Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2017*, *The Green Book-Enhancing Board Effectiveness April 2006*, Garis Panduan ahli

Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [*Handbook MKD*], Akta Syarikat Amalan Terbaik/Bahagian A3 Kod Tadbir Urus Korporat untuk Badan Berkanun Negeri Sabah dan syarikat-syarikat subsidiari yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang diluluskan oleh Jemaah Kabinet Negeri pada 26 Januari 2010, 1PP – WP (Pelantikan Lembaga Pengarah BBP Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Dalam Syarikat Subsidiari) dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditors*.

4.6.3.2. Secara keseluruhannya amalan tadbir urus S.Comm adalah memuaskan berdasarkan aspek amalan terbaik yang telah diamalkan oleh S.Comm iaitu pelantikan dan peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, penyediaan dan pelaksanaan Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama serta *Standard Operating Procedures*.

4.6.3.3. Manakala aspek tadbir urus yang tidak diamalkan oleh S.Comm adalah seperti penemuan Audit berikut:

**a. Pengerusi**

Berdasarkan MCCG 2017 *practice* 1.3, terma tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah ditentukan secara bertulis dan jelas. Semakan Audit mendapati terma tugas dan tanggungjawab Pengerusi S.Comm tidak disediakan secara bertulis.

**Maklum Balas S.Comm yang Diterima pada 21 Mac 2018**

*S.Comm akan mengguna pakai bidang-bidang tugas di peringkat anak syarikat yang bersesuaian untuk digunakan dengan merujuk kepada bidang tugas Pengerusi SEDCO.*

Pada pendapat Audit, peranan Pengerusi adalah memuaskan kerana mengamalkan tiga (3) daripada empat (4) amalan terbaik.

**b. Lembaga Pengarah**

i. Berdasarkan MCCG 2017 *practice* 3.1, Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan kod etika rasmi syarikat. Manakala MCCG 2017 *practice* 2.1 menyatakan keperluan untuk mewujudkan piagam/terma rujukan Lembaga Pengarah untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab ahli Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawab fidusiari. Semakan Audit mendapati kedua-dua kod etika rasmi syarikat dan

Piagam Lembaga Pengarah tidak disediakan. Pada pendapat Audit, adalah menjadi amalan terbaik untuk Lembaga Pengarah menyediakan piagam Lembaga Pengarah yang memperincikan pembahagian tugas dan tanggungjawab antara Lembaga Pengarah, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat serta komitmen setiap ahli Lembaga Pengarah.

- ii. Bahagian A2.1 Kod Tadbir Urus Korporat untuk Badan Berkanun Negeri Sabah dan syarikat-syarikat subsidiari yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 menyatakan Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun atau seberapa kerap yang boleh. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah telah bermesyuarat tiga (3) kali bagi tahun 2014 dan 2015 dan sekali bagi tahun 2016 dan 2017 masing-masing.

#### **Maklum Balas S.Comm yang Diterima pada 21 Mac 2018**

*S.Comm akan menggunakan pakai bidang-bidang tugas Lembaga Pengarah di peringkat anak syarikat yang bersesuaian untuk digunakan. Selain itu, S.Comm tidak berjaya untuk melakukan mesyuarat syarikat disebabkan oleh kekangan masa ahli. S.Comm maklum akan perkara ini dan akan melakukan mesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.*

Pada pendapat Audit, peranan Lembaga Pengarah adalah memuaskan kerana mematuhi enam (6) daripada 10 amalan terbaik.

#### **c. Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan**

- i. Berdasarkan *Green Book* Perenggan 1.2.3, keanggotaan JKA hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) ahli dan tidak melebihi empat (4) ahli sama ada di kalangan Lembaga Pengarah atau orang luar yang memiliki kepakaran kewangan. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit dan Pemeriksa (AEC) telah ditubuhkan pada 26 Mei 2011 dan dianggotai oleh dua (2) ahli sahaja setelah Pengerusinya bersara pada pertengahan tahun 2015. Sehingga tarikh pengauditan, belum ada pengisian kekosongan jawatan sebagai Pengerusi AEC.
- ii. *Chartered Institute of Internal Auditors, What Every Director Should Know – How to get the most from your internal audit*, muka surat 5 menyatakan JKA hendaklah mengadakan perjumpaan dengan Ketua Audit Dalaman sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pengurusan syarikat. Semakan Audit mendapati perjumpaan dengan

Ketua Audit Dalaman sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pengurusan syarikat tidak dilakukan.

#### **Maklum balas S.Comm yang Diterima pada 21 Mac 2018**

*Pihak SEDCO memaklumkan bahawa En. Azrul Bin Ahmad merupakan Penggerusi baharu AEC yang telah dilantik. Pelantikan baru juga akan dibuat bagi mencukupkan kuota minimum ahli dan akan dibuat oleh Sekretariat AEC.*

Pada pendapat Audit, peranan JKA perlu diperbaiki dari segi keanggotaan, dan perbincangan antara kedua pihak tanpa pengurusan syarikat selaras dengan kehendak amalan tadbir urus yang baik.

#### **d. Pendahuluan Daripada SEDCO**

- i. Pada tahun 2011 dan 2012, pihak S.Comm telah menerima pendahuluan daripada SEDCO berjumlah RM14 juta untuk membiayai Projek *Backhaul*. Pendahuluan ini perlu dibayar balik apabila projek dapat menjanakan pendapatan.
- ii. Semakan Audit mendapati S.Comm hanya mampu buat bayaran balik sekali sahaja, iaitu pada tahun 2012 berjumlah RM2.50 juta. Setakat akhir tahun 2017, baki pendahuluan adalah berjumlah RM11.50 juta. Butiran lanjut seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 4.14  
PENDAHULUAN YANG DITERIMA  
DARIPADA SEDCO SETAKAT 31 DISEMBER 2017**

| BIL.   | BUTIRAN                 | TERIMAAN   |                    | BAYARAN BALIK |                    | BAKI<br>PENDAHULUAN<br>PADA 2017<br>(RM Juta) |
|--------|-------------------------|------------|--------------------|---------------|--------------------|---|
|        |                         | TARIKH     | AMAUN<br>(RM Juta) | TARIKH        | AMAUN<br>(RM Juta) |   |
| 1.     | 1 <sup>st</sup> Advance | 12.10.2011 | 5                  | 02.01.2013    | 2.50               | 2.50  |
| 2.     | 2 <sup>nd</sup> Advance | 03.08.2012 | 5                  | -             | -                  | 5   |
| 3.     | 3 <sup>rd</sup> Advance | 09.11.2012 | 4                  | -             | -                  | 4   |
| JUMLAH |                         |            | 14                 |               | 2.50               | 11.50   |

Sumber: Rekod S.Comm

#### **Maklum Balas S.Comm yang Diterima pada 21 Mac 2018**

*S.Comm mensasarkan untuk membayar balik pendahuluan setelah Projek BIMP-EAGA beroperasi yang dijangkakan pada tahun 2018.*

#### e. Pembayaran Dividen Kepada SEDCO

- i. Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 7 Tahun 2001 menetapkan syarikat Kerajaan yang mencatatkan keuntungan bagi sesuatu tahun kewangan perlu membayar dividen sekurang-kurangnya 10 peratus daripada keuntungan tersebut kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan lebih diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjaskan kedudukan kewangan syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati sepanjang penubuhannya, S.Comm tidak pernah mengisyiharkan dividen kepada SEDCO kerana masih berada dalam kedudukan kerugian terkumpul pada 31 Disember 2016 yang berjumlah RM2.71 juta.

**Pada pendapat Audit, secara umumnya tadbir urus korporat S.Comm adalah memuaskan.**

#### 4.7. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan S.Comm dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan Lembaga Pengarah serta pengurusan S.Comm mengambil langkah proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan seperti berikut:

- 4.7.1. meningkatkan promosi untuk penyewaan *link* BBGP dan membuat usaha sama/kolaborasi dengan syarikat komunikasi yang lebih besar untuk menjimatkan kos dan juga untuk bersaing;
- 4.7.2. mengkaji semula sasaran pendapatan supaya lebih realistik dan boleh dicapai;
- 4.7.3. memastikan setiap pelaksanaan projek dimeterai dengan perjanjian/kontrak yang mengandungi klausa kontrak yang seimbang dari aspek kepentingan antara S.Comm dengan Kerajaan atau agensi-agensi lain; dan
- 4.7.4. meningkatkan amalan tadbir urus korporat dengan mematuhi amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan pekeliling Kerajaan terutamanya dalam aspek Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan bagi menjaga kepentingan pemegang saham.

## **BAHAGIAN II**

**PENGURUSAN KEWANGAN  
KEMENTERIAN/JABATAN/  
AGENSI NEGERI**



## **PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI**

### **5. PENG AUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)**

#### **5.1. PENDAHULUAN**

5.1.1. Pengurusan kewangan sesebuah organisasi adalah merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan, pemantauan dan penilaian. Proses ini perlu dilaksanakan berdasarkan dua (2) prinsip utama iaitu legaliti dan akauntabiliti. Ini bermaksud seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sumber awam perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi serta mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaianya kepada pegawai yang mewakilkan kuasa.

5.1.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara menilai prestasi pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

5.1.3. Pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama akan diberikan markah bagi tujuan penarafan. Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap penarafan yang Cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Jabatan/Agensi Negeri akan diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.1  
PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**

| MARKAH KESELURUHAN (%) | TAHAP            | PENARAFAN |
|------------------------|------------------|-----------|
| 90 hingga 100          | Cemerlang        |           |
| 80 hingga 89.9         | Baik             |           |
| 70 hingga 79.9         | Memuaskan        |           |
| 60 hingga 69.9         | Kurang Memuaskan |           |
| 59.9 ke bawah          | Tidak Memuaskan  |           |

#### **5.1.4. Penambahbaikan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)**

5.1.4.1. Pada tahun 2017, kajian semula terhadap pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak dan juga *lessons learnt* daripada pengauditan yang dilaporkan. Antara isu yang dikenal pasti dan dikaji semula adalah:

- a. Audit dinilai secara menyeluruh dan tidak diklasifikasikan mengikut kriteria yang tertentu seperti peruntukan, bilangan pusat tanggungjawab, perbelanjaan, hasil dan lain-lain;
- b. persampelan Audit tidak mengambil kira saiz sesebuah Audit; dan
- c. aspek risiko tidak diterapkan dalam pemberian markah dan keberkesanan kriteria.

5.1.4.2. Pindaan kepada Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) telah mengambil kira penambahbaikan berikut:

- a. klasifikasi Kementerian kepada dua (2) kategori iaitu Jabatan Mengakaun Sendiri dan Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri;
- b. persampelan – saiz sampel mengambil kira sampel yang dilaksanakan dalam pengauditan interim penyata kewangan, pengauditan prestasi, tadbir urus dan lain-lain;
- c. setiap kriteria audit diberikan tahap risiko;
- d. tempoh pengauditan bagi Jabatan/Agensi yang dilaksanakan secara pusingan; dan
- e. format pelaporan bagi pengauditan pengurusan kewangan (AI) disediakan dengan berteraskan konsep "ABC" iaitu tepat, padat dan sempurna (*accuracy, brevity and completeness*).

#### **5.1.5. Penetapan Risiko Terhadap Kriteria Audit**

Risiko adalah kebarangkalian berlakunya perkara-perkara yang tidak sepatutnya atau berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan yang memberi impak kepada pengurusan kewangan. Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Jabatan/Agensi Negeri mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil

tindakan susulan. Skala pemarkahan bagi setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.2**  
**SKALA PEMARKAHAN BERDASARKAN TAHAP RISIKO**

| SKALA | TAHAP RISIKO | KETERANGAN   |
|-------|--------------|--|
| 3     | Tinggi       | Ketidakpatuhan yang memberi impak besar kepada kawalan dalaman organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran, kehilangan dan penyelewengan. |
| 2     | Sederhana    | Ketidakpatuhan yang memberi impak sederhana kepada pengurusan kewangan dan boleh menjelaskan operasi organisasi dalam jangka panjang.                                |
| 1     | Rendah       | Ketidakpatuhan yang memberi impak kecil kepada pengurusan kewangan dan tidak menjelaskan operasi organisasi.   |

**5.1.5.1. Memandangkan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) pada tahun 2017 menggunakan pendekatan baru iaitu berdasarkan risiko, hanya prestasi kewangan tahun 2017 sahaja dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 dan tiada perbandingan dengan prestasi tahun sebelum.**

## **5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

- 5.2.1. menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 5.2.2. menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;
- 5.2.3. menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 5.2.4. menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

## **5.3. SKOP PENGAUDITAN**

5.3.1. Bagi Jabatan Negeri, semakan Audit merangkumi lapan (8) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2017 melibatkan 19 Jabatan.

5.3.2. Bagi Agensi Negeri penilaian telah dibuat terhadap sembilan (9) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang

Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Pengauditan telah dijalankan di 10 Agensi. Pengauditan telah dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2017 serta penyata kewangan Agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

#### **5.4. METODOLOGI PENG AUDITAN**

5.4.1. Pengauditan dijalankan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko yang disediakan berasaskan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) yang diterima pakai oleh negara anggota *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). ISSAI 4000 *Compliance Audit* menggalakkan amalan tadbir urus organisasi yang baik dengan memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan polisi yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

5.4.2. Semakan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dipilih. Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh dan memperkuuhkan ketepatan penemuan Audit.

#### **5.5. PENEMUAN AUDIT**

##### **5.5.1. Prestasi Keseluruhan**


5.5.1.1. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 29 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan 20 Kementerian/Jabatan/Agensi mencapai tahap Cemerlang, enam (6) Kementerian/Jabatan/Agensi tahap Baik, dua (2) Jabatan/Agensi tahap Memuaskan dan satu (1) Jabatan/Agensi tahap tidak memuaskan. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi secara keseluruhan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.1**  
**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017**



Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 29 Kementerian/Jabatan/Agensi yang dinilai pada tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.2**  
**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**  
**KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI SABAH TAHUN 2017**



Cemerlang

Baik


Memuaskan

Kurang Memuaskan

Sumber: Jabatan Audit Negara


### 5.5.2. Prestasi Kementerian/Jabatan Mengikut Kawalan

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi 19 Kementerian/Jabatan Negeri mendapat lima (5) daripada lapan (8) kawalan berada pada tahap Cemerlang, dua (2) kawalan berada pada tahap Baik dan satu (1) kawalan berada pada tahap Memuaskan seperti carta berikut:



Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi 10 Agensi Negeri pula mendapat enam (6) daripada sembilan (9) kawalan berada pada tahap Cemerlang, dua (2) kawalan berada pada tahap Baik dan masing-masing satu (1) kawalan berada pada tahap Memuaskan dan Kurang Memuaskan seperti carta berikut:


**CARTA 5.4**  
**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN AGENSI**  
**NEGERI BAGI TAHUN 2017 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN**



#### a. Kawalan Pengurusan


- Secara keseluruhannya, bagi Kementerian/Jabatan Negeri, 14 Kementerian/Jabatan mencapai tahap Cemerlang, tiga (3) Jabatan berada pada tahap Baik dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Memuaskan dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Kurang Memuaskan dalam elemen Kawalan Pengurusan. Bagi Agensi Negeri, tujuh (7) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan tiga (3) berada pada tahap Baik. Pencapaian Kementerian/Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.5**  
**PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN**  
**KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017**




- Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi 19 Kementerian/Jabatan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.6**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN KEMENTERIAN/JABATAN**



- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 51 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi 10 Agensi adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.7**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN (AGENSI)**



- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.3**  
**KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN**


| BIL. | PENEMUAN AUDIT  | KETIDAKPATUHAN  |   | IMPAK   |
|------|---|---|---|---|
|      |   | JABATAN   | AGENSI  |   |
| 1.   | Kursus/Latihan tidak diberi berkaitan tugas yang dilaksanakan.                | i. Jabatan Cetak Negeri Sabah<br>ii. Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah<br>iii. Pejabat Daerah Keningau<br>iv. Pejabat Daerah Tenom<br>v. Pejabat Daerah Kunak | i. Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah  | Boleh menyebabkan:<br>i. Pegawai melaksanakan tugas tidak mengikut peraturan/kaedah/proses kerja terkini.<br>ii. Pegawai tidak menghadiri latihan.<br>iii. Pegawai menghadiri latihan tidak berkaitan dengan bidang tugas.<br><br>Boleh menyebabkan:<br>i. Pengetahuan pegawai mengenai tugas yang dilaksanakan tidak terkini.<br>ii. Kemahiran pegawai tidak dapat ditingkatkan.<br>iii. Memberi kesan kepada kualiti kerja dalam jangka masa panjang. |
| 2.   | Mesyuarat JPKA tidak diadakan mengikut tempoh ditetapkan.                     | i. Jabatan Kerja Raya<br>ii. Pejabat Daerah Beluran<br>iii. Pejabat Daerah Keningau<br>iv. Pejabat Daerah Kunak   | i. Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah<br>ii. Majlis Daerah Kinabatangan  | Boleh menyebabkan:<br>i. Isu berbangkit lewat dikenal pasti dan diambil tindakan.   |
| 3.   | Mesyuarat JPKA-tidak membincang perkara ditetapkan.                           | i. Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah<br>ii. Pejabat Daerah Keningau<br>iii. Pejabat Daerah Tenom<br>iv. Pejabat Daerah Kunak                                  | i. Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah   | Boleh menyebabkan :<br>i. Isu pengurusan kewangan tidak dapat dikenal pasti.<br>ii. Tiada kawalan dalaman.  |
| 4.   | Laporan suku tahun tidak disediakan dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. | Tiada   | i. Majlis Daerah Putatan<br>ii. Majlis Daerah Ranau<br>iii. Majlis Ugama Islam Sabah<br>iv. Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah | Boleh menyebabkan :<br>i. Pemantauan oleh Lembaga Pengarah secara konsisten tidak dapat dilaksanakan.<br>ii. Wakil Kerajaan tidak dapat memainkan peranan di dalam Agensi.  |
| 5.   | Pertanyaan Audit tidak dijawab dalam tempoh ditetapkan.                       | i. Jabatan Kerja Raya Sabah<br>ii. Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah<br>iii. Pejabat Daerah Tenom<br>iv. Pejabat Daerah Kunak                                 | Tiada   | Boleh menyebabkan :<br>i. Isu Audit tidak dapat diselesaikan/isu berulang.<br>ii. Kelemahan kawalan dalaman/pengurusan.<br>iii. Syor-syor Audit tidak dapat dilaksanakan.   |

**b. Kawalan Bajet**

- Secara keseluruhannya, 19 Kementerian/Jabatan mencapai tahap Cemerlang. Bagi Agensi Negeri, lapan (8) Agensi mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Agensi berada pada tahap Baik dan satu (1) Agensi berada pada tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Kementerian/


Jabatan/Agenzi dari aspek elemen Kawalan Bajet bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.8**  
**PENCAPAIAN KAWALAN BAJET KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017**



- Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Kawalan Bajet bagi 19 Kementerian/Jabatan adalah seperti carta berikut:


**CARTA 5.9**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN BAJET KEMENTERIAN/JABATAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap sembilan (9) kriteria dalam Kawalan Bajet bagi 10 Agensi adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.10**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN BAJET AGENSI**



- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:


**JADUAL 5.4**  
**KELEMAHAN DALAM KAWALAN BAJET**

| BIL. | PENEMUAN AUDIT  | KETIDAKPATUHAN              |   | IMPAK  |
|------|---|-----------------------------|---|--|
|      |   | JABATAN                     | AGENSI  |  |
| 1.   | Perbelanjaan melebihi peruntukan.   | Tiada                       | i. Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah<br>ii. Majlis Daerah Putatan | Boleh menyebabkan:<br>i. Perancangan belanjawan tidak cekap dan berkesan.<br>ii. Kerajaan terpaksa meluluskan bajet tambahan.<br>iii. Perbelanjaan tanpa kelulusan.<br>iv. Perbelanjaan tidak wajar. |
| 2.   | Laporan Bajet Program dan Prestasi Tahun Kewangan Diaudit tidak dikemukakan kepada Pejabat Belanjawan Negara, Perbendaharaan Malaysia mengikut tarikh ditetapkan. | i. Jabatan Kerja Raya Sabah | Tiada   | Boleh menyebabkan:<br>i. Pemantauan di peringkat Kementerian Kewangan tidak dapat dilaksanakan.<br>ii. Menjejaskan pemantauan prestasi belanjawan Negara.  |

**c. Kawalan Terimaan**


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, 11 Jabatan mencapai tahap Cemerlang, enam (6) Jabatan berada pada tahap Baik dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, tujuh (7) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan tiga (3) Agensi berada pada tahap Baik. Pencapaian Jabatan/Agenzi dari aspek elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.11**  
**PENCAPAIAN KAWALAN TERIMAAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017**




Cemerlang      Baik      Memuaskan  
Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi 19 Jabatan adalah seperti carta berikut:



- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi 10 Agensi adalah seperti carta berikut:



- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.5**  
**KELEMAHAN DALAM KAWALAN TERIMAAN**


| BIL. | PENEMUAN AUDIT   | KETIDAKPATUHAN  |   | IMPAK  |
|------|--|---|---|--|
|      |  | AGENSI  | AGENSI  |  |
| 1.   | Pengiraan hasil adalah tidak tepat.  | i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah<br>ii. Jabatan Bendahari Negeri Sabah<br>iii. Pejabat Daerah Kudat  | Tiada   | Boleh menyebabkan:<br>i. Hasil kurang diakaunkan.<br>ii. Ketirisan hasil Kerajaan.   |
| 2.   | Resit tidak disediakan pada hari yang sama dan diantar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya.  | i. Jabatan Bendahari Negeri Sabah<br>ii. Jabatan Kerja Raya Sabah<br>iii. Jabatan Tanah dan Ukur  | i. Lembaga Industri Getah Sabah<br>ii. Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah<br>iii. Majlis Daerah Kinabatangan   | Boleh menyebabkan:<br>i. Hasil lewat diakaunkan.<br>ii. 'Teeming dan lading'.  |
| 3.   | Proses pungutan tidak dibuat dengan segera dan teratur.  | i. Jabatan Kerja Raya Sabah<br>ii. Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah<br>iii. Jabatan Pembangunan Sumber Manusia<br>iv. Pejabat Daerah Kunak   | Tiada   | Boleh menyebabkan:<br>i. Hasil lewat diakaunkan dengan tepat.<br>ii. 'Teeming dan lading'.<br>iii. Ketirisan hasil Kerajaan.             |
| 4.   | Tindakan susulan tidak diambil terhadap jumlah yang tertunggak.  | Tiada   | i. Lembaga Industri Getah Sabah<br>ii. Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah<br>iii. Korporasi Pembangunan Desa<br>iv. Majlis Daerah Kinabatangan<br>v. Lembaga Bandaran Kudat | Boleh menyebabkan:<br>i. Tindakan susulan tidak diambil dengan menghapus kira penghutang. menyebabkan kehilangan hasil kepada Agensi.    |
| 5.   | <u><b>Peringkat Kementerian:</b></u><br>Penyata Akaun Belum Terima (ABT) tidak/lewat dikemukakan kepada Akauntan Negara Malaysia dalam tempoh ditetapkan.<br><u><b>Peringkat Jabatan :</b></u><br>Penyata Akaun Belum Terima (ABT) tidak dikemukakan kepada Kementerian dalam tempoh ditetapkan. | i. Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat<br>ii. Jabatan Kerja Raya<br>iii. Jabatan Pelabuhan Daerah Sabah<br>iv. Pejabat Daerah Beluran<br>v. Pejabat Daerah Kunak | Tiada   | Boleh menyebabkan:<br>i. Tindakan susulan tidak dapat diambil dengan segera.<br>ii. Pemantauan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. |

**d. Pengurusan Perolehan**

- Secara keseluruhannya, bagi Kementerian/Jabatan Negeri, 17 Jabatan mencapai tahap Cemerlang dan dua (2) Jabatan berada pada tahap Baik. Bagi Agensi Negeri, lima (5) Agensi mencapai tahap Cemerlang,


satu (1) Agensi berada pada tahap Baik, satu (1) Agensi berada pada tahap Memuaskan dan satu (1) Agensi berada pada tahap Tidak Memuaskan serta dua (2) Agensi berada pada tahap Kurang Memuaskan. Pencapaian Kementerian/Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Perolehan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.14**  
**PENCAPAIAN KAWALAN PEROLEHAN**  
**KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017**



- Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Kawalan Perolehan bagi 19 Kementerian/Jabatan adalah seperti carta berikut:


**CARTA 5.15**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PEROLEHAN (JABATAN)**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 49 kriteria dalam Kawalan Perolehan bagi 10 Agensi adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.16**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PEROLEHAN (AGENSI)**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.6**  
**KELEMAHAN DALAM KAWALAN PEROLEHAN**


| BIL. | PENEMUAN AUDIT   | KETIDAKPATUHAN   |   | IMPAK   |
|------|--|--|---|---|
|      |  | JABATAN  | AGENSI  |   |
| 1.   | Kajian pasaran tidak dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.   | i. Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar<br>ii. Pejabat Daerah Kudat<br>iii. Pejabat Daerah Beaufort<br>iv. Pejabat Daerah Kota Marudu<br>v. Pejabat Daerah Kunak<br>vi. Pejabat Daerah Pitas | i. Lembaga Industri Getah Sabah<br>ii. Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah<br>iii. Korporasi Pembangunan Desa<br>iv. Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah<br>v. Lembaga Bandaran Kudat<br>vi. Majlis Daerah Putatan | Boleh menyebabkan:<br>i. Perbandingan harga yang kompetitif dan menguntungkan Kerajaan tidak dibuat.<br>ii. Kerajaan tidak mendapat ' <i>value for money</i> ' (harga tidak munasabah).   |
| 2.   | Syarat perjanjian kontrak tidak disemak dan diluluskan oleh Peguam Negara atau Penasihat Undang-undang Jabatan/Agensi. | i. Jabatan Bendahari Negeri Sabah  | i. Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah<br>ii. Majlis Ugama Islam Sabah<br>iii. Majlis Daerah Putatan  | Boleh menyebabkan:<br>i. Terma dalam kontrak tidak menjamin kepentingan Kerajaan.   |
| 3.   | Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> tidak dipatuhi.  | i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah<br>ii. Jabatan Cetak Negeri Sabah  | i. Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah<br>ii. Majlis Ugama Islam Sabah<br>iii. Majlis Daerah Putatan  | Boleh menyebabkan:<br>i. Pegawai yang terlibat tidak terikat dengan terma <i>Integrity Pact</i> .<br>ii. Tidak berintegriti dan salah guna kuasa<br>iii. Reputasi dan imej Kerajaan/Pegawai Awam terjejas.  |
| 4.   | Pesanan Tempatan/ Pesanan Pembelian tidak dikeluarkan terlebih dahulu sebelum bekalan/ perkhidmatan diterima.          | Tiada  | i. Lembaga Industri Getah Sabah<br>ii. Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah<br>iii. Majlis Daerah Tuaran<br>iv. Majlis Daerah Putatan   | Boleh menyebabkan:<br>i. Perbelanjaan tidak sah atau tidak mendapat kebenaran/kelulusan.<br>ii. Menjejaskan peruntukan tahun semasa.<br>iii. Tidak memberi jaminan kepada pembekal terhadap komitmen pihak Kerajaan.<br>iv. <i>Improper payment</i> . |
| 5.   | Daftar/rekod pembayaran kontrak tidak diselenggarakan untuk rujukan dan pemantauan bayaran.                            | Tiada  | i. Lembaga Industri Getah Sabah<br>ii. Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah<br>iii. Majlis Daerah Tuaran<br>iv. Majlis Daerah Putatan   | Boleh menyebabkan:<br>i. Risiko lewat atau gagal mendapatkan maklumat untuk mengenal pasti prestasi bayaran kontrak.<br>ii. Boleh mengakibatkan lebihan bayaran.  |

**e. Kawalan Perbelanjaan**

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, 13 Jabatan mencapai tahap Cemerlang dan enam (6) Jabatan berada pada tahap Baik. Bagi Agensi Negeri, lima (5) Agensi mencapai tahap Cemerlang, empat (4) Agensi berada pada tahap Baik dan satu (1) berada pada tahap


Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agenzi dari aspek elemen Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.17**  
**PENCAPAIAN KAWALAN PEMBELANJAAN**  
**KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017**




- Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi 19 Kementerian/Jabatan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.18**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN**



- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 18 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi 10 Agensi adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.19**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN**



- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:


**JADUAL 5.7**  
**KELEMAHAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN**

| BIL. | PENEMUAN AUDIT   | KETIDAKPATUHAN  |  | IMPAK  |
|------|--|---|--|--|
|      |  | JABATAN   | AGENSI   |  |
| 1.   | Proses bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.  | i. Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat<br>ii. Jabatan Tanah dan Ukur<br>iii. Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah<br>iv. Pejabat Daerah Kota Marudu | Tiada  | Boleh menyebabkan:<br>i. Dokumen sokongan tidak lengkap.<br>ii. Bayaran melebihi tempoh 14 hari.<br>iii. Dibayar kepada penerima yang tidak sah.<br>iv. Kod objek tidak tepat.<br>v. Kerugian, penyelewengan dan salah guna kuasa. |
| 2.   | Kad pintar digunakan semasa ketiadaan pegawai/pengawal bertugas.   | i. Jabatan Kerja Raya<br>ii. Jabatan Tanah dan Ukur<br>iii. Pejabat Daerah Kudat<br>iv. Pejabat Daerah Beaufort<br>v. Pejabat Daerah Kota Marudu<br>vi. Pejabat Daerah Pitas  | Tiada  | Boleh menyebabkan:<br>i. Penyelewengan dan salah guna kuasa.   |
| 3.   | Bil tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari atau tempoh yang ditetapkan oleh Agensi dari tarikh ia diterima di Bahagian/Unit Kewangan. | Tiada   | i. Lembaga Industri Getah Sabah<br>ii. Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah<br>iii. Lembaga Bandaran Kudat<br>iv. Majlis Daerah Tuaran<br>v. Majlis Daerah Putatan | Boleh menyebabkan:<br>i. Kelemahan kawalan dalaman.  |
| 4.   | Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan asal, lengkap dan sempurna.  | Jabatan Cetak Negeri Sabah  | i. Majlis Ugama Islam Sabah<br>ii. Majlis Daerah Putatan   | Boleh menyebabkan:<br>i. Kelemahan kawalan dalaman.<br>ii. Menyukarkan semak silang untuk meluluskan pembayaran.   |
| 5.   | Pelarasian tidak dibuat terhadap item yang tidak dapat disesuaikan dalam Penyata Penyesuaian Bank.                                   | Tiada   | i. Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah<br>ii. Majlis Daerah Tuaran<br>iii. Majlis Daerah Putatan  | Boleh menyebabkan:<br>i. Perbelanjaan yang tidak sepatutnya masih kekal dalam vot.<br>ii. Tidak menggambarkan kedudukan kewangan yang sebenarnya.  |

**f. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit**


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, lapan (8) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, lima (5) Jabatan berada pada tahap Baik, empat (4) berada pada tahap Memuaskan dan dua (2) berada pada tahap Tidak Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, empat (4) Agensi mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Agensi berada pada tahap Baik dan lima (5) Agensi berada pada tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan Kumpulan

Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:




- Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi 19 Kementerian/Jabatan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.21**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN**  
**BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN**  
**PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**



- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 24 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi 10 Agensi adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.22**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN**  
**BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN**  
**PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**



- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:


**JADUAL 5.8**  
**KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN**  
**KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

| BIL. | PENEMUAN AUDIT  | KETIDAKPATUHAN   |   | IMPAK   |
|------|---|--|---|---|
|      |   | JABATAN  | AGENSI  |   |
| 1.   | Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit tidak dikembalikan (serta tidak diperlukan) diwartakan. | i. Unit Perancang Ekonomi Negeri<br>ii. Jabatan Kerja Raya<br>iii. Jabatan Tanah dan Ukur<br>iv. Jabatan Cetak Negeri Sabah<br>v. Jabatan Pembangunan Sumber Manusia<br>vi. Pejabat Daerah Beluran<br>vii. Pejabat Daerah Keningau<br>viii. Pejabat Daerah Tenom<br>ix. Pejabat Daerah Kunak | i. Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah<br>ii. Korporasi Pembangunan Desa<br>iii. Lembaga Bandaran Kudat<br>iv. Majlis Daerah Ranau<br>v. Majlis Daerah Tuaran  | Boleh menyebabkan:<br>i. Tiada pemantauan.<br>ii. Kawalan dalaman yang lemah.<br>iii. Menjejaskan imej Kerajaan.  |
| 2.   | Bayaran balik dan pelarasan tidak dibuat mengikut tempoh ditetapkan.  | i. Kementerian Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat<br>ii. Jabatan Kerja Raya   | i. Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah<br>ii. Majlis Ugama Islam Sabah   | Boleh menyebabkan:<br>i. Kawalan dalaman yang lemah;<br>ii. Kutipan bayaran balik tidak dipantau - kecuaian pegawai bertanggungjawab.<br>iii. Risiko kerugian kepada Kerajaan jika pegawai tersebut berhenti atau bermuncul baru berlaku pejabat. |
| 3.   | Penyata Penyesuaian tidak disediakan dengan tepat.  | i. Jabatan Kerja Raya<br>ii. Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah<br>iii. Pejabat Daerah Kota Marudu<br>iv. Pejabat Daerah Kunak  | i. Tiada  | Boleh menyebabkan:<br>i. Kawalan dalaman yang lemah.<br>ii. Rekod kewangan tidak tepat.   |
| 4.   | Daftar Deposit tidak diselenggarakan dengan lengkap.  | Tiada  | i. Lembaga Industri Getah Sabah<br>ii. Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah<br>iii. Korporasi Pembangunan Desa<br>iv. Majlis Daerah Kinabatangan<br>v. Lembaga Bandaran Kudat<br>vi. Majlis Daerah Tuaran | Boleh menyebabkan:<br>i. Baki tunggakan dan baki pinjaman tidak dapat disahkan dengan tepat.<br>ii. Kawalan dalaman yang lemah - ketidakberkesanan/ketidakcekapan pemantauan.   |
| 5.   | Baki dalam lejar subsidiari tidak dijumlah dan disamakan dengan daftar deposit.   | Tiada  | i. Lembaga Industri Getah Sabah<br>ii. Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah<br>iii. Lembaga Bandaran Kudat<br>iv. Majlis Daerah Tuaran  | Boleh menyebabkan:<br>i. Amaun deposit dalam akaun tidak menggambarkan aman sebenar (terlebih/terkurang nyata).<br>ii. Kesan kepada penyediaan penyata kewangan yang tidak tepat.   |


### g. Pengurusan Aset dan Stor

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, sembilan (9) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, dua (2) Jabatan berada pada tahap Baik, empat (4) Jabatan berada pada tahap Memuaskan, satu (1) Jabatan berada pada tahap Kurang Memuaskan dan tiga (3) berada pada tahap Tidak Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, tujuh (7) Agensi mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Agensi berada pada tahap Baik dan dua (2) Agensi berada pada tahap Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


**CARTA 5.23**  
**PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN**  
**ASET DAN STOR KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017**



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 64 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Aset dan Stor bagi 19 Kementerian/Jabatan adalah seperti carta berikut:



- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 98 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Aset dan Stor bagi 10 Agensi adalah seperti carta berikut:



iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.9**  
**KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN ASET DAN STOR**

| BIL. | PENEMUAN AUDIT  | KETIDAKPATUHAN  |   | IMPAK   |
|------|---|---|---|---|
|      |   | JABATAN   | AGENSI  |   |
| 1.   | Perakuan Pegawai Pengawal berserta ringkasan Laporan tahunan tidak/lewat dikemukakan ke Perbendaharaan mengikut tempoh yang ditetapkan. (Kementerian & Jabatan yang Mempunyai Pegawai Pengawal) | i. Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat<br>ii. Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar<br>iii. Jabatan Tanah dan Ukur<br>iv. Jabatan Kerja Raya<br>v. Unit Pembangunan Ekonomi Negeri<br>vi. Pejabat Daerah Beaufort<br>vii. Pejabat Daerah Kota Marudu<br>viii. Pejabat Daerah Kudat<br>ix. Pejabat Daerah Pitas<br>x. Pejabat Daerah Kunak<br>xi. Pejabat Daerah Beluran | Tiada   | Ringkasan Laporan tahunan tidak disediakan/Laporan tahunan tidak/lewat dikemukakan/Pegawai tidak/lewat memperakukan laporan boleh menjasakan kredibiliti Pegawai Pengawal.  |
| 2.   | Semua aset tidak diperiksa sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.  | i. Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat<br>ii. Jabatan Kerja Raya<br>iii. Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri<br>iv. Unit Pembangunan Ekonomi Negeri<br>v. Pejabat Daerah Kunak<br>vi. Pejabat Daerah Tenom  | Tiada   | Boleh menyebabkan:<br>i. Keadaan fizikal aset tidak dapat disahkan.<br>ii. Kehilangan aset tidak dapat dikesan.<br>iii. Maklumat aset tidak tepat.  |
| 3.   | Pemeriksaan tidak dilaksanakan di Stor Pusat dan Stor Utama sekali setahun ke atas semua stok secara 100% mulai 1 Oktober tahun kewangan yang diaudit.  | i. Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah<br>ii. Jabatan Tanah dan Ukur<br>iii. Jabatan Kerja Raya<br>iv. Unit Pembangunan Ekonomi Negeri<br>v. Pejabat Daerah Kunak<br>vi. Pejabat Daerah Tenom   | Tiada   | Boleh menyebabkan:<br>i. Kedudukan baki stok sukar ditentukan.<br>ii. Sukar mengenalpasti stok hilang/rosak<br>iii. Kerugian kepada Kerajaan dari segi ruang penyimpanan stok yang berlebihan/ usang/tamat tempoh luput.<br>iv. Pembaziran wang awam stok yang tidak digunakan sehingga tamat tempoh luput/usang. |
| 4.   | Verifikasi stor tidak dilaksanakan selepas pemeriksaan stok oleh Pegawai Pemeriksa di Stor Pusat dan Stor Utama sekurang-kurangnya satu (1) tahun sekali sebelum berakhir pada 31 Disember.     | i. Jabatan Cetak Negeri Sabah<br>ii. Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah<br>iii. Jabatan Tanah dan Ukur<br>iv. Jabatan Kerja Raya<br>v. Unit Pembangunan Ekonomi Negeri<br>vi. Pejabat Daerah Kunak<br>vii. Pejabat Daerah Tenom  | Tiada   | Boleh menyebabkan:<br>i. Pengurusan stor tidak dilaporkan.<br>ii. Baki stok tidak dapat disahkan.   |
| 5.   | JKPA – Tidak bincang perkara mengikut agenda yang ditetapkan.   | Tiada   | i. Korporasi Pembangunan Desa<br>ii. Lembaga Industri Getah | Boleh menyebabkan:<br>i. Perkara mengenai pengurusan aset tidak dilaporkan.   |


| BIL. | PENEMUAN AUDIT | KETIDAKPATUHAN |  | IMPAK |
|------|----------------|----------------|--|-------|
|      |                | JABATAN        | AGENSI   |       |
|      |                |                | Sabah<br>iii. Majlis Ugama Islam Sabah<br>iv. Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah<br>v. Lembaga Bandaran Kudat<br>vi. Majlis Daerah Kinabatangan |       |

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### **h. Pengurusan Kenderaan**

- i. Secara keseluruhannya, bagi Kementerian/Jabatan Negeri, 11 Jabatan mencapai tahap Cemerlang, empat (4) Jabatan berada pada tahap Baik, tiga (3) Jabatan berada pada tahap Kurang Memuaskan dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan dari aspek elemen Kawalan Pengurusan Kenderaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


**CARTA 5.26**  
**PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN**  
**KENDERAAN KEMENTERIAN/JABATAN BAGI TAHUN 2017**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi 19 Kementerian/Jabatan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.27**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN**  
**BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM**  
**KAWALAN PENGURUSAN KENDERAAN KEMENTERIAN/JABATAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.10**  
**KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN**

| BIL. | PENEMUAN AUDIT   | KETIDAKPATUHAN  |  | IMPAK   |
|------|--|---|--|---|
|      |  | JABATAN   | AGENSI   |   |
| 1.   | Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini untuk semua kenderaan kecuali untuk Kereta Rasmi Jawatan bagi Pegawai Gred Utama. | i. Unit Pembangunan Ekonomi<br>ii. Jabatan Kerja Raya<br>iii. Pejabat Daerah Kota Marudu<br>iv. Pejabat Daerah Beluran<br>v. Pejabat Daerah vi. Keningau<br>vii. Pejabat Daerah Kunak | Tiada  | Boleh menyebabkan:<br>i. Salah guna kenderaan Kerajaan.<br>ii. Tiada pegawai boleh dipertanggungjawabkan jika ada kes kehilangan/kemalangan/saman.<br>iii. Rekod penggunaan minyak tidak dapat disemak.<br>iv. Kelemahan kawalan dalam penggunaan kenderaan Kerajaan. |
| 2.   | Semua kenderaan Kerajaan tidak disenggara secara berjadual mengikut manual pengguna.   | i. Pejabat Daerah Beaufort<br>ii. Pejabat Daerah Kota Marudu<br>iii. Pejabat Daerah Kunak   | Tiada  | Boleh menyebabkan:<br>i. Menjejasakan jangka hayat penggunaan kenderaan.  |
| 3.   | Buku Log tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini  | Tiada   | i. Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah<br>ii. Majlis Daerah Kinabatangan<br>iii. Lembaga Bandaran Kudat<br>iv. Majlis Daerah | Boleh menyebabkan:<br>i. Salah guna kenderaan Kerajaan.<br>ii. Tiada pegawai boleh dipertanggungjawabkan jika ada kes kehilangan/kemalangan/saman.<br>iii. Rekod penggunaan   |

| BIL. | PENEMUAN AUDIT  | KETIDAKPATUHAN                                       |   | IMPAK  |
|------|---|--|---|--|
|      |   | JABATAN  | AGENSI  |  |
|      |   |  | v. Tuaran<br>vi. Majlis Daerah<br>Ranau<br>Korporasi<br>Pembangunan<br>Desa | minyak tidak dapat<br>disemak.<br>iv. Kelemahan kawalan<br>dalam penggunaan<br>kenderaan Kerajaan.   |
| 4.   | Penyelesaian saman<br>tertunggak tidak diberi<br>peringatan bertulis oleh<br>Ketua Jabatan. | i. Jabatan Kerja Raya<br>ii. Pejabat Daerah<br>Kunak |   | Boleh menyebabkan:<br>i. Tiada pemantauan<br>samam oleh<br>Kementerian/Jabatan.<br>ii. Kerajaan terpaksa<br>menanggung<br>pembayaran saman<br>sekitarannya saman<br>tertunggak terlalu lama<br>dan pegawai<br>bertanggungjawab tidak<br>lagi berkhidmat. |
| 5.   | Buku Rekod Pergerakan<br>Kad Inden tidak<br>diselenggara dengan<br>lengkap.                 | Tiada  | i. Korporasi<br>Pembangunan<br>Desa<br>ii. Lembaga<br>Bandaran Kudat        | Boleh menyebabkan:<br>i. Rekod penggunaan tidak<br>disemak oleh Ketua<br>Jabatan.<br>ii. Salah guna kad inden<br>minyak.<br>iii. Tiada pegawai yang<br>boleh<br>dipertanggungjawabkan<br>sekitaranya berlaku<br>kehilangan kad inden.                    |

Sumber: Jabatan Audit Negara

### i. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman

- i. Secara keseluruhannya, 10 Jabatan/Agensi mencapai tahap Cemerlang dan satu (1) Agensi tidak berkaitan dalam kawalan tersebut. Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.28**  
**PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN**  
**PELABURAN DAN PINJAMAN JABATAN BAGI TAHUN 2017**



█ Cemerlang  
Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Pinjaman dan Pelaburan bagi Jabatan Bendahari Negeri Sabah adalah seperti carta berikut:


**CARTA 5.29**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN PINJAMAN DAN PELABURAN JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Pengurusan Pinjaman dan Pelaburan Kerajaan bagi 10 Agensi adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.30**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN PINJAMAN DAN PELABURAN BAGI AGENSI**



Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.11  
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN**

| BIL. | PENEMUAN AUDIT  | KETIDAKPATUHAN |                               | IMPAK   |
|------|---|----------------|-------------------------------|---|
|      |   | JABATAN        | AGENSI                        |   |
| 1.   | Polisi dan prosedur berkaitan pelaburan tidak disediakan.               | Tiada          | i. Korporasi Pembangunan Desa | Boleh menyebabkan:<br>i. Ketidaklurusan dalam proses merancang, memilih dan membuat keputusan pelaburan.<br>ii. Risiko kerugian kepada agensi.<br>iii. Risiko salah guna/seleweng dana untuk kepentingan peribadi.<br>iv. Kawalan dalaman yang tidak cekap dan berkesan.  |
| 2.   | Mesyuarat diadakan tidak mengikut terma rujukan yang ditetapkan         | Tiada          | i. Majlis Ugama Islam Sabah   | Boleh menyebabkan:<br>i. Keputusan dibuat di luar mesyuarat dan di luar tempat rujukan.<br>ii. Pengurusan agensi membuat pelaburan yang tidak dibenarkan dan berisiko tinggi.<br>iii. Tiada pihak/individu yang boleh dipertanggungjawabkan secara terus sekiranya berlaku kerugian pelaburan kerana tiada rekod/minit. |
| 3.   | Tindakan susulan tidak diambil terhadap keputusan mesyuarat yang lepas. | Tiada          | Majlis Ugama Islam Sabah      | Boleh menyebabkan:<br>i. Pengurusan agensi membuat pelaburan yang tidak dibenarkan dan berisiko tinggi.   |

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### j. Pengurusan Penyata Kewangan

- i. Secara keseluruhannya, 10 Jabatan/Agenzi berada pada tahap Cemerlang dan satu (1) Agenzi berada pada tahap Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agenzi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan Penyata Kewangan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


**CARTA 5.31  
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN  
 PENYATA KEWANGAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017**



█ Cemerlang      █ Memuaskan  
Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap lapan (8) kriteria dalam Kawalan Pengurusan Penyata Kewangan bagi Jabatan Bendahari Negeri Sabah adalah seperti carta berikut:


**CARTA 5.32**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Penyata Kewangan bagi 10 Agensi adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.33**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN AGENSI**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.12**  
**KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN**

| BIL. | PENEMUAN AUDIT  | KETIDAKPATUHAN |                          | IMPAK  |
|------|---|----------------|--------------------------|--|
|      |   | JABATAN        | AGENSI                   |  |
| 1.   | Penyerahan Penyata Kewangan mengikut tempoh yang ditetapkan. Sekiranya Penyata Kewangan lewat dikemukakan, Agensi mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. | Tiada          | Majlis Ugama Islam Sabah | Boleh menyebabkan:<br>i. Penyerahan Penyata Kewangan tidak mengikut tempoh yang ditetapkan.<br>ii. Tidak memohon kelulusan daripada Kementerian Kewangan boleh menyebabkan pengauditan dan pengesahan Penyata Kewangan lewat dibuat.   |
| 2.   | Mendapat Sijil Tanpa Teguran.   | Tiada          | Majlis Ugama Islam Sabah | Mendapat Sijil Tanpa Teguran dengan EOM, Berteguran/Bertentangan/Penafian boleh menyebabkan :<br>i. Menggambarkan tadbir urus dan kawalan dalaman yang lemah.<br>ii. Menunjukkan Lembaga Pengarah tidak memainkan peranan yang sepatutnya.<br>iii. Menjejaskan imej agensi dan Kementerian yang berkenaan. |

Sumber: Jabatan Audit Negara

### 5.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah bagi tahun 2017 berada pada tahap Cemerlang berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Jabatan/Agensi yang perlu meningkat dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti yang berikut:

- 5.6.1. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
- 5.6.2. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;
- 5.6.3. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan.
- 5.6.4. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjelaskan imej Kerajaan;

5.6.5. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;

5.6.6. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan

5.6.7. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

**5.6.8. Pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Jabatan/Agenси adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.**

## **PENGAUDITAN MENGEJUT JABATAN/AGENSI NEGERI**

### **6. PENGAUDITAN MENGEJUT**

#### **6.1. PENDAHULUAN**

6.1.1. Pengauditan ini dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang menyatakan Ketua Audit Negara hendaklah mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun pegawai perakaunan Persekutuan dan Negeri, akaun mana-mana kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di sesuatu negeri atau Wilayah Persekutuan.

6.1.2. Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 juga menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam penguditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada penguditannya.

6.1.3. Pengauditan Mengejut adalah satu pendekatan Audit yang meliputi pemeriksaan, penyiasatan dan pengaudit tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan dan jangka masa pengaudit kepada pihak Audit.

#### **6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif Pengauditan Mengejut adalah untuk menentukan sama ada penerimaan, kutipan, kawalan perbelanjaan, kawalan aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta kenderaan yang berada di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab diakaunkan secara teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

#### **6.3. SKOP PENGAUDITAN**

6.3.1. Skop penguditan mengejut meliputi kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan dan kawalan umum. Penguditan mengejut dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari atau tempoh masa yang sesuai bagi kes-kes tertentu. Penguditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan terhadap penerimaan wang, wang panjar, borang hasil yang dikawal dan barang berharga bagi tahun 2017 di 27 Jabatan/Pejabat/Agenzi Negeri Sabah dan di satu (1) Badan Berkanun Negeri Sabah seperti jadual berikut.

**JADUAL 6.1**  
**PENGAUDITAN MENGEJUT**  
**DI JABATAN/PEJABAT/AGENSI NEGERI SABAH PADA TAHUN 2017**

| BIL.          | JABATAN   | BILANGAN JABATAN/PEJABAT/AGENSI YANG DIAUDIT |
|---------------|---|--|
| 1.            | Jabatan Ketua Menteri Sabah                       | 2  |
| 2.            | Jabatan Perhutanan Negeri Sabah                   | 4  |
| 3.            | Jabatan Air Negeri Sabah                          | 3  |
| 4.            | Jabatan Perpustakaan Negeri Sabah                 | 3  |
| 5.            | Jabatan Pelabuhan dan Dermaga                     | 3  |
| 6.            | Jabatan Perikanan Negeri Sabah                    | 2  |
| 7.            | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sabah        | 1  |
| 8.            | Jabatan Tanah dan Ukar                            | 2  |
| 9.            | Jabatan Kerja Raya                                | 4  |
| 10.           | Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak | 1  |
| 11.           | Jabatan Pertanian Negeri Sabah                    | 1  |
| 12.           | Pejabat Daerah                                    | 1  |
| <b>JUMLAH</b> |   | <b>27</b>                                    |

**JADUAL 6.2**  
**PENGAUDITAN MENGEJUT DI PEJABAT**  
**BADAN BERKANUN NEGERI SABAH PADA TAHUN 2017**

| BIL.          | BADAN BERKANUN NEGERI   | BILANGAN PEJABAT YANG DIAUDIT |
|---------------|---|-------------------------------|
| 1.            | Taman Kinabalu (Poring Hot Spring), Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah | 1                             |
| <b>JUMLAH</b> |   | <b>1</b>                      |

#### 6.4. METODOLOGI

Metodologi pengauditan mengejut adalah melalui pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, harta awam, aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta kenderaan. Semakan terhadap rekod-rekod kewangan, temu bual dengan pihak Audit, pengamatan keadaan semasa pada tarikh pengauditan seperti kawalan keselamatan ke atas kaunter kutipan dan keadaan peti besi yang sentiasa berkunci. Lawatan dan tinjauan mengejut di lokasi operasi/penyimpanan/stor juga dilakukan.

#### 6.5. PENEMUAN AUDIT

##### 6.5.1. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di Jabatan/Pejabat/Agenzi yang Diaudit

6.5.1.1. Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di Jabatan/Pejabat/Agenzi dinilai berdasarkan 88 kriteria melibatkan 22 kriteria di kawalan terimaan, 30 di kawalan perbelanjaan dan 36 kriteria di kawalan umum. Pihak Audit mendapati ketidakpatuhan seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.3**  
**BILANGAN KRITERIA TIDAK PATUH**  
**MENGIKUT JABATAN/PEJABAT/AGENSI YANG DIAUDIT**


| BIL.                      | KAWALAN      | JUMLAH KRITERIA | KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT JABATAN/PEJABAT/AGENSI |
|---------------------------|--------------|-----------------|--|
| 1.                        | Terimaan     | 22              | 11   |
| 2.                        | Perbelanjaan | 30              | 18   |
| 3.                        | Umum         | 36              | 12   |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |              | <b>88</b>       | <b>41</b>  |

**6.5.2. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di Jabatan/Pejabat/Agensi yang Diaudit Mengikut Kawalan**

**a. Kawalan Terimaan**

- i. Analisis Audit mendapati sebanyak 10 Jabatan/Pejabat/Agensi tidak mematuhi 11 kriteria dalam kawalan terimaan. Hasil analisis mendapati:
  - Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan terimaan masing-masing sebanyak sembilan (9) Jabatan/Pejabat/Agensi melibatkan kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera; tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut; serta Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan.
  - Selanjutnya, masing-masing empat (4) Jabatan/Pejabat/Agensi tiada perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat; baki hasil stok berbeza dengan baki sebenar serta semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal.
  - Ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan terimaan masing-masing sebanyak enam (6) Jabatan/Pejabat/Agensi melibatkan resit rasmi tidak dikeluarkan bagi setiap penerimaan, Daftar Mel diselenggarakan bagi terimaan melalui pos, resit rasmi Perbendaharaan tidak diterima untuk jumlah dibankkan, jumlah kutipan tidak dibankkan dengan segera, serta tiada Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar dipamerkan.
- ii. Isu ketidakpatuhan Jabatan/Agensi Negeri bagi kawalan terimaan adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 6.1**  
**BILANGAN JABATAN/PEJABAT/AGENSI YANG**  
**TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN TERIMAAN**



Nota:


- a Resit Rasmi dikeluarkan bagi setiap penerimaan
- b Kutipan direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera
- c Resit Rasmi Perbendaharaan diterima untuk jumlah dibankkan
- d Daftar Mel diselenggarakan bagi terimaan melalui pos
- e Jumlah kutipan dibankkan segera
- f Semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut
- g Daftar Borang Hasil diselenggarakan
- h Perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat
- i Baki stok hasil bersamaan dengan baki sebenar
- j Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan disimpan dalam peti besi atau bilik kebal
- k Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar ada dipamerkan

iii. Kawalan terimaan yang tidak mematuhi peraturan/pekeliling menunjukkan kawalan dalaman PTJ/PK yang lemah dan proses kerja yang tidak difahami sepenuhnya. Kelemahan-kelemahan ini boleh menjelaskan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna.

**b. Kawalan Perbelanjaan**

- i. Analisis Audit mendapati sebanyak tujuh (7) Jabatan/Pejabat/Agensi tidak mematuhi 18 kriteria dalam kawalan perbelanjaan. Hasil analisis mendapati:
  - Tiada ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan perbelanjaan, hanya lima (5) Jabatan/Pejabat/Agensi yang tidak mematuhi beberapa kriteria. Antaranya termasuklah, baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap, baucar bayaran yang tidak ditebuk/cop telah bayar, Pesanan Kerajaan tidak dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian, semua bil yang diterima tidak dicap tarikh terima bagi tujuan pemantauan pembayaran dan Buku Vot/Buku Vot Elektronik hendaklah disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh Penyelia.
  - Selanjutnya, antara kriteria yang tidak dipatuhi oleh tujuh (7) Jabatan/Pejabat/Agensi yang paling rendah adalah had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem adalah tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan, baucar bayaran yang diluluskan melebihi had kuasa berbelanja yang dibenarkan, tiada pengasingan tugas diwujudkan di antara pegawai penyedia dan pelulus, pembayaran tidak dibuat dengan betul dan tepat, bayaran dibuat kepada penerima yang tidak sah, Pesanan Kerajaan diluluskan oleh Pegawai yang tidak diberi kuasa serta tidak semua bil yang diterima dibayar segera dalam tempoh 14 hari.
  - Kawalan Panjar Wang Runcit tidak dipatuhi oleh satu (1) Jabatan/Pejabat/Agensi kerana pemeriksaan terhadap kawalan Panjar Wang Runcit tidak dapat dijalankan berikutan ketiadaan pegawai yang bertugas untuk kawalan Panjar Wang Runcit termasuklah; surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit ada diperolehi, baki fizikal Panjar Wang Runcit bersamaan dengan baki Buku Tunai Panjar Wang Runcit, baucar bayaran direkodkan dalam Buku Tunai Panjar Wang Runcit dengan lengkap, baucar bayaran Panjar Wang Runcit diluluskan oleh Ketua Jabatan, tiada pendahuluan dibuat melalui Panjar Wang Runcit dan semua tuntutan telah diterima.
- ii. Isu ketidakpatuhan Jabatan/Agensi Negeri bagi kawalan perbelanjaan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 6.2**  
**BILANGAN JABATAN/PEJABAT/AGENSI YANG**  
**TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN**



Nota:


- a Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem adalah selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan [AP11, AP101 dan Laporan BV141 (eSPKB)]
- b Baucar bayaran yang diluluskan tidak melebihi had kuasa berbelanja yang dibenarkan.
- c Pengasingan tugas diwujudkan di antara pegawai penyedia dan pelulus.
- d Baucar bayaran disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap [AP 99 (a)].
- e Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar ditebuk/cap telah bayar.
- f Pembayaran dibuat dengan betul dan tepat.
- g Bayaran dibuat kepada penerima yang sah.
- h Pesanan Kerajaan dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian [AP 176].
- i Pesanan Kerajaan diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa.
- j Semua bil yang diterima dibayar segera dalam tempoh 14 hari [AP 103 (a)].
- k Semua bil yang diterima dicap tarikh terima bagi tujuan pemantauan bayaran.
- l Buku Vot/Buku Vot elektronik hendaklah disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia [AP 95 (e)].
- m Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit diperolehi.
- n Baki fizikal Wang PWR bersamaan dengan baki Buku Tunai PWR.
- o Baucar bayaran direkodkan dalam Buku Tunai PWR dengan lengkap.
- p Baucar bayaran PWR diluluskan oleh Ketua Jabatan.
- q Tiada pendahuluan dibuat melalui PWR.
- r Semua tuntutan rekupmen telah diterima.

iii. Kelemahan-kelemahan yang ditemui semasa pengauditan mengejut di Jabatan/Pejabat/Agensi menyebabkan rekod tidak tepat (lebihan/kurangan), tidak kemas kini yang meningkatkan risiko penyalahgunaan wang awam/ *improper payment*.

**c. Kawalan Umum**

- i. Analisis Audit mendapati 24 Jabatan/Pejabat/Agensi tidak mematuhi 12 kriteria dalam kawalan umum. Hasil analisis mendapati:
  - Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan umum adalah melibatkan kawalan daftar Pemeriksaan Mengejut di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 309 yang mana sebanyak 16 Jabatan/Pejabat/Agensi tidak merekodkan Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan ke dalam buku yang disimpan [AP 309(b)]. Seterusnya, Ketua Jabatan juga gagal melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh enam (6) bulan bagi 14 Jabatan/Pejabat/Agensi.
  - Selanjutnya, AP 69 mengenai perwakilan kuasa secara bertulis disediakan tidak dipatuhi oleh lima (5) Jabatan/Pejabat/Agensi, diikuti ketidakpatuhan oleh lima (5) Jabatan/Pejabat/Agensi terhadap pengurusan setem pos yang mana tidak semua terimaan dan pengeluaran telah direkod dan disahkan oleh Ketua Jabatan, manakala tiga (3) Jabatan/Pejabat/Agensi pula mempunyai stok setem fizikal berbeza dengan Daftar Setem. Selain itu, terdapat lima (5) Jabatan/Pejabat/Agensi juga gagal mematuhi AP 125 yang menyatakan peti besi/bilik kebal mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua (2) orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan serta tiga (3) Jabatan/Pejabat/Agensi mempunyai peti besi yang tidak dicantumkan ke rangka bangunan seperti yang ditetapkan oleh AP 127.
  - Ketidakpatuhan yang kurang signifikan dalam kawalan umum melibatkan dua (2) Jabatan/Pejabat/Agensi yang mana tiada peti besi/bilik kebal digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat seperti yang ditetapkan oleh AP126(a). Seterusnya Ruangan Buku Vot Manual dan PVR-3 tidak lengkap dan tidak kemaskini.
- ii. Isu ketidakpatuhan Jabatan/Agensi Negeri bagi kawalan umum adalah seperti carta berikut:

**CARTA 6.3**  
**BILANGAN JABATAN/PEJABAT/AGENSI YANG**  
**TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN UMUM**



**Nota:**

- a Daftar barang-barang berharga diselenggarakan.
- b Perwakilan kuasa secara bertulis disediakan [AP69].
- c Stok setem fizikal adalah bersamaan dengan Daftar Setem.
- d Semua terimaan dan pengeluaran telah direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat.
- e Peti besi/bilik kebal digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat [AP126(a)].
- f Peti besi/bilik kebal mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua (2) orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan [AP125].
- g Peti besi dicantumkan ke rangka bangunan; jika bersesuaian.
- h Ketua Jabatan melakukan Pemeriksaan Mengejut dilakukan tidak kurang sekali dalam tempoh enam (6) bulan. AP 309 (a).
- i Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan direkodkan ke dalam buku yang disimpan [AP 309(b)].
- j Ruangan Buku Vot Manual.
- k Daftar Bil diselenggara dengan lengkap dan kemaskini [AP103(a)] (jika tidak menggunakan sistem elektronik).
- l PVR-3 tidak dikemaskini iaitu tidak ditandatangan dan ruangan tidak diisi.

iii. Penemuan Audit di Jabatan/Pejabat/Agensi menunjukkan kelemahan di kawalan umum melibatkan keselamatan wang tunai/barang berharga serta ketidakpatuhan terhadap AP 309 memberi implikasi kehilangan wang awam/barang berharga. Selain itu, kelemahan ini juga berisiko terhadap penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai di PTJ/PK tersebut.

## **6.6. SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di Jabatan/Pejabat/Agensi yang diaudit adalah baik berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi tiga (3) kawalan yang diaudit. Ketua Jabatan/Pejabat/Agensi yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuatkuasa dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di Jabatan/Pejabat/Agensi dan pejabat agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan di masa akan datang. Sehubungan itu, semua Jabatan/Pejabat/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- 6.6.1. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- 6.6.2. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
- 6.6.3. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
- 6.6.4. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
- 6.6.5. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;
- 6.6.6. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
- 6.6.7. Pemeriksaan Mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



# PENUTUP



# PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjelaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**12 Jun 2018**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2018  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62518 PUTRAJAYA

**[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)**